



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 12

Khamis

4 April 2024

K A N D U N G A N

USUL :

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 (Halaman 36)
Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 (Halaman 72)
Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 (Halaman 90)
Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 (Halaman 116)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Mutang Tagal [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pendidikan Tinggi]
4. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
5. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
6. “ Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
7. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
8. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
9. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
10. “ Dato' Sri Ti Lian Ker
11. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
12. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
13. “ Datuk Razali bin Idris
14. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
15. “ Puan Susan Chemerai Anding
16. “ Tuan Manolan bin Mohamad
17. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
18. “ Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
19. “ Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol
20. “ Datin Ros Suryati binti Alang
21. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
22. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan
23. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
24. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
25. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
26. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
27. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
28. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
29. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
30. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
31. “ Tuan Abun Sui Anyit
32. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
33. “ Puan Noorita binti Sual

AHLI HADIR (samb/-)

34. Yang Berhormat Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
35. “ Tuan Pele Peter Tinggom
36. “ Dato’ Haji Husain bin Awang (Terengganu)
37. “ Tuan Hussin bin Ismail (Terengganu)
38. “ Datuk Haji Aziz bin Ariffin
39. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
40. “ Dato’ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
41. “ Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
42. “ Dato’ Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
43. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan)
44. “ Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak)
45. “ Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)
46. “ Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)
47. “ Dato’ Ajis bin Sitin (Pahang)
48. “ Dato’ Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
49. “ Dato’ Abdul Halim bin Suleiman (Johor)
50. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
51. “ Datuk Noraini binti Idris (Sabah)
52. “ Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka)
53. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong
54. “ Dr. Lingeshwaran a/l Dato’ Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
55. “ Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang)
56. “ Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
57. “ Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak)
58. “ Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
59. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
60. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan)

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]
2. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)

**AHLI TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir [Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] (Johor Bahru)
2. “ Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
3. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Pensiangan)
4. “ Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri Ekonomi] (Mukah)
5. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kerja Raya] (Pontian)
6. “ Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
7. “ Dato' Mohammad Yusof bin Apdal [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Lahad Datu)
8. “ Dato' Sri Huang Tiong Sii [Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] (Sarikei)
9. “ Datuk Ts. Mustapha Sakmud [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Sepanggar)
10. “ Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi] (Kulai)
11. “ Datuk Ugak anak Kumbong [Timbalan Menteri Digital] (Hulu Rajang)
12. “ Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Muhamad Zamani bin Mohd Ali

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Aizafasya binti Zainal

Nur Aliya binti Mustaz

Adele Beatrice anak Rabeng

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

Nurul Syakirah binti Ibharim

Suhaila binti Sariffuddin

Nor Afina binti Mohamed Rashid

Muhamad Shafiq bin Ahamad

Muhammad Akmal bin Md Yusoff

Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani

Anisah Sahirah binti Hamzah

Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif

Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid

Shazryn bin Mohd Faizal

Sharon Eugena Jack Aman

Mulyati binti Kamarudin

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Khamis, 4 April 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.00 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputus dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya adalah Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya persilakan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

1. Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, statistik terkini bilangan mangsa penipuan sindiket kerja dan apakah pelan dan tindakan kerajaan untuk menangani masalah penipuan kerja dengan lebih cekap dan berkesan

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Ramadan Kareem. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol bertanyakan tentang isu jenayah penipuan tawaran pekerjaan, berapa jumlah. Berdasarkan kepada laporan polis yang kita ambil bermula September 2021 sehingga sekarang, jumlah laporan polis, 362. Jumlah mangsa, 470 orang. Daripada 470, polis dah berjaya menyelamatkan 331. Bakinya, 139 kita kategorikan sebagai masih terkandas di negara-negara yang terlibat.

Bahagian kedua, Yang Berhormat bertanya apakah pelan dan tindakan kerajaan. Pertama, daripada segi *governance*. Jawatankuasa Kabinet dipengerusikan oleh Kementerian Luar Negeri dan KDN adalah kementerian di dalamnya, yang menganggotai di peringkat Kabinet, tapi di sana ada satu badan yang kita panggil Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO).

Yang ini ada satu bahagian di bawah KDN. Di sini, keanggotaannya ada 22 kementerian. Ada agensi, ada organisasi dan ada agensi badan bukan kerajaan. Ini termasuk Kementerian Luar Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Agensinya pula Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Kastam, Jabatan Tenaga Kerja dan segala macam.

Baik. Bila kita *establish* daripada segi jawatankuasa dan juga agensi yang berkenaan, saya ingin berkongsi dengan Ahli Yang Berhormat bahawa tindakan yang diambil termasuklah kita *engage* dengan negara-negara di mana rakyat kita ini terjebak, berada di sana. Kemboja, Thailand, Myanmar, Laos dan ada lagi beberapa negara.

Kedua, kita kenal pasti sindiket atau dalang terutama ejen pekerjaan di Malaysia. Kita *profile* kan mereka, kita *identify* mereka, kita *locate* keberadaan mereka.

Ketiga, bila kes yang kita selamatkan, kita akan adakan satu siasatan yang komprehensif. Dia mesti berakhir dengan pendakwaan. Kalau ejen pekerjaan itu melakukan kesalahan di bawah Akta Antipemerdagangan, maka dia akan kita dakwa di bawah seksyen 12 atau seksyen 14 akta ini.

Keempat, kita teruskan kempen kesedaran awam. Bagi tahu kepada rakyat bahawa usah terjebak dengan sindiket jenayah penipuan pekerjaan ini.

Kelima, kita buat libat urus yang berterusan dengan semua pemegang taruh. Tuan Yang di-Pertua, saya ambil sikit masa lagi sebab ini poin penting.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Bila kita selamatkan sejumlah mangsa tadi, pihak polis akan *profile* kan mereka. Kita jadikan mereka sebagai responden dan hasilnya kita bahagikan mereka kepada beberapa kategori. Pertama, ada di kalangan mereka yang betul-betul tahu. Sejurus mereka berangkat ke luar negara, mereka sebenarnya nak bekerja sebagai *scammer*. Dia tahu daripada awal lagi, tetapi dia masih memilih untuk terus pergi sebab upahnya lumayan, tiket kapal terbang diberi, kemudian tempat tinggal juga ada.

Kedua, dia pergi ke sana atas tujuan lain. Kemudian, dia bagi tahu kita dia sebagai mangsa. Dia pergi tujuannya untuk berjudi, dia kalah. Dia pinjam along, dia tak boleh balik. So, dia bagi tahu dia jadi mangsa, tetapi kerajaan kita ini apa pun tingkah laku kamu, kita buat. Kita bawa balik dia dulu dan kita proses mengikut undang-undang kita.

Ketiga, kita dah selamatkan dia. Kita minta dibantu, bagi kerjasama sebagai responden. Dia mengelak sama sekali. Dia tak mahu terlibat. Keempat, kita dah selamatkan dan bawa balik. Dia jadi mangsa, kita selamatkan balik tapi dia pergi pula. Okey ya, dia pergi pula.

■1010

Jadi, saya terima kasih banyak kepada Yang Berhormat kerana bangkitkan perkara ini sebab bila kita *profile* mangsa, mangsa yang paling ramai di kalangan rakyat negara kita ini orang Selangor, orang Johor, orang Sarawak nombor 3. Jadi, betullah itu Yang Berhormat, tanya soalan yang tepat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah.

Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol: Saya tanya sebab saya tahu budak-budak Sarawak di kalangan mereka banyak yang terjebak dalam sindiket ini. Jadi adakah macam kita kalau macam- *alert* sebelum mereka ini keluar negara. Ada tidak pasukan khas di pintu masuk negara untuk dapat mengesan bagi awas *or these people* mungkin bukan untuk tujuan yang sah, mungkin ada tidak timbul prasangka bahawa mereka pergi ke sana untuk tujuan sebab diperdayakan oleh sindiket ini. Ada tidak yang *that kind of alert, kind of* pasukan petugas, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Okey, bagus *angle* soalan ini. Ada tidak kita alert mereka ya? Baik, sebelum itu, bila kita *profile* orang yang kita selamatkan ini, kita tanya dia, "*Macam mana boleh terjebak?*" Dia kata, dia baca iklan dalam *WhatsApp, WeChat,*

Facebook, Telegram yang *lure* dia dengan gaji lumayan, tempat tinggal yang selesa, kerja yang mudah. Jadi, dia terkesan.

Yang kedua ialah kawan-kawan ajak. Kawan yang pernah pergi, jangan anggap semua yang pergi *scammer* itu mangsa, tidak. Ada yang dia *enjoy* kerja itu, *because* dia *earn a living*, gaji bagus, okey. Jadi, kawan dia ajak, so dia pergi. Baik, ada tidak kita *alert* dia begini? Kita kalau sebelum dia terjebak, *of course* kita buat kempen, macam yang sekarang kita di fasa akhir, KDN melalui bahagian yang saya sebut tadi, Majlis Antipemerdagangan Orang. Kita sekarang di fasa akhir, sudah dipersetujui oleh Malaysia Airports Berhad. Semua paparan, dia hendak berangkat nanti kita akan *alert* dia, kita akan ada kaunter mengingatkan dia bahawa ada jenis penipuan perdagangan yang menunggu mangsa.

Jadi, kalaulah waktu dia hendak bergerak keluar, hendak *boarding* nanti itu dia nampak kaunter kita itu, mungkin dia boleh semak, satu.

Kedua, paparan-paparan elektronik digital nanti. Kita akan jadikan dia *visible* di pintu keluar negara kita sebagai ikhtiar akhir kita. Lain daripada itu, *of course* kempen yang berterusan. Saya hendak ajak Ahli Yang Berhormat semua kita ini ambil tanggungjawab yang sama sebab kesan ini, bila kita *profile* ini, mangsa itu ada yang PhD, lulusan PhD, bukan calang-calang, lulusan Ijazah, paling koman SPM tetapi naif untuk percaya bahawa umpan jenayah kerja ini lumayan, bila kita *profile*. Dia memangsakan semua kategori, bandar, luar bandar, lulusan tinggi, lulusan biasa, okey.

Baik, ada tidak yang kita selamatkan itu peringkat kanak-kanak? Ada, yang umur 16 tahun pun ada kita selamatkan. Bila kita selamat, kita caj bawah 14, Akta Pemerdagangan Orang sebab tindakan hukumannya lebih *severe*, penjara 30 tahun, denda, sebat kalau melibatkan mangsa kanak-kanak tetapi kalau melibatkan mangsa biasa, penjara 20 tahun, hukuman penjara. Jadi, langkah untuk menakutkan ini ada undang-undang yang cukup ke depan, bahkan kita antara negara ASEAN yang paling ke depan memasukkan ke dalam agenda ASEAN. Dari segi- kita tahun depan akan jadi *Chairman* ASEAN. Kitalah yang mencadangkan supaya tajuk jenayah penipuan pekerjaan ini dimasukkan dalam satu daripada sepuluh agenda keutamaan yang kita akan bawa bila kita mempengerusikan ASEAN tahun depan.

Jadi, *alhamdulillah United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)* ini pun telah pun menerima bahawa kalau sebelum ini jenayah jenis ini dikategorikan sebagai mangsa tipu tetapi sekarang UNODC, United Nations iktiraf ini sebagai jenayah pemerdagangan orang. Itu antara yang kita lihat bukan sahaja kita tetapi negara serantau dan juga global. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Ada orang Johor ke, Selangor hendak tanya? Kalau tidak ada, saya terus ke soalan kedua. Saya jemput Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 2.

2. Dato' Haji Husain bin Awang minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan, perancangan yang disasarkan kerajaan dalam mengimbangi jumlah nilai pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) di negara ini untuk tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Kementerian kita, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri melalui MIDA ataupun Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia sentiasa menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara melalui usaha-usaha yang berterusan dan juga menarik pelaburan yang berkualiti tinggi bagi kedua-duanya, pelaburan asing dan juga pelaburan domestik.

Jadi, pelaburan asing ini kita terma kan sebagai FI dan pelaburan domestik, DI. Antara strategi dan inisiatif khusus yang telah dilaksanakan dalam mengimbangi DI dan FI adalah termasuk menerusi dasar-dasar seperti penekanan terhadap kepentingan pertumbuhan DI sebagaimana digariskan di dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu kita. Sasaran NIMP yang berkaitan adalah ini hendak bagi memperluaskan lagi rangkaian domestik dan mempertingkatkan juga keterangkuman ekonomi.

Misi keempat kita iaitu menjamin sekuriti ekonomi dan keterangkuman bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang dapat memastikan *the security of supply chain*, dengan izin, sekuriti rantai bekalan untuk menyokong PMKS dan menggalak juga penyertaan saksama dalam aktiviti ekonomi di semua negeri. Keduaanya, DI dan FI ini mempunyai kebergantungan antara satu sama lain dan juga saling melengkapi.

Sehubungan itu, Majlis Pelaburan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menetapkan supaya DI ini, pelaburan domestik dijadikan sebagai antara petunjuk prestasi utama ataupun KPI bagi menjana pelaburan dalam negara. Kita juga menganjurkan lawatan-lawatan ke syarikat-syarikat tempatan berpotensi di seluruh negeri bagi membincangkan rancangan projek pelaburan baru dan juga pembesaran syarikat. Usaha ini dapat *insya-Allah*, meningkatkan lagi pelaburan domestik di dalam negara kita.

Kita juga menganjurkan *Program MIDA Invest Series Conference* yang mana program ini adalah bagi menyerlahkan lagi potensi pelaburan di setiap negeri dan selanjutnya kita hendak memperkukuhkan lagi pertumbuhan pelaburan domestik ini melalui ketersediaan maklumat terkini dan juga landskap pelaburan ekonomi di setiap negeri. Kita juga adakan seminar pelaburan tempatan ataupun SME Investment Desk. Ini mengenai inisiatif dan juga fasiliti terkini yang disediakan oleh kerajaan serta memberi khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat tempatan.

Kita ada juga menyediakan galakan cukai dan geran yang dikhaskan untuk syarikat pengilang tempatan, khususnya PKS seperti galakan cukai dan juga menjalankan keluaran atau aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan. MITI dan juga MIDA, kita akan terus mencadangkan berbagai-bagai inisiatif lain yang menerusi belanjawan pada tahun ini, *insya-Allah* bagi membantu syarikat-syarikat tempatan kita agar terus kekal berdaya saing, bukan sahaja di peringkat domestik tetapi juga di peringkat global.

Kita buat lagi unsur-unsur proaktif dalam memastikan keseimbangan pertumbuhan pelaburan domestik kita dan juga pelaburan asing untuk kita laksanakan secara berterusan, khususnya bagi merangsang pembangunan yang mampan dan lestari seperti yang kita sebut tadi hendak memperkukuhkan ekosistem perindustrian domestik dan juga membantu syarikat-syarikat tempatan untuk lebih berdaya tahan. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Dato' Haji Husain.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ekosistem syarikat pemula atau *startup* di negara kita mempunyai potensi yang besar, tetapi terkebelakang dalam memenuhi potensi tersebut. Antara faktornya adalah kesukaran syarikat-syarikat pemula, termasuk milik bumiputera mendapatkan dana yang diperlukan untuk memajukan perniagaan mereka ke tahap seterusnya.

Dalam usaha menggalakkan perkembangan pelaburan langsung domestik (DI), apakah inisiatif kerajaan bagi memberikan pendedahan kepada syarikat-syarikat pemula bumiputera yang berpotensi ini tentang sumber-sumber pendanaan alternatif seperti *equity*, *crowdfunding* dan sebagainya? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

■1020

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi pihak MITI, melalui agensi kita, terutamanya MIDA dan juga MIDF, kita bekerjasama dengan KUSKOP, Kementerian Usahawan. Mereka juga melalui agensi SME Corp, mereka pun ada SME Bank dan sebagainya. Pada masa yang sama, baru-baru ini, kedua-dua kementerian telah berjumpa.

Bagi MITI, kita akan memberi tumpuan kepada sektor pembuatan di mana golongan Bumiputera daripada segi *participation*-nya agak kurang. Oleh itu, pada masa yang sama, isu yang utama seperti yang disebut oleh Yang Berhormat ialah isu *facility* kewangan di mana akses kepada *financing* agak susah.

Oleh itu, dalam rancangan kita, Pelan Induk Perindustrian baharu, ada pengumuman yang dibuat di mana peruntukan akan diberi melalui MITI juga untuk memperkuat syarikat-syarikat tempatan terutamanya pelabur-pelabur domestik kita dan juga syarikat-syarikat Bumiputera.

Di sini, diumumkan baru-baru ini dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu, Yang Amat Berhormat dalam Belanjawannya untuk tahun ini telah memperuntukkan RM200 juta, tetapi kalau kita lihat, sebenarnya isu utama bukan sahaja isu kewangan, tetapi juga isu *capacity building* di mana kita perlu juga berkongsi pengalaman, berkongsi pengetahuan dan ini kita juga membuatnya melalui SME Corp dan juga melalui agensi-agensi lain yang berkaitan.

Statistik menunjukkan tiga cabaran utama. Satu, disebut tadi, *access to financing*. Kita memberikan peluang, juga melalui bank-bank tempatan supaya lebih proaktif untuk membantu PKS kita kerana PKS itu merupakan salah satu *employee, employer* yang paling besar di negara kita. Keduanya ialah melalui *capacity building*. Dan terakhirnya, yang penting juga ialah untuk memberi akses kepada produk-produk mereka. Di sini, MATRADE juga memainkan peranan untuk mereka bersaing juga di peringkat global. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tan Sri Low.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan penjejak awam- *public tracker* untuk memantau kemajuan bagi setiap pelaburan yang diluluskan ke arah realisasi dan fasilitasi yang disediakan. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri.

Dalam MIDA, ada satu sistem yang dipanggil *On-Track* di mana kita memastikan pemantauan itu berjalan dengan rapi, tetapi baru-baru ini dalam mesyuarat Majlis Pelaburan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga beberapa Menteri yang lain yang hadir- ada lah ahli majlis juga- kita membincangkan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, di mana kita telah meminta sedikit peruntukan supaya kita menarik taraf sistem ini.

Kerana ini amat diperlukan kerana isu atau cabaran utama juga adalah daripada segi isu pelaksanaan di mana ada banyak cabaran-cabaran yang telah dikongsi oleh syarikat-syarikat tempatan dan juga syarikat-syarikat asing daripada segi kelewatan untuk memproses, dan kita kena *be very detail*, dengan izin, apa isu-isu yang, *roadblock-roadblock* yang berlaku semasa pelaksanaan sesebuah projek.

Dalam ini, *alhamdulillah*, apa yang telah kita buat kajian, 85 peratus daripada pelaburan yang telah komited telah dilaksanakan. Masanya lebih kurang dua hingga tiga tahun, tetapi ada juga projek-projek yang lewat kerana isu-isu bukan sahaja di peringkat Persekutuan, di peringkat negeri, peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT). Kalau ada sistem

ini, dan saya gembira ini dibangkitkan, ini akan dapat membuatkan pemantauan kita lebih rapi dan, *insya-Allah*, pelaksanaannya pun lebih pantas. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri soalan dari Sarawak.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, Sarawak telah ke hadapan dengan teknologi hidrogen dan *carbon capture and carbon trading*. Apakah inisiatif-inisiatif dari Kerajaan Persekutuan untuk membantu Sarawak merealisasikan PCDS 2030 *which include this hydrogen technology and carbon capture?* Terima kasih.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Pada minggu lepas, kita telah ada mesyuarat mengenai isu-isu tenaga, Majlis Tenaga Negara, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Premier Sarawak, Ketua Menteri Sabah, agensi-agensi berkaitan, Menteri-menteri yang berkaitan hadir. *This was inaugural* mesyuarat mengenai isu-isu tenaga terutamanya isu-isu tenaga *renewable energy*, tenaga boleh diperbaharui.

Salah satu cadangan yang betul, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, Sarawak dah ke hadapan melalui inisiatif-inisiatif negeri sendiri sejak kebelakangan ini. Sebenarnya dah mula bukan tahun ini, dah dua tiga tahun yang lepas ialah hidrogen dan juga *carbon capture and storage*. *In fact, carbon capture, utilization and storage* juga, CCUS di mana pihak kerajaan negeri bersama juga dengan syarikat-syarikat Sarawak telah bekerjasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa dari negara Jepun, Korea dan sebagainya.

Di sini, PETRONAS dan juga syarikat-syarikat daripada segi kementerian-kementerian yang berkaitan, Kementerian Tenaga semua, bekerjasama. Kerana kita perlu memastikan teknologi ini adalah selaras dengan aspirasi negara ataupun komitmen negara untuk mencapai *net zero* seawal-awal tahun 2050.

Sarawak pun sekarang sebenarnya daripada segi kapasiti daripada segi tenaga boleh diperbaharui adalah 70 peratus. Sebenarnya sudah *meet the target*-lah, tetapi apa yang perlu kita buat, kita gunakan *resources* yang kita ada, kepakaran yang kita ada di Sarawak bersama-sama dengan Semenanjung dan antarabangsa supaya negara Malaysia dapat mempergunakan teknologi ini. Ini masih lagi mahal pada masa ini. Solar adalah salah satu lagi opsyen kita dan juga *Battery Energy Storage System* (BESS).

Oleh itu, kita kena lihat semua tenaga yang lebih *green* ini, *green economy* dan, *insya-Allah*, bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan juga syarikat-syarikat yang berkaitan di negeri Sarawak, kita akan memastikan supaya penyelarasan, pelaksanaan yang lebih pantas dan lebih komersial juga pada masa yang sama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3.

3. Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta Menteri Pengangkutan menyatakan, jumlah penerbangan domestik ke negeri Kelantan bagi setiap hari terutamanya pada musim perayaan dan apakah pihak kerajaan berhasrat untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra menjadi lapangan terbang antarabangsa.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini Malaysia Airline Berhad, *AirAsia*, *FireFly* dan *Batik Air Malaysia* menyediakan perkhidmatan penerbangan ke Kota Bharu, Kelantan dengan jumlah kekerapan keseluruhan sebanyak 129 penerbangan seminggu dari enam buah destinasi iaitu Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Johor Bahru, Kuching, Pulau Pinang dan Subang.

Dalam hubungan ini, kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan semasa musim-musim perayaan, khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi termasuk ke Kota Bharu. Sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2024, bilangan penerbangan tambahan ke Kota Bharu sebanyak 60 penerbangan dengan bilangan penambahan tempat duduk sebanyak 15,962 buah kerusi.

Projek penaiktarafan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sedang giat dijalankan melalui perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 di bawah Kementerian Pengangkutan. Fasa 1 kerja pembinaan dijangka akan siap pada 30 April 2024, diikuti dengan fasa kedua 26 Januari 2025. Apabila projek menaiktarafkan tersebut disempurnakan pada tahun 2025, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dapat menampung kapasiti sebanyak empat juta orang penumpang setiap tahun.

Pada masa ini, negara telah mempunyai enam buah lapangan terbang antarabangsa iaitu KLIA, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang, Langkawi dan Johor Bahru.

■1030

Lapangan-lapangan terbang domestik lain termasuk juga Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa ini. Walaupun Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, namun ia masih boleh menerima dan mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa seperti Lapangan Terbang Miri dan Ipoh yang mempunyai penerbangan ke Singapura.

Dalam hubungan ini, sebarang cadangan untuk menyedia dan menambah kekerapan jadual penerbangan bagi mana-mana laluan termasuk laluan ke Lapangan Terbang Sultan

Ismail Petra adalah merupakan perancangan yang ditentukan sendiri oleh syarikat-syarikat penerbangan berdasarkan *commercial viability*, dengan izin, sesuatu laluan dan tertakluk kepada kelulusan daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) sebelum ia dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Dr. Hajah Wan Martina.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah bentuk sokongan yang diberikan oleh kerajaan kepada industri penerbangan untuk menambah destinasi dari dan ke Kota Bharu bagi menggalakkan lebih ramai pelancong domestik ke Kelantan terutamanya pada Tahun Melawat Kelantan 2024, tahun ini lah? Terima kasih.

Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Rasanya sebagaimana yang saya katakan tadi satu pembesaran lapangan terbang daripada 1.5 mppa apabila siap nanti. *Insyah-Allah* ia boleh menampung empat juta orang penumpang setahun. Itu satu sokongan, sudah pasti ya.

Keduanya, bercerita tentang pelancongan ini. Inilah peranan yang mesti dibuat oleh kerajaan negeri sendiri, bagaimana untuk menarik pelancongan baik dari dalam ataupun luar negara. Kalau di sana keperluan ini ada, sudah pastinya seperti membawa penerbangan *direct* dari luar negara pun boleh, yang boleh *landing* di sana.

Usaha ini mesti dibuat supaya dapat menarik pelancong-pelancong ini, tetapi sekarang ini pun sudah, memang masa hari perayaan pun sudah 60 penerbangan ditambah untuk hari raya ini sahaja. Untuk hari Tahun Melawat Malaysia 2026, *airport* sudah sedia. Tinggal kita bagaimana hendak menarik pelancong ini. Peranan ini mesti juga dibuat dengan Kementerian Pelancongan dan kerajaan negeri menyediakan bagaimana hendak menarik ramai lagi orang, selain daripada domestik dan juga dari luar negara. Jadi, inisiatif-inisiatif ini haruslah dilakukan oleh negeri masing-masing. Masing-masing semua hendak tarik pelancong ke negeri masing-masing.

Jadi, usaha itu saya harap dapat dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Itu memainkan peranan sebenarnya ya bagaimana untuk menambah *all this product* pelancongan yang boleh menarik ramai. Rasanya *transportation is no problem*. Kalau perlu, kita boleh tambah. Kita boleh beri kebenaran kepada *airline-airline* yang hendak masuk, *landing* di Sultan Ismail Petra. *Insyah-Allah*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau tiada soalan tambahan, saya terus kepada jemput Datuk Mujahid.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:

*Pagi raya makan ketupat;
Soalan nombor empat.*

Ini hendak dekat-dekat raya ini.

4. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta Menteri Ekonomi menyatakan, apa perkembangan enam- pemacu peralihan tenaga yang akan memangkinkan ekonomi bersih negara melibatkan pelaburan RM6 bilion dan senaraikan nama pemain besar dari syarikat-syarikat *Renewable Energy 100* (RE100) yang berminat untuk melabur di Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri. Sila sediakan ketupat. [Ketawa]

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Mohon maaf, saya tidak pandai berpantun.

Tuan Yang di-Pertua, pelan hala tuju *National Energy Transition Roadmap* (NETR) dibangunkan bagi mempercepat usaha peralihan tenaga negara. Sebanyak 10 projek dan inisiatif *flagship* berdasarkan enam- pemacu peralihan tenaga telah diperkenalkan dengan izin, pertama, *Energy Efficiency (EE)* atau kecekapan tenaga. Terdapat satu projek *flagship* iaitu, dengan izin, *Efficient Switch* melibatkan dua inisiatif utama iaitu pembangunan akta kecekapan dan pemeliharaan tenaga serta pelaksanaan audit bagi sektor *real*.

Kedua, *Renewable Energy (RE)* yang mengandungi tiga projek *flagship* di bawahnya iaitu *RE Zones, Energy Storage, Energy Secure*. Terdapat enam objektif utama iaitu penubuhan Zon RE Bersepadu, pembangunan Taman Suria, pembangunan solar terapung hidro, hibrid, sistem penstoran tenaga, inisiatif jaminan bekalan tenaga Sabah dan solar kediaman.

Ketiga, hidrogen. Terdapat dua projek *flagship* di bawah pemacuan ini iaitu hidrogen hijau dan hidrogen penjanaan elektrik. Inisiatif adalah pembakaran bersama H₂ dan anomia serta pelaksanaan hab hidrogen Sarawak.

Keempat, *bioenergy* yang mempunyai satu projek *flagship* iaitu penciptaan permintaan biojisim. Dua inisiatif utama adalah pembangunan kluster biojisim dan pembakaran bersama biojisim.

Kelima, *green mobility*. Terdapat dua projek *flagship* iaitu mobiliti masa depan dan bahan api masa depan. Antara inisiatif utama di bawah dua projek *flagship* adalah pembinaan stesen pengecasan EV dan elektrifikasi pengangkutan awam.

Keenam, *carbon capture utilization and storage (CCUS)* yang mempunyai satu projek *flagship* iaitu CCS untuk industri. Inisiatif adalah penyediaan kerangka dasar CCUS serta pelaksanaan projek CCS di Kawasari dan Lang Lebah yang sedang diterajui oleh Kerajaan Sarawak.

Kesemua projek ini dipantau oleh Jawatankuasa Peralihan Tenaga Negara, Kementerian Ekonomi. Kemajuan projek adalah pada kematangan dan garis masa yang berlainan kerana bergantung pada teknologi yang diperlukan serta keperluan pembiayaan.

Kerajaan telah menyasarkan kapasiti terpasang RE kepada 70 peratus menjelang tahun 2050 bertujuan menarik syarikat multinasional khususnya RE100 untuk beroperasi di Malaysia. Antara syarikat RE100 yang telah berjaya mencapai 100 peratus RE di Malaysia adalah seperti *Jinko Solar* dan *Konica Minolta*. Manakala syarikat RE100 lain seperti *Decathlon Malaysia* sedang giat melabur bagi mencapai sasaran RE masing-masing.

Terdapat juga lebih daripada 400 buah syarikat multinasional yang disenaraikan dalam RE100. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah mengenal pasti permintaan tenaga hijau daripada beberapa buah syarikat dalam senarai RE 100. Perbincangan masih lagi berlangsung dan dijangka akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat Mujahid.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Soalan tambahan saya, apabila kita mula masuk kepada *circular biobased economy*, sudah tentulah kita mencari sumber yang baharu tetapi pada waktu yang sama sumber yang telah sedia ada, ialah bio tenaga daripada *palm oil mill effluent* dan permintaan itu sangat tinggi di negara Eropah.

Jadi, apa yang telah sedia ada ini, apakah sikap Kementerian Ekonomi untuk meningkatkan lagi pengeksportan kita kepada luar dalam bio tenaga ini? Sekian, terima kasih.

Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Itu adalah cadangan yang baik. *Insyah-Allah* kita akan mencadangkan supaya dapat di-*explore*-kan. Buat masa sekarang, kita mempunyai daripada segi *biomass co-firing* diteraju oleh Malakoff dan ini adalah fasa perintis pertama yang melibatkan dua peratus pembakaran bersama biojisim sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada tahun 2024. Terima kasih. Selamat Hari Raya.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Dominic.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih. Datuk Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit kepada salah satu- pemacu peralihan tenaga seperti tadi Yang Berhormat Menteri MITI mengatakan CCUS. Sejauh manakah kerajaan telah menerokai perjanjian dua hala dengan pendekatan G2G untuk memudahkan kerjasama dalam sektor CCUS antara negara jiran dalam ASEAN? Terima kasih.

Yang Berhormat Senator, waktu sekarang memang sudah mempunyai perjanjian antara kerajaan negeri Sarawak dengan negara kalau tidak salah Jepun dan Korea. Ini adalah melalui SEDC mereka. *Insyah-Allah* kalau tidak salah ia dalam pelaksanaan dan CCUS kerangka dasar *insyah-Allah* dalam tahun 2025, 2026 akan dilaksanakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, saya jemput Senator Dato' Ahmad bin Ibrahim.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 5.

5. Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah kementerian akan memperketat dan memperkenalkan prosedur-prosedur baharu terhadap pesakit warga asing yang menerima rawatan di klinik dan hospital kerajaan dengan syarat jaminan bayaran dan bayaran deposit 50 peratus sebelum menerima rawatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Ahmad atas soalan yang dikemukakan.

■1040

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menetapkan agar bayaran deposit perlu dikutip daripada pesakit warganegara asing bagi setiap kemasukan di hospital selaras dengan peruntukan Perenggan 14, Perintah Fi Perubatan Kos Perkhidmatan 2014.

Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, Bilangan 2 Tahun 2019, Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi Perubatan Kos Perkhidmatan 2014 juga telah menetapkan kadar deposit mengikut kelas wad dan jenis perkhidmatan perubatan. Sebagai contoh, kadar deposit bagi prosedur perubatan di wad kelas ketiga akan dikenakan caj deposit sebanyak RM1,400. Manakala, bagi kelas satu adalah sebanyak RM7,000.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat swasta diberikan pilihan untuk mengadakan jaminan bank dengan KKM melalui satu ikatan perjanjian di bawah prosedur permohonan mendapatkan kemudahan rawatan pesakit dalam di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dengan menggunakan surat jaminan syarikat dan penyediaan jaminan bank.

Melalui perjanjian ini, syarikat swasta perlu membayar jaminan bank berdasarkan bilangan pekerja. Sebagai contoh, syarikat swasta perlu mengadakan jaminan bank sebanyak RM2,500 jika bilangan pekerjanya mencapai 200 orang. Sekiranya bil perubatan tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, potongan jaminan bank akan dilaksanakan untuk menjelaskan bayaran bil tertunggak terlibat.

Sehingga Februari 2024, sebanyak 823 buah syarikat telah menandatangani perjanjian jaminan bank dengan KKM untuk kemudahan perubatan bagi pekerja asingnya. KKM pada masa ini juga sedang meneliti semula prosedur penetapan deposit dan jaminan bank dari segi kadar dan tatacara kutipan agar jumlahnya mencukupi untuk membiayai kos perubatan warga asing berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Dato' Ahmad.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Ya, terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, soalan tambahan saya ialah berapakah pesakit warga asing yang menerima rawatan di hospital kerajaan dicatatkan pada tahun lepas dan berapa nisbah peratusan di kalangan warga tempatan dan warga asing yang datang ke hospital menerima rawatan, terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berdasarkan maklumat yang dicatatkan pada tahun lepas, jumlah kedatangan pesakit pada tahun lepas di kalangan warganegara adalah sekitar 23,197,731 orang bersamaan dengan 96.89 peratus. Manakala warganegara adalah mencatatkan kadar 72,078 orang kemasukan dengan cacatan 3.11 peratus, bukan warganegara. Bermaksud pada nisbah 30 orang warganegara dan satu adalah nisbah warga asing.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Negara, jumlah kadar kutipan fi yang dicatatkan pada tahun lepas pula adalah sekitar- untuk warganegara kita mencatatkan pada sekitar RM268 juta dan *plus, plus* dan juga untuk warga asing pada kadar RM257 juta. Walaupun demikian, terdapat kenyataan akhbar yang mencatatkan bahawa kita tidak mampu untuk mencapai kutipan fi hampir RM100 juta.

Kenyataan tersebut ingin saya nyatakan adalah tidak betul. Walaupun demikian, memang terdapat kutipan fi yang tertunggak dan catatan yang kami dapat adalah dalam sekitar RM40 juta yang tidak dikutip tunggakan dari hospital-hospital. dan juga hospital yang mencatatkan kutipan yang tertinggi tertunggaknya kutipan ini adalah di negeri Sabah dan pelbagai faktor yang telah kita peroleh menyebabkan tunggakan tersebut berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada soalan tambahan, saya terus jemput Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

6. Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, pandangan kementerian dalam menilai semula dasar, pendekatan dan keperluan dalam usaha memartabatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan. Datuk Yang di-Pertua, rentetan daripada peristiwa perkauman pada 13 Mei 1969, kerajaan sedar bahawa perpaduan rakyat merupakan teras kepada cita-cita ke arah pembentukan bangsa dan negara. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) diketuai oleh Tun Abdul Razak telah berusaha menangani permasalahan perkauman demi memperkukuhkan ketahanan negara dan mengekalkan perpaduan bangsa.

Jabatan Perpaduan Negara telah ditubuhkan bagi menerajui usaha untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional. Walaupun telah beberapa kali melalui perubahan nama dan status, peranan utama institusi berkenaan tetap sama iaitu sebagai peneraju untuk menyemai, meningkat serta mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.

Komitmen kerajaan dalam melihat perpaduan sebagai asas kestabilan masyarakat dan kunci kepada pembangunan dan kesejahteraan negara menyaksikan Kementerian

Perpaduan Negara telah diwujudkan semula pada 10 Mac 2020 setelah dimansuhkan pada tahun 1994. Bagi memastikan agenda perpaduan dapat dikendalikan secara bersepadu dan lebih tersusun.

Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Dasar Perpaduan Negara yang berasaskan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan bagi mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia. Dasar Perpaduan Negara menggariskan tiga objektif utama iaitu mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat-menghormati dan bertanggungjawab serta melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 telah dihasilkan yang turut melibatkan peranan kementerian dan agensi kerajaan yang lain. Sehubungan dengan itu, kementerian telah menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia Madani berkonsepkan perpaduan dalam kepelbagaian yang selari dengan Dasar Perpaduan Negara bagi mencapai agenda membangun Malaysia Madani. Kerangka ini memperkenalkan *flagship* Kembara Perpaduan yang memayungi tiga kluster program melalui pendekatan *whole-of-government approach*.

Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) baru-baru ini telah bersetuju agar Dasar Perpaduan Negara yang sedia ada dikaji dan diteliti semula supaya seiring dengan keadaan semasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Dominic.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, sebelum ke soalan tambahan, saya ingin merekodkan dekat sini bahawa tindakan Kementerian Perpaduan Negara dalam isu berkaitan KK Mart adalah sangat-sangat lemah dan lambat. Kementerian perlu menilai semula pendekatan dalam sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan perpaduan.

Soalan tambahan saya ialah, memohon Menteri menyatakan apakah usaha dan pendekatan yang diambil oleh kementerian setakat ini dalam memperbaiki hubungan kaum selepas kekecohan akibat kejadian isu stoking di KK Mart. Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi menjawab pendirian ataupun tindakan yang diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara, saya ingin menjelaskan bahawa di peringkat kementerian, KPN sentiasa mengingatkan semua pihak agar berhati-hati dalam menyatakan sebarang- membuat sebarang kenyataan ataupun melakukan apa-apa tindakan yang menyentuh sensitiviti agama dan perkauman.

Akan tetapi, untuk mengambil tindakan terhadap sebarang perbuatan demikian adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Tindakan sedemikian boleh disabitkan atas kesalahan di bawah undang-undang yang berkenaan seperti seksyen 298A Kanun Keseksaan dan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

■1050

KPN juga sentiasa menekan dan juga turut menyokong penuh Titah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim ibni Sultan Iskandar supaya pihak berkuasa mengambil tindakan tegas termasuk mengenakan hukuman berat terhadap pihak yang melakukan kesalahan supaya ia menjadi pengajaran kepada orang lain. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahun 2021, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan buku Dasar Perpaduan Negara tetapi saya kira sangat kurang publisiti dan banyak sektor yang tidak mengetahui kandungan yang saya kira sangat penting. Jadi, apakah langkah kementerian dalam mempromosi dan membuat publisiti bagi menyampaikan maklumat penting itu kepada seluruh masyarakat? Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Terima kasih atas soalan tadi Yang Berhormat. Kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mempromosikan dasar perpaduan melalui pelbagai program yang dilancarkan oleh kementerian. Program *flagship* Kembara Perpaduan merupakan salah satu daripada inisiatif kerajaan untuk memperkenalkan Dasar Pembangunan Perpaduan Negara kepada masyarakat dan kita ambil maklum perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kita akan cuba untuk mempromosikan lagi Dasar Pembangunan Negara kepada rakyat jelata. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

*Jula juli bintang tujuh;
Soalan saya nombor tujuh.*

7. **Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, langkah segera kerajaan bagi menangani isu jaminan kapasiti bekalan beras putih tempatan dan sejauh mana pengeluaran padi tempatan dapat memenuhi keperluan pengguna tempatan menjelang 2025.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Kementerian

Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah melaksanakan pelbagai langkah intervensi bagi memastikan keberadaan beras putih tempatan di pasaran tempatan. Sehingga 26 Mac 2024, sebanyak 4.15 juta kampak beras putih tempatan, 10 kilogram telah dipasarkan ke seluruh Semenanjung Malaysia melalui Program Khas Beras Putih Tempatan yang dilaksanakan sejak 15 September 2023.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 19 Mac 2024 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memuktamadkan beberapa langkah segera seperti berikut:

- (i) bagi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga yang munasabah, kerajaan bersetuju supaya penurunan harga jualan runcit beras putih import di antara RM2 hingga RM3 di pasaran dilaksanakan berkuat kuasa 20 Mac 2024;
- (i) bagi meningkatkan pengedaran beras putih tempatan di pasaran, kerajaan memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan metrik dapat diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan sertamerta;
- (ii) KPKM akan meningkatkan penguatkuasaan melalui kawal selia padi dan beras di seluruh negara secara bersasar melibatkan pemegang lesen kilang, beli padi, borong, eksport, import di seluruh negara;
- (iii) dalam meluaskan jaringan pengedaran beras putih tempatan, aktiviti Jualan Agro Madani yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan diperluaskan daripada segi lokasi dan peningkatan kekerapan program; dan
- (iv) kerajaan turut bersetuju agar semua kontrak kerajaan mengguna pakai sepenuhnya beras putih import. Melalui kaedah ini, bekalan tambahan beras putih tempatan sebanyak 20,000 tan metrik dapat diedarkan sepenuhnya di pasaran pada April 2024.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa kini pengeluaran padi negara adalah sekitar 2.28 juta tan metrik. Justeru, kementerian telah memperkenalkan inisiatif Gelombang Padi di mana sebanyak 12 program akan digerakkan pada tahun ini bagi mengangkat industri padi dan beras negara ke tahap lebih cekap dan berdaya tahan. KPKM yakin, kesemua inisiatif yang dilaksanakan ini dijangka akan dapat meningkatkan bekalan beras putih tempatan di pasaran menjelang tahun 2025. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Datuk Mustafa.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita perhatikan julat harga antara beras import dan juga beras tempatan tinggi dan ini menyebabkan barangkali berlakunya ketirisan dalam pengendalian beras-beras tempatan. Jadi, sebagai langkah jangka pendek, adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu Skim Bantuan Madani beras import kepada golongan B40 yang mungkin terkesan daripada kenaikan harga ini? Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kerajaan ambil maklum tentang isu-isu di pasaran tentang jurang harga di antara beras import dan juga beras tempatan. Kalau berkaitan dengan beras import, itulah langkah intervensi yang diambil segera daripada kerajaan hasil daripada Mesyuarat NACCOL pada 19 Mac 2024 iaitu untuk menurunkan harga beras import di antara RM2 hingga RM3 untuk mengurangkan jurang perbezaan harga itu.

Pada masa yang sama, kerajaan mengambil langkah intervensi memastikan bahawa bekalan beras putih tempatan dapat diakses oleh rakyat melalui:

- (i) melepaskan stok semasa sebanyak 140,000 tan metrik kepada pasaran; dan
- (ii) meluaskan lagi rangkaian penjualan beras putih import melalui program seperti Jualan Agro Madani dan sebagainya.

Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Dominic. Sudah banyak kali Datuk Dr. Dominic.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak. Saya terus kepada soalan nombor lapan... *[Ketawa]*
Saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee. Datuk Teo.

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee: Terima kasih. Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

8. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta Menteri Digital menyatakan, apakah pandangan kementerian terhadap cadangan pelaksanaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 terhadap Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sebagai usaha memupuk akauntabiliti kerajaan terhadap kejadian seperti penggodaman pangkalan data kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak anak Kumbong]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Teo. Tuan Yang di-Pertua, bidang kuasa Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 *[Akta 709]* adalah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi yang

melibatkan transaksi komersial. Berdasarkan seksyen 3(1) akta yang sama, kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri adalah tidak tertakluk kepada akta ini.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pihak kerajaan turut tertakluk kepada prinsip-prinsip amalan terbaik perlindungan data peribadi, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) bersama-sama dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) sedang meneliti keperluan memperkukuhkan amalan keselamatan data peribadi sektor awam melalui arahan keselamatan dalam masa terdekat ini.

Usaha ini menggambarkan komitmen kerajaan dalam mewujudkan ekosistem digital kerajaan yang dipercayai bagi menyokong usaha pendigitalan negara. Kementerian juga sedang memperkemas Akta 709 melalui pindaan akta tersebut yang melibatkan beberapa penambahbaikan. Rang undang-undang ini dijangka akan dibentangkan dalam sesi Parlimen yang akan datang Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri telah membangunkan polisi keselamatan siber masing-masing berpandukan kepada Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA) dan Dasar Keselamatan ICT yang dibangunkan oleh Jabatan Digital Negara, dahulunya dikenali sebagai MAMPU, demi memastikan sistem ICT kerajaan terpelihara daripada kejadian seperti penggodaman pangkalan data kerajaan yang melibatkan data peribadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Datuk Teo.

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Sedia faham bahawa ramai rakyat sering menerima panggilan telefon *span* serta daripada *scammer*. Berkemungkinan besar data peribadi seperti nombor telefon telah dibocorkan dan dijual oleh sindiket penjenayah.

■1100

Mohon Menteri pernyataan, usaha kementerian pada tahun 2023 dalam memupuk perkongsian merentasi sektor awam serta swasta dalam usaha memerangi kegiatan jenayah siber serta mengukuhkan daya tahan pertahanan siber Kerajaan Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak anak Kumbong]: Panjang sangat Tuan Yang di-Pertua. Datuk Yang di-Pertua, semalam Kementerian Digital telah- di Dewan Rakyat telah luluskan Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2014 dan juga di Dewan Negara pada semalam telah meluluskan.

Melalui Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 ini, aspek keselamatan siber Yang Berhormat, bagi infrastruktur maklumat kritikal negara akan diperketat melalui rangka kerja yang diwujudkan dalam rang undang-undang tersebut.

Yang Berhormat, kerajaan kita melaksanakan pengujian keselamatan dan mengukuhkan berdasarkan prinsip kerahsiaan, integriti, ketersediaan atau *confidentiality*,

integriti dan *availability* sebagai mana yang telah ditetapkan oleh arahan pekeliling yang berkuat kuasa serta amalan terbaik keselamatan ICT.

Ini juga kita memastikan elemen perlindungan keselamatan aset ICT diambil kira semasa pemilihan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam, sebelum sesuatu projek ICT diluluskan. Saya ingat dengan jelas Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, semalam YB Menteri pun dah menghurai secara panjang ya fasal akta siber itu ya. Terima kasih. Sekarang ini saya jemput Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 9.

9. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan, garis masa untuk Rang Undang-undang setara dengan *lemon law* digubal dan dibentangkan di dalam Parlimen untuk melindungi hak pengguna memandangkan terdapat peningkatan dalam kes kenderaan rosak walaupun kenderaan tersebut baru dibeli.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Low.

Tuan Yang di-Pertua, *lemon law* merupakan satu undang-undang yang menyediakan hak tebus rugi ataupun *redress* kepada pembeli kereta dan barangan pengguna lain untuk mendapatkan *remedy* terhadap produk yang berulang kali rosak dan gagal memenuhi standard kualiti dan prestasi. Antara *remedy* yang boleh dituntut oleh pengguna atau pembeli di bawah *lemon law* ini adalah pembaikan, penggantian, pengurangan harga atau pembayaran balik.

Untuk makluman Ahli Dewan, di Malaysia peruntukan perundangan berkaitan hak tebus rugi pengguna terhadap pembekal atau pengilang sekiranya barangan yang dibekalkan gagal memenuhi *guarantee* yang ditetapkan, ada termaktub dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] di bawah kawal selia KPDN.

Peruntukan di bawah Akta 599 yang berkaitan ini adalah di bawah Bahagian V, VI dan VII. Di mana Bahagian V ialah berkenaan dengan *guarantee* berkenaan dengan pembekalan barang, Bahagian VI hak terhadap pembekal berkenaan dengan *guarantee* dalam pembekalan barang dan Bahagian VII ialah hak terhadap pengilang berkenaan dengan *guarantee* dalam pembekalan barang.

Boleh dirumuskan bahawa pada masa ini walaupun tiada *lemon law* yang wujud secara rasminya, kepentingan pengguna masih lagi terlindung oleh undang-undang yang

sedia ada iaitu dalam Akta 599 di mana inti pati ataupun *spirit of lemon law*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sudah pun ada dalam akta tersebut. Namun demikian, kajian pihak KPDN dan analisa yang kita lakukan mendapati bahawa ada beberapa *gap* ataupun jurang yang perlu kita perbaiki.

Pertama ialah berkenaan dengan isu definisi pengguna itu sendiri. Kerana dalam Akta 599, definisi pengguna itu ialah maksud perkhidmatan atau barang bagi maksud kegunaan atau penggunaan diri, dalam rumah atau isi rumah tidak digunakan bagi tujuan komersial. Maksudnya, kalau pengguna kereta itu menggunakan dengan tujuan komersial, maka ia tidak boleh dibuat tuntutan. Ini contoh. Ini antara jurangnya Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, limitasi tuntutan. Sehingga RM50,000 di bawah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Ketiga, wujud tafsiran pemilikan kenderaan di bawah Akta Sewa Beli 1967. Sebab kalau kita membuat pinjaman dengan bank, siapa dia pemiliknya? Adakah bank ataupun pembeli tersebut?

Kemudian, ketiadaan *governing body* di mana tak ada badan berwibawa yang wujud untuk mengesahkan kerosakan itu *substantial* bagi pihak kerajaan untuk mewujudkan ya. Untuk menentukan wujudnya *lemon item* ini. Lagi satu ialah pertindihan akta. Jadi, ada akta lain ya di bawah kawal selia kementerian lain.

Jadi, bagi pertanyaan garis masa oleh Tan Sri Yang Berhormat, kita KPDN akan melantik pihak Juruperunding ataupun konsultan ya pada bulan Jun dan terma rujukannya dalam empat bulan. Mereka harus mengeluarkan hasil kajian yang melibatkan libat urus dengan industri, libat urus dengan pelbagai pihak seperti bank dan sebagainya. Kemudian juga, mereka perlu mengadakan perbandingan *lemon law* di negara-negara lain dan juga untuk *addressing the gaps*, dengan izin Datuk Yang di-Pertua.

Jadi, pada bulan September nanti, kita menjangkakan kita boleh membuat satu unjuran sama ada perlu wujudnya satu akta yang baharu ataupun kita pinda akta sedia ada dengan peraturan-peraturan untuk *address the gaps*. Jadi itulah jawapan saya, Datuk Yang di-Pertua. Sementara itu kita ada *quick wins*, kita runding, kita akan jadi *mediator* dan sebagainya. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau boleh undang-undang ini jangan dipanggil undang-undang limau Yang Berhormat Menteri... *[Ketawa]* Tan Sri Low soalan tambahan.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Ya, soalan tambahan. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya, mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan keberkesanan undang-undang sedia ada dalam melindungi hak pengguna dalam kes-kes kenderaan yang baharu dibeli telah rosak.

Apa langkah yang boleh diambil pihak kerajaan dengan kadar segera untuk menangani isu tersebut sementara menunggu untuk suatu undang-undang, sementara *lemon law* untuk diubah kalau undang-undang sedia ada tidak efisien untuk menangani masalah tersebut? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih atas soalan tambahan. Datuk Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, antara limitasinya ialah RM50,000 maksimum tuntutan itu. Jadi, kalau kereta baharu tak banyak yang nilainya di bawah RM50,000.

Jadi, ada satu kes baharu-baharu ini iaitu kes kereta *Cherry* yang dia terus selepas seminggu membeli, dia dapati ada 15 kerosakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Proton.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Calar sana calar sini, *wiper* dan sebagainya. Jadi, dalam kes tersebut pihak KPDM mengambil langkah untuk menjadi orang tengah. Untuk menjadi orang tengah dan berunding antara pihak *dealer* dan juga dengan pihak pengguna itu tadi. Ada cadangan-cadangan yang dicadangkan di mana pihak pengguna disarankan untuk menghantar kereta itu kepada *dealer* untuk dibaik pulih senarai seperti yang dikatakan oleh pembeli tadi.

Namun, ini antara jurang yang saya katakan tadi di mana tak ada pihak berwibawa. Kalau dalam masa seminggu dia lepas beli kereta, dia ambil kereta itu dia tandatangan, dan selepas seminggu dia kata calar sana, calar sini, dia tidak puas hati. Kemek sana, kemek sini jadi siapa yang hendak mengesahkan bahawa kereta itu baik, molek sewaktu dia tandatangan dan ambil? Jadi inilah jurang-jurang yang saya katakan tadi. Namun di dalam waktu ini, inilah yang telah dilakukan oleh pihak KPDM ya untuk membantu pihak pengguna. Terima kasih.

■1110

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Kalau tak ada soalan tambahan, saya terus kepada menjemput Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Anak kecil berlari-lari,
Berlari di bawah pohon buluh;
Wahai YB Timbalan Menteri,
Sila jawab soalan sepuluh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang ini, YB Timbalan Menteri ini memang pandai jawab pantun... [Ketawa]

10. Datin Hajah Ros Suryati binti Alang minta Menteri Kerja Raya menyatakan, mengenai jalur rentas kuning- *yellow traverse bar* yang digunakan bagi mengawal had laju kenderaan dan sejauh manakah ia berkesan dalam mengawal had laju kenderaan di atas jalan raya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Ehem..

*Sudah terang lagi bersuluh,
Waktu pagi terang cahaya,
Kepada soalan nombor sepuluh,
Dengarkan ini jawapannya.*

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa] [Tepuk]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum akan keprihatinan berkenaan dengan pemasangan jalur rentas kuning atau, dengan izin, *yellow transverse bar* yang digunakan bagi mengawal had laju kenderaan. Jalur melintang berwarna kuning merupakan garisan jalan yang memberi amaran kepada pengguna jalan raya agar berwaspada dan memperlahankan kelajuan kenderaannya. Ini adalah salah satu teknik untuk meredakan lalu lintas dan untuk menarik perhatian pengguna jalan raya dengan memberi kesan bunyi dan getaran yang terhasil apabila kenderaan melalui jalur-jalur tersebut.

Getaran ketika kenderaan melalui jalur-jalur ini diharap akan mempengaruhi pengguna untuk memperlahankan kelajuan kenderaannya. Jalur ini juga memberi amaran awal kepada pengguna jalan raya sebelum menghampiri kawasan-kawasan tumpuan seperti lintasan atau persimpangan, kawasan sekolah, kawasan hospital, masjid atau bangunan awam. Ia juga memberi kelengahan terhadap kenderaan untuk memberi ruang masa bagi kenderaan keluar dari persimpangan atau penjalan kaki melintas jalan.

Jalur rentas kuning yang dipasang perlu mematuhi arahan teknik jalan, garis panduan manual fasiliti keselamatan jalan dan spesifikasi yang ditetapkan oleh JKR bagi memastikan keberkesanannya. Pemasangan yang tidak mengikuti garis panduan yang ditetapkan dibimbangkan akan menimbulkan ketidakselesaan dan mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya.

Mengenai keberkesanan jalur rentas ini, pemerhatian daripada kementerian mendapati bahawa pemasangan jalur rentas kuning dapat mengurangkan kelajuan. Sumber tempatan dan kajian luar negara menunjukkan terdapat pengurangan untuk had laju purata yang melalui atas jalur rentas kuning tersebut. Bagaimanapun kejayaan atau kegagalan jalur rentas kuning sebagai kaedah pengurangan kemalangan tidak harus hanya berdasarkan penurunan had laju sahaja tetapi turut mengambil kira kesan kepada peningkatan, kepekaan pengguna jalan raya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, efisien juga Menteri ini. Soalan tambahan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Soalan tambahan.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri.

Menurut informasi JKR, jalur rentas kuning perlu disediakan di bahagian jalan yang lurus sahaja bagi mengelak risiko kemalangan. Lebar pula ialah antara 300 ke-600 milimeter untuk siap jalur dan ketebalan ialah 2.5 milimeter sahaja. Itu di atas kertas atau perancangan tetapi secara realitinya ramai pengguna mengadu bahawa terdapat perbezaan ketara dengan saiz juga ketebalan jalur serta lokasi yang diletak. Apa tidaknya, ada jalan turun bukit pun ada jalur kuning. Adakah yang terlebih tebal dan adakah yang terlebih lebar? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, panjang untuk jalur rentas kuning ini adalah antara lima meter ke-70 meter. Minimum lima meter, maksimum 70 meter. Lebar nya memang sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat, 300 ke-600 milimeter.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Seterusnya, ketebalan bukan 2.5 milimeter tetapi tiga hingga tujuh mengikut keadaan. Tiga hingga tujuh milimeter. Segalanya ini ada dalam *spec* apa yang kita sebut sebagai, dengan izin, *Road Marking and Delineation 2019* atau Garis Panduan Manual Fasiliti Keselamatan Jalan.

Jadi, apa yang disebut dia tadi boleh maklum kepada kami di mana sebenarnya lokasi yang berkaitan. Kita boleh memastikan bahawa ia mematuhi garis panduan dan spesifikasi sebab yang memasang itu juga mesti dapat panduan daripada JKR Daerah, JD Daerah. Dia bukan boleh main pasang-pasang sebarang ya.

Di antara tiga pihak yang boleh memberikan kebenaran ini, selain daripada JKR, Majlis pun boleh. Majlis Pemandaran boleh dan satu lagi tentunya kalau di lebuhraya itu Lembaga Lebuhraya Malaysia. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Soalan tambahan

Timbalan Yang di-Pertua: Dr. Awang pun nak tahu pasal laluan?

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Ya, pasal merentas ini.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Sila, tak apa.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati selain yang disebut tadi, ada satu lagi kaedah iaitu penggunaan bonggol jalan tetapi saya dapati macam tak ada suatu standard tentang saiz dan bentuk. Ada yang landai, yang tidak membahayakan. Tiba-tiba ada juga bonggol jalan yang begitu tajam

sehingga ada kemalangan berlaku. Jadi apakah standard yang digunakan dan langkah Kementerian untuk memastikan tidak berlaku kemalangan dalam konteks penggunaan bonggol di jalan? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini bukan hanya menjaga jalan, bonggol jalan dan sebagainya tetapi Kementerian ini menjaga seluruh industri pembinaan. Jalan ini ada 10 jenis dan kemudian kita juga menjaga lebuhraya, menjaga bangunan, bangunan yang dibuat oleh Kementerian kami kepada Kementerian-Kementerian lain seperti hospital pun di bawah kami juga yang membina termasuklah kem-tentera, sekolah-sekolah semuanya. Jadi lepas ini Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah tanya soalan-soalan yang lain juga ya selain daripada jalan.

Apa yang disebut sebagai bonggol atau *hump* dalam bahasa Inggeris. Bonggol hanya boleh dibuat di jalan persekutuan dengan kebenaran Menteri. Tak boleh sebarang-sebarang. Menteri itu dalam akta, Menteri kena benar. Dia bukan boleh main pasang-pasang. Mungkin Yang Berhormat sebut tadi adalah bonggol di taman agaknya. Itu mesti dapat garis panduan daripada Majlis Pemandaran.

Selain daripada itu, selain daripada garis kuning dan juga bonggol, ada lagi beberapa perkara yang boleh mengurangkan kelajuan ini. Pertama, papan tanda amaran. Itu biasalah. Kemudian, *ember light* sama ada warna kuning atau warna biru. Satu lagi *cat's eyes* atau dalam Bahasa Melayunya pelik sikit, pepaku jalan. Bila kita malam itu, kita boleh nampak dia, memantulkan cahaya. Itu juga boleh mengurangkan.

Terbaharu ini, garisan *glow-in-the-dark*. Warna hijau tapi saya minta tukar warna putihlah. Hijau dah banyak sangat. Pokok, kayu hijau apa semua, hijau ini. Satu lagi penghadang jalan ataupun *guardrail*. Itu juga kaedah selain daripada *zebra crossing* yang ada. Itu antara perkara yang saya ingin kongsi di sini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

11. Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, adakah terdapat sebarang perancangan untuk membenarkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak mempunyai dokumentasi maklumat lengkap menuntut pengajian di peringkat universiti termasuk golongan yang tiada kewarganegaraan serta anak terbiar yang dijaga oleh keluarga angkat atau *Non-Governmental Organization* (NGO).

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Ts. Mustapha Sakmud]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas keprihatinan tentang isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa komited untuk memastikan pelajar lepasan sekolah menengah mempunyai akses bagi melanjutkan

pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Pada masa kini, kemasukan ke universiti terhad kepada pelajar yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah sahaja sama ada kad pengenalan bagi warganegara Malaysia dan pasport bagi bukan warganegara Malaysia.

Manakala bagi golongan yang tiada kewarganegaraan, dasar semasa KPT bagi pelarian atau anak-anak seorang pelarian yang terpakai adalah yang pertama, pelarian dan anak-anak seorang pelarian boleh mendapatkan akses kepada kemudahan pendidikan IPTS yang berdaftar dengan kerajaan tertakluk kepada dasar dan peraturan semasa kerajaan serta syarat yang ditetapkan oleh institusi yang berkenaan.

Kedua, pelarian dan anak-anak seorang pelarian perlu dianggap sebagai pelajar bukan warganegara dan tertakluk kepada syarat pelajar mempunyai pas pelajar serta tertakluk kepada kuota pengambilan pelajar antarabangsa yang dibenarkan oleh dasar semasa kerajaan.

Ketiga, semua permohonan untuk mendapatkan akses pendidikan tinggi daripada pelarian dan anak-anak pelarian perlu diproses secara *case-by-case basis* berdasarkan undang-undang yang berkaitan.

Semua permohonan bagi pemohon bukan warganegara termasuk pelarian perlu dianggap sebagai pelajar antarabangsa dan tertakluk kepada peraturan semasa Jabatan Imigresen Malaysia. Sekian, terima kasih.

■1120

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Datuk Timbalan Menteri, bagaimana keadaan isu *stateless child* ini di mana jika mereka tidak mempunyai dokumentasi yang lengkap, adakah mereka tidak dibenarkan walaupun mereka telah pergi ke sekolah sehingga ke Tingkatan lima? Adakah mereka tidak dibenarkan untuk masuk universiti awam? Terima kasih.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Ya, setakat ini dasar yang kita ada tidak membenarkan yang tidak ada pengenalan diri sebagai warganegara. Jadi, ini berdasarkan pekeliling kemasukan ke program pengajian asasi, sijil diploma dan program ijazah di universiti awam dan yang berkaitan telah menyatakan bahawa syarat am kemasukan adalah hanya warganegara Malaysia yang mempunyai nombor kad pengenalan MyKad sahaja yang layak mengemukakan permohonan.

Jadi, kita pun maklum terutama di Sabah banyak kes yang sebegini. Jadi kita harap ada beberapa kes juga yang berlaku yang kita semasa kita buat sesi penerangan di sekolah-sekolah, kita minta supaya cikgu-cikgu kaunseling ini memastikan bahawa urusan pendaftaran mereka dapat dibuat lebih awal di peringkat sekolah. Kalau ini dapat dibuat dan mereka dapat menjadi warganegara dan ini akan memudahkan mereka untuk masuk ke dalam universiti, ke IPTA dan juga IPTS.

Tetapi syarat yang sekarang ini kita tidak membenarkan mana-mana yang tidak mempunyai pengenalan sebagai warganegara dan kita akan- dan kalau ada pun kita akan pastikan mereka, kita *treat* mereka sebagai pelajar antarabangsalah kalau ada pasport. Itu yang dasar yang sedia ada.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan Datuk Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua: Nelson.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Haji Hussin.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya banyak juga terlibat dalam program kemanusiaan tentang isu ini termasuk di Malaysia malahan di bandar Kuala Lumpur itu pun anak-anak gelandangan sebahagian tak punya IC, tak punya surat beranak dan ini adalah isu negara yang besar, tetapi bila Yang Berhormat menyebut tentang isu perlukan dokumen lengkap, itu realitinya mereka tak punya dokumen lengkap. Bila tak punya dokumen lengkap, guru-guru di sekolah pun nak mahu proses pendaftaran pun, nak daftar macam mana sebab dokumennya tak lengkap. *So apa option-nya* Yang Berhormat?

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Saya fikir ini adalah isu yang merentas kementerian. Di peringkat KPT, kita hanya akan- itu dasar yang sedia ada, bahawa mana-mana pelajar yang ingin memasuki universiti perlu ada pengenalan yang sah. Jadi, ini saya fikir kita kena satu- dasar yang perlu dibuat yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga kementerian-kementerian yang berkaitan untuk menyelesaikan isu ini. Kita adalah *end product*, kita menerima pelajar-pelajar ini cuma dengan kekangan yang ada, itu saja dasar yang kita ada sebab kita kena maklum juga bahawa di IPTA ini kita memberi subsidi kepada pelajar-pelajar kita.

Jadi, warganegara itu, jadi kita tidak mahu juga yang ini akan mengganggu dasar pemberian subsidi terutama kepada golongan bumiputera kita. Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Tuan Senator YB Tuan Amir bin Ghazali.

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih Yang di-Pertua.

*Pelita indah pada malam Aidilfitri,
Hidangan ketupat di daun palas;
SMS dikirim pengganti diri,
Soalan saya nombor dua belas.*

12. Tuan Amir bin Ghazali minta Menteri Komunikasi menyatakan, sejauh mana keberkesanan strategi kementerian dalam menyampaikan kefahaman tentang dasar, agenda dan kejayaan pentadbiran Kerajaan Madani sepanjang tahun 2023 sehingga kini kepada setiap lapisan masyarakat dan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri. *[Ketawa]*

Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator, inilah jawapan saya untuk Yang Berhormat Senator. Datuk Yang di-Pertua, Malaysia Madani merupakan agenda nasional yang bermatlamat untuk membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara yang maju dan sejahtera berdasarkan tiga-teras strategik iaitu kemapanan ekonomi negara, reformasi institusi dan tata kelola serta menegakkan keadilan sosial.

Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kementerian Komunikasi dalam pelbagai kaedah antaranya Kita Madani, Jiwa Madani dan Hebahan *Info on Wheels*, dengan izin, IOW yang merupakan program turun padang dan libat urus Jabatan Penerangan (JAPEN) bersama komuniti setempat.

Bermula 1 Januari 2024 sehinggalah 3 Mac 2024 sebanyak 1,938 program hebahan IOW di 7,781 buah lokasi yang melibatkan seramai 586,417 khalayak telah dilaksanakan. Selain itu, sebanyak 30 Program Jiwa Madani di 32 buah lokasi turut dilaksanakan di samping program-program lain seperti Kita Madani dan pesta panorama bagi meningkatkan kefahaman rakyat mengenai mesej dan konsep Malaysia Madani.

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) juga secara berterusan menyebarkan konsep Malaysia Madani melalui penyiaran pelbagai bentuk bahan siaran seperti kapsul, Pesanan Khidmat Awam (PKA) dan program bual bicara yang disiarkan dalam pelbagai bahasa, loghat dan dialek untuk memberi kefahaman kepada rakyat. Antaranya melalui program bual bicara di Selamat Pagi Malaysia, IRIS, Vasantham itu Tamil, *What Say You*, ini program Mandarin dan naratif khas dan juga bicara naratif.

Selain itu, sebanyak 125 program bual bicara bersama tetamu jemputan terpilih juga telah disiarkan oleh semua stesen radio kebangsaan dan negeri berkaitan Malaysia Madani dari 1 Januari sehingga 5 Mac 2024. Semua 34 buah stesen radio RTM telah berulang siar 170 kapsul dengan kekerapan 608 kali sehari iaitu kekerapan empat kali sehari yang disiarkan dalam bentuk PKA, promo dan sketsa.

Hebahan melalui media sosial dan digital turut dilaksanakan melibatkan perkongsian maklumat infografik dan videografik daripada pelbagai kementerian dan agensi-agensi kerajaan di platform media digital RTM, BERNAMA dan juga JAPEN. Kementerian Komunikasi juga mengambil inisiatif untuk melaksanakan 18 pameran yang mengandungi maklumat tentang konsep Malaysia Madani sepanjang 2024 di seluruh negara. JAPEN juga telah menyediakan platform penyebaran maklumat melalui papan iklan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan bagi menjalankan Kempen Komuniti Madani dan pihak ProtectHealth bagi kempen Skim Perubatan Madani. JAPEN juga turut melaksanakan usaha untuk meningkatkan kefahaman mengenai Malaysia Madani menerusi penerbitan secara digital mahupun cetak.

Bermula 1 Januari sehingga 29 Februari 2024, JAPEN telah menerbitkan sebanyak 11 risalah, laman buletin *Kita Okey* dan laman buku Inisiatif Sejahtera Malaysia Madani untuk menyebarkan informasi mengenai program dan inisiatif Malaysia Madani. Bermula 1 Januari 2023 sehingga 17 November 2023, Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) telah berjaya melaksanakan 144 program komunikasi komuniti bagi menyampaikan kefahaman tentang dasar, agenda dan kejayaan pentadbiran Kerajaan Madani.

Program tersebut telah melibatkan peserta berjumlah 96,000 orang meliputi kumpulan sasar iaitu pemimpin tempatan, belia, agamawan, usahawan tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Ini jelas menunjukkan golongan masyarakat menyambut baik segala program yang dilaksanakan oleh kerajaan. Usaha secara berterusan akan terus dilaksanakan oleh kerajaan dalam memastikan konsep Malaysia Madani dapat difahami, dihayati dan dibudayakan oleh setiap lapisan masyarakat. Sekian jawapan saya, terima kasih Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa jelas tadi tu tapi Yang Berhormat Tuan Amir ada soalan?

■1130

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih Timbalan Menteri, mantap dan juga komprehensif.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Amir bin Ghazali: Terkandung dalam pertanyaan, terangkum dalam ucapan Timbalan Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Okey.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

*Giliran saya selalu terlepas;
Soalan saya nombor tiga belas... [Ketawa]*

13. Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah faktor pemansuhan kuota pengetua dalam menetapkan pengambilan pelajar serta adakah pihak kerajaan berhasrat mengembalikan semula kuota tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]*

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan Senator tidak terlepas kerana soalan KPM. Datuk Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) yang merupakan ujian kelayakan secara berpusat bagi kemasukan murid ke sekolah khusus termasuk ke sekolah berasrama penuh mulai tahun 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, selain daripada murid mencapai aras toleransi Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus seperti yang dinyatakan tadi, terdapat komponen lain yang digunakan dalam penentuan merit pemilihan kemasukan ke SBP iaitu:

- (i) Pentaksiran Bilik Darjah;
- (ii) Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kurikulum; dan
- (iii) status sosioekonomi.

Setelah KPM memperkenalkan Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK), autonomi kepada pengetua bagi pemilihan murid ke SBP tidak lagi diteruskan iaitu mulai sesi 2021-2022. Pemilihan murid ke SBP adalah mengambil kira kesemua aspek PKSK, Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kurikulum dan status sosioekonomi yang bersifat holistik dalam menentukan potensi murid berbanding dengan pemilihan melalui autonomi pengetua yang memberikan fokus kepada kebitaraan sekolah. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Mohd Hasbie.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Ada. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Cuma boleh-adakah kerajaan boleh mempertimbangkan untuk kaji semula keputusan ini sebab ramai pengetua-pengetua yang mengadu kerana kuota ataupun kelebihan ini dia boleh gunakan untuk menarik minat di kalangan ibu bapa mungkin alumni sekolah itu untuk lebih menyumbang kepada pembangunan sekolah melalui kuota yang diberikan kepada pengetua ini.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih atas cadangan dan juga pandangan daripada Yang Berhormat Senator yang mana pihak KPM akan mempertimbangkan segala pandangan bergantung pada pertimbangan-pertimbangan yang sewajarnya. Seperti yang saya jawab tadi, sistem yang kita ada sekarang sejak tahun 2021 adalah suatu sistem yang bersifat holistik yang telah pun merangkumi Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus iaitu satu unit kelayakan secara berpusat yang juga diguna pakai untuk SMKA dan juga untuk kemasukan ke KV selain daripada SBP.

Pada masa yang sama juga, dengan Pentaksiran Bilik Darjah dan pentaksiran yang lain, kita boleh mendapat- kita boleh memastikan murid-murid yang masuk itu adalah murid-murid yang betul-betul dengan kelayakan. Berkenaan dengan peratusan, saya ada peratusan berkenaan dengan penekanan setiap aspek. Untuk PKSK – 40 peratus, untuk PBD – 10 peratus, untuk PAJSK – 20 peratus, untuk kepimpinan – 5 peratus dan berkenaan dengan sosioekonomi – 25 peratus. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput penyوال kita yang ke-14, Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Selamat pagi. Sebelum itu, saya mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada rakan-rakan memandangkan hari ini hari terakhir kita bersidang, secara *advanced*. Soalan saya , soalan nombor 14. Terima kasih.

14. Dato' Sivaraj a/l Chandran minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, apakah perancangan untuk mengoptimumkan kelebihan tanah yang subur, tenaga kerja dan teknologi dalam negara untuk memastikan keselamatan dan keterjaminan makanan negara berpanjangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited dalam memastikan keterjaminan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat untuk rakyat. Sehubungan dengan itu, KPKM telah membuat perancangan untuk mengoptimumkan kelebihan tanah negara yang subur, tenaga kerja dan teknologi berdasarkan inisiatif dan strategi yang telah digariskan di dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 seperti berikut.

Bagi mengoptimumkan penggunaan tanah yang subur, pertama pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang dapat menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan antara pihak kerajaan dan swasta melalui satu sistem pengurusan bagi mengoptimumkan penggunaan tanah serta meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepas tuai.

Kedua, penambahan kawasan pengeluaran makanan negara melalui perwujudan kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) baharu dan pembangunan tanah terbiar milik agensi kerajaan.

Ketiga, pelaksanaan Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan di mana sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan untuk kerjasama dengan kerajaan negeri dalam mengoptimumkan penggunaan tanah bagi meningkatkan hasil tanaman dan ternakan.

Keempat, pembangunan sistem GeoTanih yang mengandungi maklumat profil tanah dan kesesuaian tanah untuk tanaman dalam membantu perancangan pembangunan pertanian.

Bagi mengoptimumkan tenaga kerja, pertama menyediakan latihan kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam sektor pertanian. Kedua, menyediakan kemudahan pembiayaan dan geran untuk menggalakkan penglibatan semua golongan menceburi aktiviti pertanian di sepanjang rantai nilai.

Ketiga, menyediakan platform pemasaran bagi membantu memasarkan produk agromakanan yang dihasilkan seperti Program Khidmat Pemasaran Ladang Kontrak dan program Jualan Agro Madani.

Bagi mengoptimumkan teknologi, pertama melaksanakan 10 projek pertanian moden bagi subsektor tanaman dengan peruntukan RM183 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas seperti fertigasi, hidroponik, aeroponik, *vertical farming*, data *geospatial* pengairan pintar dan Internet benda.

Kedua, meningkat penggunaan teknologi dalam industri akuakultur. Ketiga, menyediakan latihan pertanian di pusat bertauliah yang dilengkapi teknologi pertanian pintar. Keempat, menangani dan mengurangkan kehilangan lepas tuai melalui pembangunan teknologi yang dapat memanjangkan tempoh hayat simpanan dan mengekalkan kualiti buah-buahan dan sayur-sayuran di sepanjang rantai nilai dan yang kelima, meningkatkan kecekapan dan produktiviti pengurusan ladang melalui penggunaan teknologi, mekanisasi dan automasi.

Kementerian yakin dengan perancangan dalam mengoptimumkan tanah, tenaga kerja dan teknologi yang dinyatakan ini berupaya meningkatkan pengeluaran hasil agromakanan bagi memastikan tahap keterjaminan bekalan makanan negara mencukupi dan stabil. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Sivaraj?

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Baru-baru ini, Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands dan Persatuan Penanam Sayur-sayuran Malaysia telah mengatakan bahawa 25 peratus akan meningkat, harga akan meningkat dalam kemungkinan 30 ke-40 peratus daripada pengeluaran sayuran akan terjejas kerana kekurangan pekerja.

Jadi, soalan saya ialah adakah terdapat insentif atau program bimbingan yang disediakan untuk membantu para petani untuk menyesuaikan diri dengan teknologi-teknologi baharu ini? Selain itu, bagaimanakah kerajaan merancang untuk memastikan penggunaan sumber tenaga kerja tempatan yang berkualiti dalam sektor pertanian demi memastikan kesinambungan dan kestabilan dalam pembangunan makanan negara? Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini merupakan antara satu isu dan juga mungkin akan mengalami cabaran dalam kita mengangai masalah ini. Apabila industri sektor pertanian makanan mengalami kekurangan tenaga kerja, yang pertama bekalan itu mungkin akan terjejas.

Apabila makanan itu terjejas, yang kedua harga makanan ataupun sayur-sayuran mungkin akan meningkat dari sana. Itulah sebab kita ada dasar di mana kita yang pertama, kita perlu untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja yang ada di negara kita dalam sektor agromakanan.

Kedua, dari sana juga kita tidak boleh terlalu bergantung kepada pekerja asing. Kita ada isu di mana kita terlalu bergantung kepada pekerja asing dalam sektor yang sangat kritikal iaitu agromakanan. Jadi, dengan itu kita mempunyai banyak program, usaha dan insentif untuk menarik orang-orang kita, rakyat tempatan untuk menceburi dan meningkatkan lagi bilangan tenaga kerja dalam sektor agromakanan khususnya golongan-golongan muda supaya mereka terus minat dan menceburi bidang pertanian ini.

■1140

Kita mempunyai banyak pusat-pusat pendidikan yang bertauliah, yang boleh memberikan kursus hingga ke peringkat diploma. Kita ada kursus jangka masa pendek dan juga kursus jangka masa panjang termasuk juga *reskilling* dan *upskilling* dan pada masa yang sama, kita perlu memastikan bahawa kursus-kursus ini yang lebih moden selaras dengan pembangunan teknologi menggunakan IoT *smart farming* ataupun atomisasi dron supaya kita dapat menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang pertanian kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Dengan semangat nak menyambut- Dato' Nelson nak tanya soalan tambahan? Soalan Dato' Nelson selepas ini, Dato' Nelson nak saya berikan atau tidak?

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey baik... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Dah boleh kah...?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh, boleh. Saya semangat nak menyambut Hari Raya... *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Kalau tak dapat di sana, boleh di sini Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Hari puasa, semangat Hari Raya Puasa minggu depan. Jadi, saya nak benarkan satu lagi soalan, soalan terakhir kita nombor 15. Jadi, sekarang ini saya jemput Senator Dato' Dr. Nelson Renganathan untuk...

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih bonus Hari Raya ini kerana ia merupakan satu soalan yang amat penting bagi artis berkaum India. Soalan saya nombor 15.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson atas soalan yang sangat penting ini.

Kementerian Komunikasi melalui jabatan dan agensi di bawahnya seperti Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan juga MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (MyCV) komited menyokong penggiat industri kreatif secara inklusif tanpa meminggirkan mana-mana kaum. Pelbagai inisiatif seperti kemudahan

pembayaran dan geran, akses pasaran dan promosi, pembangunan kapasiti dan sebagainya disediakan oleh kerajaan melalui kementerian ini untuk menyokong dan membantu penggiat industri yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Dana Kandungan Digital (DKD) merupakan antara inisiatif kemudahan geran yang disediakan oleh kerajaan melalui kementerian ini untuk penggiat industri kreatif sejak tahun 2015 sehingga kini. DKD adalah terbuka untuk semua kaum sebagai galakan penghasilan, penerbitan dan penyebaran kandungan kreatif yang berdaya cipta serta berpotensi tinggi untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

DKD juga bertujuan sebagai galakan penghasilan harta intelek IT bermutu tinggi yang menjana hasil kepada penggiat industri tempatan. Program-program DKD yang berkaitan dengan artis dilaksanakan oleh dua buah agensi pelaksana iaitu FINAS bagi sektor perfileman, manakala MyCV memfokuskan sektor muzik. Maklumat program-program yang ditawarkan di bawah DKD serta syarat-syarat boleh dilayari di laman sesawang *sppik.finas.my* dan juga *www.mycreative.com.my/grants*.

Kementerian Komunikasi melalui MyCV turut menyediakan pelbagai kemudahan pembayaran di bawah JENDELA, CENDANA, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia (PRISMA) dan Inisiatif Pakej Pelindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bagi membantu penggiat industri yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Selain itu, Kementerian melalui RTM turut menyediakan platform seperti tv, radio, media sosial dan serta platform *Over-The-Top* (OTT), RTMKlik untuk membantu mempromosi penggiat kreatif industri daripada pelbagai kaum termasuklah kaum berbangsa India. Sebagai contoh, RTM menyediakan program pencarian bakat baharu Bintang Minnal dan Program Limpahan Cahaya sempena sambutan Deepavali dan lain-lain. RTM juga telah menerbitkan drama khas Tamil yang mengangkat tema kekeluargaan sebanyak empat episod bertajuk *Neethan En Annan* Mohon maaf kalau *pronunciation* saya tak tepat tapi drama ini melibatkan pelakon seperti Daview, Puvanan, Thevaguru, Hamsni Perumal, Devakanni dan ramai lagi. Drama ini bersiaran di saluran TV2 pada 8 hari bulan hinggalah 11 hari bulan November 2023.

RTM melalui perolehan program swasta baharu bahasa Tamil dan khas Deepavali juga telah menawarkan kepada pembekal yang melibatkan karyawan berbahasa Tamil untuk program seperti drama bersiri berbahasa Tamil, *telemovie* khas sempena Deepavali, *telemovie* umum, dokumentari khas bertemakan Deepavali dan majalah gaya hidup dalam bahasa Tamil untuk siaran di saluran-saluran TV RTM. Program-program ini disiarkan di TV dan radio secara tidak langsung juga membantu mempromosi artis-artis dan penggiat industri berbangsa India dan seterusnya memberi manfaat dan aspek penjana pendapatan pada mereka. Sekian jawapan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu panjang-panjang, tak cukup ka Dato' Nelson?

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Sikit je. Saya- terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, tapi saya diminta oleh artis-artis India untuk merayu kepada pihak kementerian untuk membuat sesuatu yang spesifik untuk golongan tersebut. Maka, saya meminta kalau boleh kementerian berjumpa dengan persatuan-persatuan artis kaum India, untuk memberi penerangan dan juga membantu mereka secara langsung. Bolehkah ia diuruskan selepas Perayaan Hari Raya ini? Golongan ini memang memerlukan pertolongan. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan juga Datuk Seri...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Datuk Seri tak lama lagi... *[Ketawa]*

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih. Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Tak ada masalah untuk Kementerian Komunikasi dan juga pejabat saya untuk membuat perjumpaan dengan persatuan artis kaum India. Tak ada masalah. Saya akan dapatkan *contact* mereka daripada Yang Berhormat Senator selepas ini. Tetapi nak kongsi sedikit maklumat di sini. Selain daripada program-program yang kita siarkan di RTM yang memang kita *target* artis-artis ataupun penggiat seni kreatif ini yang berbahasa Tamil. Saya nak bagi sedikit contoh. Seperti di bawah MyCreative Ventures, dana yang telah kami salurkan kepada artis-artis yang berbangsa India.

Pada tahun 2021, dana yang telah diluluskan di bawah MyCreative Ventures adalah sebanyak RM520,788. Pada tahun 2021, di bawah PEMULIH adalah sebanyak RM400,000 dan pada 2022 untuk Dana Kandungan Digital muzik, kami telah luluskan RM600,000. Manakala, untuk tahun 2023 Dana Kandungan Digital untuk kategori muzik, kami telah meluluskan dana sebanyak RM730,400 yang telah disalurkan kepada penerima yang berbangsa India. Jadi, ini ada sedikit maklumat yang boleh saya kongsi dengan Dewan mulia ini. Terima kasih Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Nandri... [Ketawa]*

Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat maka tamatlah sesi pertanyaan kita pada pagi ini. Setiausaha.

Sebelum itu, saya nak membuat suatu pemasyhuran iaitu Peraturan Mesyuarat 11(5). Ahli-ahli Yang Berhormat, tanpa menjejaskan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 11 yang telah dipersetujui oleh Majlis mesyuarat pada pagi tadi, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan pada hari ni tidak akan ditempohkan pada jam 1 tengah hari.

Jadi, makna kita teruskan. Jadi, kita boleh habis cepat ini hari. Terima kasih. Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membentang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.49 pg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Dato' Sri Huang Tiong Sii]:

Datuk Yang Di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Akta 127 Dibaca Kali Yang Kedua sekarang.

Datuk Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, izinkan saya untuk membentangkan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 ini. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] merupakan suatu akta yang digubal untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran, memperbaiki alam sekeliling dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

■1150

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sejak kebelakangan ini, kita sering berhadapan dengan isu pencemaran seperti pembuangan sisa kimia ke dalam sungai, pelepasan asap kilang tanpa kawalan sewajarnya, pencerobohan hutan secara berleluasa, pembakaran terbuka, pembangunan tidak terkawal dan seumpamanya.

Secara langsung, keadaan ini memberi kesan buruk kepada alam sekitar seperti pencemaran sumber air, pencemaran udara, peningkatan suhu bumi, banjir kilat, tanah runtuh, kepupusan flora dan fauna serta perubahan cuaca tidak menentu. Akibat kerosakan yang berlaku dan bencana alam ini, kerajaan terpaksa memperuntukkan jutaan Ringgit untuk membaik pulih infrastruktur. Memulihara ekosistem alam sekitar, menampung kos perubatan. Menyediakan tempat tinggal untuk rakyat dan menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan.

Oleh itu, hukuman lebih berat dan setimpal perlu dikenakan terhadap penjenayah alam sekitar kerana pencemaran ini telah menjejaskan ekosistem alam sekitar, memberi impak negatif kepada kualiti kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Berdasarkan statistik kes yang disabitkan di mahkamah pada tahun 2019 adalah 289 kes telah meningkat kepada 409 kes pada tahun 2023. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 bertujuan meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] yang digubal pada tahun 1974.

Sebelum ini, Akta 127 telah melalui enam kali fasa pindaan yang melibatkan tatacara penguatkuasaan dan peningkatan denda kepada RM500,000 bagi kesalahan pembakaran terbuka, pencemaran minyak dan buangan di perairan Malaysia, pelupusan haram buangan

terjadual serta ketidakpatuhan syarat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).

Pindaan pada kali ini, tahun 2023, adalah pindaan kali ketujuh dan memberi keutamaan kepada hukuman, denda dan penalti melalui pewujudan denda minimum dan maksimum jika disabitkan kesalahan di bawah akta ini. Selain itu, jumlah denda sedia ada akan dinaikkan sehingga RM10 juta, khususnya bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan pencemaran air, pelepasan minyak, pelepasan buangan di perairan Malaysia serta pelupusan haram buangan terjadual.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, rang undang-undang ini mengandungi 30 fasal yang melibatkan 28 seksyen di bawah Akta 127. Antara perkara penting dalam pindaan ini adalah seperti berikut. Pertama, nilai kompaun. Jumlah tawaran kompaun dinaikkan daripada RM2,000 kepada tidak melebihi 50 peratus daripada jumlah penalti maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan.

Buat masa ini terdapat 12 peraturan dan satu kesalahan di bawah seksyen 29A yang boleh dikenakan kompaun. Kedua, penalti minimum dan maksimum. Akta sedia ada tidak menetapkan penalti minimum, penalti bagi setiap kesalahan akan dipinda dengan mewujudkan denda minimum tidak kurang daripada RM5,000 dan denda maksimum yang lebih tinggi iaitu tidak melebihi RM10 juta melibatkan kesalahan pencemaran air, pelepasan minyak, pelepasan buangan ke dalam perairan Malaysia dan penempatan serta peletakan buangan terjadual.

Cadangan penalti ini setelah mengambil kira kos pembersihan yang tinggi apabila berlakunya pencemaran. Sebagai contoh, insiden pencemaran Sungai Kim Kim pada Mac 2019 melibatkan kos pembersihan sungai dan pelupusan buangan terjadual sebanyak RM6.4 juta. Selain itu, kerajaan telah membelanjakan lebih kurang RM10 juta sepanjang tahun 2016 hingga 2020 bagi menjalankan aktiviti pembersihan sungai akibat pencemaran.

Pencemaran alam sekitar ini tidak hanya mengancam keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat, bahkan turut mengganggu-gugat kelangsungan aktiviti ekonomi negara. Ketiga, hukuman penjara mandatori. Mewujudkan hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima tahun bagi kesalahan pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran air, pematuhan keperluan Laporan EIA dan gagal mematuhi perintah larangan.

Pindaan ini penting bagi membolehkan hukuman yang lebih tegas dikenakan kepada pesalah dan penjenayah alam sekitar. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, secara keseluruhannya Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 ini melibatkan elemen kompaun, penalti, peruntukan denda minimum dan maksimum supaya tindakan yang lebih tegas dan hukuman yang lebih tinggi dapat diambil ke atas pelaku serta pesalah yang menyebabkan pencemaran alam sekitar supaya menjadi pengajaran agar pencemaran seumpamanya tidak berulang lagi pada masa akan datang.

Dato' Yang di-Pertua, akhir kata, kelulusan bagi rang undang-undang ini amatlah penting dan memerlukan sokongan semua sebagaimana yang dinanti-nantikan oleh semua pihak dan Ahli Dewan yang mulia ini. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Dibacakan Kali Yang Kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 17 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa, masa yang diberikan lima minit seorang, *please stick to the time given*.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom.

11.58 pg.

Tuan Pele Peter Tinggom: Selamat pagi, salam sejahtera, salam Malaysia Madani, salam *segulai sejalai*.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, melalui pindaan ini, tahniah kepada kementerian dan Timbalan Menteri yang bertanggungjawab kerana memperkasakan pemeliharaan alam sekitar di Malaysia. Selari dengan polisi Kerajaan Madani ke arah mengurangkan intensiti pelepasan GHG sebanyak 45 peratus pada tahun 2030 berbanding 2005 dan aspirasi negara mencapai sasaran pelepasan karbon sifar seawal 2050.

Seperti yang telah dimaklumkan oleh Timbalan Menteri tadi, pindaan ke atas akta ini melibatkan 30 fasal. Saya hanya menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini kepada fasal 2.

■1200

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 127 untuk mengadakan peruntukan bagi takrif “pembakaran terbuka.” Persoalan dan memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah takrif “pembakaran terbuka” juga melibatkan penanaman padi bukit, padi huma yang memerlukan pembakaran terbuka untuk aktiviti tersebut?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Sarawak, mungkin juga di Sabah, masih ramai penduduk di luar bandar, di pedalaman yang mengamalkan penanaman padi bukit, padi huma dengan pembakaran terbuka.

Saya mohon pihak kementerian untuk merujuk kepada tafsiran “*pembakaran terbuka*” di bawah Ordinan Sarawak iaitu, dengan izin, *Natural Resources and Environment Ordinance 1958*. Sarawak telah ada undang-undang alam sekitar sejak tahun 1958. Di Sarawak, mengikut ordinan tersebut, pembakaran terbuka dikecualikan sekiranya melibatkan tanah adat, dengan izin, *NCR land* yang melibatkan kawasan tanah kurang daripada 40 hektar yang bukan bertujuan komersial. Kalau definisinya di bawah ordinan di Sarawak.

Oleh yang demikian, Datuk Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin tekankan supaya pihak kementerian supaya merujuk perkara ini kepada Kerajaan Sarawak untuk memastikan ketidaksamaan undang-undang tidak berlaku ke atas tafsiran “*pembakaran terbuka*”.

Autonomi alam sekitar telah pun dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan, diberikan pada Sarawak tiga tahun yang lepas, selari dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan MA63. Saya ingin merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan. Bila kita rujuk kepada Jadual Kesembilan, Senarai I- Senarai Persekutuan dan Senarai II- Senarai Negeri, dan *Concurrent-List* di bawah *State* dengan *Federal*, dengan izin, tiada termaktub kuasa-kuasa di bawah alam sekitar.

Oleh yang demikian, kita terpaksa merujuk kepada Artikel 77 di mana badan perundangan sesuatu negeri berkuat kuasa membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang tidak disebut atau satu persatu dalam mana-mana senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan. Bermaksud, undang-undang ini akan balik kepada negeri.

Oleh yang demikian, saya cadangkan semasa membuat peraturan dan arahan pelaksanaan atau arahan pentadbiran selepas undang-undang ini diluluskan, saya mohon kementerian mengambil tindakan ke atas isu-isu yang saya bangkitkan tadi kerana ia melibatkan rakyat Sarawak, Perlembagaan Persekutuan dan MA63.

Dengan hujah-hujah saya tadi, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris.

12.04 tgh.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Saya melihat RUU ini memfokuskan soal pembakaran terbuka, denda dan penalti yang berat serta penguatkuasaan yang lebih ketat. Saya menyokong 100 peratus pindaan rang undang-undang ini. Seperti mana pindaan seksyen 3, pindaan seksyen 16, pindaan seksyen 18 dan pindaan seksyen 19 yang memperlihatkan kesalahan-kesalahan berkaitan pencemaran berdepan dengan penalti sehingga RM10 juta dan pemenjaraan yang lebih keras.

Datuk Yang di-Pertua, kalau kita lihat sahaja tiga bulan pertama tahun 2024, sebanyak 1,594 kes pembakaran terbuka direkodkan di Malaysia. Kalau kita lihat, negeri Selangor paling tinggi, 323 kes; Melaka, 192 kes; Johor, 189 kes; *Penang*, 159 kes; Kuala Lumpur, 143 kes; Perak, 112; Kedah, 105; Negeri Sembilan, 70 kes; Sabah, 64; Pahang, 59; Kelantan, 55; Sarawak, 51; Terengganu, 40; Perlis, 28 dan Labuan, 4.

Jadi, saya sangat berharap mereka yang bertanggungjawab melakukan pencemaran ini perlu dihadapkan ke mahkamah dan dikenakan tindakan yang lebih tegas.

Saya ingin tekankan supaya penguatkuasaan dan pemantauan perlu dilihat kepada operasi-operasi pengilangan dan juga industri berat. Seperti di negeri saya, di sekitar daerah Kemaman, Chukai, Kerteh dan Kijal, kawasan ini adalah perindustrian berat, petrokimia dan sebagainya.

Jadi, saya nak bertanya. Setakat mana kementerian mempunyai pasukan petugas yang khusus bagi memantau pengawalan selia industri-industri yang berat dan berteknologi tinggi ini untuk sentiasa memastikan pemuliharaan alam dan industri?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya juga hendak menegaskan, walaupun pindaan-pindaan berkenaan akan memantapkan penguatkuasaan pencegahan pencemaran dan jenayah alam sekitar daripada terus berulang, selain mendidik pihak industri dan masyarakat melestarikan alam sekitar, namun saya ingin mencadangkan, adakah kementerian boleh melaksanakan penguatkuasaan secara *real time*? Maksud saya berkaitan *real time* ini ialah maklumat hasil risikan dan sumber dari orang ramai atau media dan NGO berteraskan alam sekitar, pemuliharaan dan perubahan iklim bolehlah dilaksanakan secara *upload* dan dihantar terus kepada *WhatsApp hotline* penguatkuasaan.

Datuk Yang di-Pertua, malahan, sumber-sumber maklumat ini perlu dirahsiakan juga dan diberi ganjaran setimpal sebagaimana usaha memerangi aktiviti pencemaran ini seperti mana yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kastam. Kadangkala, kita perlu menggunakan pelbagai cara bagi membolehkan penguatkuasaan lebih efektif dan juga efisien.

Sekian sahaja. Saya menyokong pindaan ini. Di kesempatan ini, Datuk Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Terima kasih. *Wallahualam*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

12.07 tgh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Datuk Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023.

Semenjak berlakunya tragedi alam sekitar yang melibatkan rakyat awam, seperti contoh insiden Sungai Kim Kim yang tercemar, menimbulkan persoalan sejauh mana sungai di negara ini akan terus menjadi mangsa kerakusan manusia dan sampai bila ia akan berterusan.

Menurut Jabatan Alam Sekitar, sebanyak 75 peratus dari sungai-sungai di Malaysia dikategorikan sebagai tidak sihat untuk tujuan penggunaan manusia. Pencemaran air ini disebabkan oleh pelepasan bahan kimia beracun, limbah industri dan pembuangan sisa yang tidak terkawal.

Maka dengan ini, muncullah istilah baharu yang digunakan kepada mereka yang mencemarkan alam sekitar demi mengaut keuntungan iaitu penjenayah alam sekitar. Sudah sampai masanya penjenayah alam sekitar menerima hukuman setimpal atas perbuatan mereka itu.

Pindaan yang dibawa dalam RUU ini akan memantapkan penguatkuasaan pencegahan pencemaran dan jenayah alam sekitar daripada terus berulang, selain mendidik pihak industri dan masyarakat untuk melestarikan alam sekitar.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada rang undang-undang ini. Antaranya, saya ingin menyentuh mengenai fasal 2, pindaan seksyen 2 mengenai takrifan “pembakaran terbuka” sebagai apa-apa kebakaran, pembakaran ataupun pembaraan yang berlaku di udara.

■1210

Saya ingin tahu dengan lebih lanjut mengenai klasifikasi pembakaran terbuka. Adakah secara kecil-kecilan atau melibatkan bidang kawasan yang luas dan terbuka? Adakah pembakaran sampah sarap oleh pihak industri atau individu? Serta bagaimana pula kebakaran yang terjadi akibat yang tidak disengajakan. Pohon penjelasan Menteri. Melalui rang undang-undang ini, kita maklum bahawa penalti yang dikenakan maksimum kepada penjenayah alam sekitar ini dinaikkan sehingga maksimum RM10 juta. Angka ini adalah wajar mengambil kira kos pembersihan pencemaran yang dilakukan.

Namun begitu, kadang-kadang pencemaran ini boleh menyebabkan kesan yang tidak dapat dipulihkan iaitu sebagai contoh perlombongan yang boleh menyebabkan kawasan yang dicemari tidak dapat dipulihkan dalam jangka panjang yang mungkin juga pencemaran yang berkekalan. Maka, apakah tindakan kementerian mengenai perkara tersebut?

Seterusnya lagi mengenai denda maksimum RM10 juta yang dikenakan kepada pesalah yang mencemar alam sekitar. Ramai yang menganggap bahawa penalti ini adalah tinggi. Namun, bagi industri yang mengaut keuntungan berjuta-juta Ringgit pasti akan melunaskannya dengan mudah. Kebimbangan akan timbul sekiranya syarikat besar itu tidak mengambil iktibar dan akan mengulangi kejadian yang sama pada masa hadapan.

Soalan saya, apakah lain-lain penalti ataupun hukuman yang boleh dikenakan bagi memastikan perkara-perkara ini tidak diulangi pada masa hadapan dan adakah kementerian akan membuat kajian untuk menambah baik rang undang-undang ini pada masa hadapan? Oleh itu, adakah kerajaan bercadang supaya kita mengadakan apa-apa lagi penalti yang boleh mencegah daripada terus melakukan kesalahan tersebut?

Datuk Yang di-Pertua, seterusnya mengenai seksyen 3 iaitu yang menyentuh mengenai pakaian seragam Pegawai Jabatan Alam Sekitar yang boleh ditetapkan oleh Ketua Pengarah Alam Sekeliling setaraf dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Mengenai seksyen ini, saya ingin bangkitkan mengenai ketulenan pakaian seragam penguat kuasa yang mudah di ciplak oleh pelbagai pihak. Sebagai contoh, pakaian seragam polis yang senang di ciplak di Thailand.

Soalan saya, apakah langkah yang diambil untuk memastikan ketulenan pakaian seragam penguat kuasa alam sekitar supaya tidak pihak yang dapat meniru ataupun membuat pakaian seragam penguat kuasa yang palsu?

Isu akan timbul sebagaimana orang yang menyalahgunakan pakaian seragam polis dan memeras ugut orang awam- perkara yang sama boleh berlaku pada kementerian. Bayangkan seseorang itu memeras ugut industri yang berjuta-juta Ringgit yang mencemarkan alam sekitar. Bukankah boleh berlaku sedemikian rupa? Pohon perhatian daripada kementerian.

Selain itu, bagi menguatkuasakan lagi akta kualiti alam sekitar ini supaya lebih berkesan dan meminimumkan kes yang timbul, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan untuk menambah lagi Pegawai Penguatkuasa bagi mencegah berlakunya kes-kes jenayah alam sekitar yang lebih serius.

Datuk Yang di-Pertua. itu sahaja yang saya ingin bahaskan mengenai RUU ini. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba beberapa hari lagi. Selamat pulang ke kampung Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Senator sekalian dan seterusnya kepada penjawat awam serta khusus pegawai-pegawai awam di Parlimen. Sekian, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Alam Sekitar (Pindaan) 2023. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam Hamzah.

12.13 tgh.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Malaysia Madani.

Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas peluang dan ruang yang diberikan untuk saya sama-sama turut berbahas mengenai RUU Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 2023. Semestinya RUU ini bertujuan untuk mengukuhkan undang-undang sedia ada dan memastikan tindakan tegas diambil terhadap penjenayah alam sekitar.

Sebenarnya, kalau boleh, kalau bolehlah tanpa bahas, saya hendak sokong sahaja tanpa bahas. Ini kerana sebab alam sekitar ini sangat penting adalah aset yang paling penting yang kita akan warisi kepada generasi kita akan datang dan terlalu banyak perkara-perkara yang kita hadapi sebagaimana rakan-rakan sebutkan tadi. Sungai Langat contohnya. Sungai Semenyih beberapa kali telah dicemari dengan bahan-bahan kimia yang menyebabkan bau dan rasa yang tidak enak untuk diminum dan ia bukanlah setakat itu sahaja ia membahayakan kepada kesihatan. Jadi, pencemaran ini bukan sahaja orang kata di air, di udara, di tanah, di laut. Jadi, saya sangat-sangat mengucapkan syabas dan tahniah kerana dalam kepesatan pembangunan negara kita tidak lupa kepada kualiti alam sekitar ini.

Jadi, seperkara yang saya rasa yang sangat penting juga yang diambil kira ialah pencemaran daripada segi lumpur ini. Sebahagian besar sungai-sungai kita sudah menjadi cetek. Sebab itu, kebanyakan tempat sekarang ini di bandar-bandar. Dulu-dulu banjir ini di luar bandar, tetapi sekarang ini banjir berlaku di bandar-bandar. Ini kerana sungai-sungai yang melalui bandar-bandar ini telah menjadi cetek akibat daripada pembangunan. Saya rasa sebelum pembangunan dilakukan, pihak pemaju perlulah mengemukakan laporan EIA ataupun *Environmental Impact Analysis*, tetapi adakah laporan ini sebenarnya *valid* ataupun adakah boleh dibuat tanpa melalui proses-proses tertentu.

Sebab, saya lihat ada hampir 70 perkara yang sepatutnya di analisa oleh pihak konsultan tetapi kadang-kadang saya lihat- bukan kadang-kadang macam saya katakan tadi sebahagian besar sungai kita ini dah menjadi cetek. Jadi, apabila pembangunan berlaku bagaimana kita boleh membiarkan lumpur, pasir, tanah masuk ke dalam sungai? Sepatutnya ada kaedah tertentu.

Bila buat pembangunan kena ada kaedah yang menghalang daripada lumpur ini masuk ke sungai supaya ia tidak menjadi cetek. Bukan kerana masalah banjir sahaja. Saya rasa ia akan menambah kos pengendalian ataupun kos merawat air. Ini kerana apabila air keruh prosesnya akan menjadi lebih panjang untuk kita, untuk dibersihkan air tersebut sebelum dapat dibekalkan kepada rumah-rumah ataupun industri.

Jadi, saya tidak mahu panjang lebar. Jadi, saya menyokong 100 peratus RUU ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk Noraini Idris.

12.17 tgh.

Datuk Noraini binti Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas ruang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023.

Pertama, saya ingin menyentuh tentang rasionalisasi di sebalik takrif pembakaran terbuka yang dinyatakan dalam pindaan seksyen 2 rang undang-undang ini. Berdasarkan takrif tersebut, saya minta YB Menteri menjelaskan mengapakah pembuangan asap oleh sesebuah kilang yang dibuat tidak menerusi serombong. Tidak disifatkan sebagai aktiviti pembakaran terbuka. Persoalan umum yang wajar kita- semua bangkitkan adalah apakah perbezaan risiko di antara asap yang dibebaskan tanpa serombong dengan asap yang di rembes menerusi serombong. Sedangkan kedua-duanya boleh menjejaskan kualiti alam sekeliling kita.

Berkenaan persoalan tersebut, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang dua kes pencemaran udara yang didalangi oleh aktiviti perkilangan. Kes pertama, berlaku kira-kira lima tahun lalu di kawasan perindustrian Senawang, Negeri Sembilan. Pada tahun 2019, sebuah kilang berlesen yang menjalankan aktiviti pengitaran semula plastik telah diarahkan tutup akibat pencemaran bau. Hasil daripada pemeriksaan Jabatan Alam Sekitar, kilang tersebut beroperasi menggunakan *machine* memproses yang dilengkapi dengan alat kawalan udara. Namun begitu, ia masih tidak cukup untuk menghalang bau tidak menyenangkan yang terhasil daripada proses perkilangan daripada dihidu oleh penduduk sekitar.

Kes kedua pula melibatkan sebuah kilang minyak sawit di Jalan Changkat Seberang Perai, Pulau Pinang yang berlaku tujuh tahun lalu. Kilang tersebut pernah diarahkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menggantikan serombong asap yang telah dikesan menjadi punca kepada pencemaran asap hitam yang tidak terkawal. Pencemaran tersebut telah menjejaskan kualiti udara bagi kira-kira 2,000 orang penduduk kampung sekitar. Jadi, berdasarkan kedua-dua kes tersebut menunjukkan pencemaran bau serta pencemaran udara tetap boleh berlaku biarpun serombong asap dan alat kawalan udara digunakan dalam proses pembuangan asap perkilangan ke udara.

■1220

Setelah meneliti pindaan-pindaan baharu yang dimasukkan dalam rang undang-undang ini, saya berpendapat ini merupakan masa yang tepat untuk kerajaan menguatkuasakan peningkatan penalti dan hukuman yang dikenakan kepada pencemar alam sekitar yang bukan sahaja mengancam nyawa manusia tapi turut mengancam ekosistem kehidupan alam sekitar. Syabas di atas pindaan yang dibentangkan ini.

Malahan berdasarkan statistik kes yang melibatkan jenayah alam sekitar yang telah disabitkan oleh mahkamah, meningkat kepada 409 pada tahun 2023. Bahkan pada tahun yang sama juga terdapat 29 buah sungai tercemar teruk dan diklasifikasikan sebagai kelas IV dan V yang berpunca daripada pelbagai aktiviti industri, kumbahan, penternakan serta sikap masyarakat membuang sampah di merata-rata. Ini merupakan fenomena serius yang perlu ditangani dengan lebih berkesan lagi.

Saya juga menyokong pindaan yang menetapkan denda maksimum RM10 juta bagi kesalahan membabitkan pencemaran air, pencemaran buangan minyak serta buangan di perairan Malaysia serta pelupusan haram buangan terjadual. Malahan saya juga berharap kesalahan berulang terutamanya melibatkan pengusaha industri akan lebih dikenakan tindakan berat hingga penggantungan dan penarikan lesen perniagaan bagi menunjukkan betapa serius dan tegas kerajaan dalam menangani isu pencemaran alam sekitar ini.

Dato' Yang di-Pertua, baru-baru ini dua hari lepas *viral* satu video tentang pencemaran Sungai Tamparuli Sabah di mana akibat perbuatan pengusaha ladang ternakan khinzir di Kampung Bawang membuang najis haiwan itu ke sungai berhampiran ladang sejak beberapa tahun yang lalu menyebabkan air sungai itu tercemar dan bertukar warna menjadi kehijauan selain berbau busuk meloyakan.

Lebih mengejutkan air sungai tersebut masih digunakan oleh penduduk setempat malahan mengalir ke Loji Rawatan Air Telibong ataupun *Telibong Water Treatment* sebelum disalurkan kepada ribuan pengguna di Tuaran, Tamparuli dan juga Kota Kinabalu. Tindakan tersebut bukan hanya menjejaskan air sungai di Kampung Bawang, malah turut menjejaskan kualiti udara di kawasan perkampungan berhampiran kerana penduduk terpaksa menghidu bau busuk setiap hari.

Penduduk kampung telah melakukan pelbagai usaha termasuk melaporkan perkara ini kepada pihak berkuasa. Namun sehingga kini ladang ternakan khinzir itu masih lagi terus beroperasi. Jadi perkara ini pun sudah dibawa ke pengetahuan pihak berkuasa dan juga perhatian Ahli Parlimen Tuaran. Sekarang ini siasatan segera sedang dijalankan oleh pihak berkuasa untuk penyelesaian segera.

Saya juga ingin mencadangkan agar selain daripada kenaikan penalti dan hukuman setiap syarikat yang telah didapati bersalah diwajibkan juga memberi sumbangan balik melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberi pembangunan lestari semula kepada alam sekitar. Saya juga ingin menyentuh berkaitan seksyen 29A dan 29A(a) berkenaan dengan larangan atas pembakaran terbuka. Ingin saya kongsi statistik yang saya peroleh yang juga telah disebut oleh rakan Senator yang lain iaitu, sebanyak 1,594 kes pembakaran terbuka direkodkan di Malaysia dalam tempoh Januari hingga 25 Mac tahun ini. Angka ini sangatlah membimbangkan.

Sebagai negara yang sering berdepan dengan masalah jerebu Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan yang diperkenalkan pada tahun 2019 semasa pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan perlu dijadikan sebagai pelan dukungan dalam mengekang sebarang bentuk pembakaran terbuka di negara ini.

Cukuplah musibah pandemik COVID-19 yang telah mendesak kita- semua memakai pelitup muka di kawasan awam. Rakyat khususnya individu yang melakukan pekerjaan fizikal di kawasan terbuka merupakan golongan yang berisiko tinggi untuk mengalami mudarat kesihatan sekiranya jerebu berlaku lagi dengan lebih kronik pada masa akan datang.

Dato' Yang di-Pertua, itu sahaja daripada saya sebagai ucapan perbahasan dan saya juga di sini ingin mengambil kesempatan mengucapkan selamat hari raya, maaf zahir dan batin kepada Dato' Yang di-Pertua, Timbalan Datuk Yang di-Pertua dan semua rakan Senator dan juga urus setia. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Musoddak bin Ahmad.

12.24 tgh.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan terima kasih kerana berikan saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023.

Saya mulakan bicara saya ini dengan sepotong ayat Al-Quran Karim, Surah Ar-Rum, Ayat 41... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Telah timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia. Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang telah mereka lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat."*

Secara prinsipnya saya menyokong penuh pindaan yang menaikkan hukuman ke atas pesalah yang termaktub di bawah akta ini. Namun masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dan memerlukan penjelasan lanjut daripada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengajukan persoalan terhadap isi utama pindaan ini yang menaikkan keseluruhan kadar hukuman, denda dan penjara yang terdapat dalam Kertas Biru ini. Apa kadar nisbah dan prinsip yang diletakkan terhadap had hukuman baharu yang diletakkan di dalam setiap seksyen ini. Mengapa ada variasi had hukuman baharu yang ditetapkan, adakah prinsip orang yang membuat pencemaran membayar keseluruhan pencemaran terpakai ketika kementerian melakukan pindaan ini.

Kemudian, mengenai frasa denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan. Sepatutnya setiap kesan langsung, impak, akibat termasuk kerja-kerja pembendungan, penyelamatan dan sebagainya yang berlaku bermula

pencemaran itu berlaku sehingga hari akhir operasi harus ditanggung oleh orang yang membuat pencemaran atau individu mahupun syarikat yang bertanggungjawab terhadap pencemaran. Bagaimana nilai kerugian dan operasi menyelamatkan yang ditanggung ini cukup dengan denda harian sebanyak RM1,000 sahaja. Saya bercakap dalam konteks hari-hari operasi menyelamatkan yang dilakukan oleh pihak berkuasa. Bukan soal denda, keseluruhan nilai RM1,000 sebenarnya tidak cukup dan tidak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui dari sudut pemantauan apakah ada mekanisme penambahbaikan terhadap insiden-insiden pencemaran khususnya melibatkan pencemaran udara yang berpunca daripada pembakaran terbuka. Dengan fenomena cuaca panas yang sedang melanda ini, insiden pembakaran terbuka seharusnya dielakkan daripada berlaku. Saya ingin mengetahui apakah ada mekanisme tertentu bagi memantau pencemaran ini begitu juga pencemaran air dan sebagainya.

Bagaimanakah dengan soal penguatkuasaan di bawah Jabatan Alam Sekitar? Berapakah jumlah terkini dan apakah ada keperluan untuk menambah anggota penguat kuasa khususnya di kawasan-kawasan *hotspot* bencana. Saya juga ingin mendapat jawapan kementerian mengenai kes-kes pencemaran yang berlaku sejak tahun lalu dan berapa kes yang sedang dibicarakan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengetahui program-program advokasi berkaitan pemeliharaan, pemuliharaan dan pendidikan alam sekitar khususnya kepada Ketua-ketua Balai dan pegawai penguat kuasa dan digerakkan secara bersepadu kepada ketua-ketua kampung pimpinan masyarakat dan rakyat di luar sana. Ini supaya kefahaman terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dapat digerakkan secara berstrategi. Hal yang saya sebutkan ini termasuklah langkah pelaporan kepada pihak berkuasa jika terdapat sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar.

Saya kira perkara-perkara sebegini perlu digerakkan dengan lebih proaktif dengan pendekatan seluruh negara supaya langkah mencegah pencemaran alam sekitar dapat dilakukan dengan lebih tersusun dan menyeluruh. Jadi saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih. Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz .

■1230

12.30 tgh.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih atas peluang yang saya turut serta Tuan Yang di-Pertua. Bagi membincangkan, membahaskan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekitar Pindaan 2023 ini, saya percaya pindaan rang undang-undang ini amat penting bagi menyelesaikan isu pencemaran alam sekitar yang semakin menjadi-jadi di negara kita. Kerakusan sesetengah pihak melaksanakan pembangunan dan mahu mengaut keuntungan

lebih tanpa memikirkan kesan jangka panjang terhadap alam sekitar menjadi punca kepada semua permasalahan ini. Jenayah alam sekitar seperti pembuangan sisa kimia di dalam sungai, pelepasan asap kilang tanpa kawalan, pencerobohan hutan secara berleluasa, pembakaran terbuka, pembangunan tidak terkawal dan sebagainya sudah tidak dapat dibendung lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan data yang pernah dikongsi oleh kementerian sebanyak 10,222 kompaun telah dikeluarkan pada tahun 2020 melibatkan kutipan mencecah lebih RM12.5 juta. Tahun 2020 ini menjadi tahun paling banyak kompaun yang dikeluarkan manakala bagi tahun 2021 sebanyak 8,766 kompaun dikeluarkan melibatkan kutipan sebanyak RM10.2 juta. Pada mendapat menteri, adakah penurunan pengeluaran kompaun ini disebabkan oleh kepatuhan pihak industri atau sebenarnya adalah sebab lain? Bagaimanakah dengan data terbaharu? Berapa jumlah kompaun yang telah dikeluarkan pada tahun 2023?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga faham statistik bagi kes pelanggaran syarat lesen yang disabitkan di mahkamah pada tahun 2019 adalah berjumlah 289 kes dan telah meningkat kepada 409 kes pada tahun 2023. Ini adalah satu peningkatan yang mendadak hanya dalam tempoh lima tahun. Namun begitu, hanya sebanyak 82 buah premis sahaja digantung lesen dalam tempoh ini. Saya ingin minta Menteri- kongsi apakah punca ratusan kes lain yang tidak digantung lesen ini sama ada mereka didapati tidak bersalah atau kerana kesukaran untuk membuktikan kes.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya menyokong penuh pindaan rang undang-undang ini kali. Saya percaya telah tiba masanya untuk kita tingkatkan kadar hukuman dengan meletakkan denda minimum dan meningkatkan kadar denda maksimum serta mengenakan hukum penjara mandatori dan kompaun untuk kesalahan di bawah akta ini supaya industri lebih gerun dan mengambil tanggungjawab untuk sama-sama melindungi alam sekitar. Saya difahamkan *fasiliti* dan tenaga penguat kuasa di Jabatan Alam Sekitar seluruh negara adalah tidak mencukupi.

Setakat ini kita hanya mempunyai 29 buah cawangan pejabat alam sekitar sahaja di seluruh negara dengan kekuatan hanya sebanyak lebih kurang 1,100 orang Penguatkuasa sahaja. Secara logiknya, saya fikir jumlah ini tidak cukup untuk mengawal dan mengesan aktiviti jenayah alam sekitar di seluruh negara.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar diwujudkan pejabat Jabatan Alam Sekitar di setiap daerah bagi mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling selaras dengan maksud akta ini dan peraturan-peraturan di bawahnya. Saya juga berharap agar kementerian dapat meneliti sama ada terdapat keperluan untuk menambah perjawatan terutama bagi bahagian penguatkuasaan. Saya juga mencadangkan agar

diwujudkan sebuah kerjasama yang erat serta Jabatan Alam Sekitar dengan pihak berkuasa tempatan bagi memudahkan urusan kawal selia kegiatan jenayah alam sekitar ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata ini adalah- alam ini adalah khazanah yang tidak ternilai. Kita harus sama-sama berganding bahu melindunginya daripada dimusnahkan oleh tangan-tangan yang tamak dan tidak bertanggungjawab.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 2023 ini dan mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, rakan-rakan senator kita ya dan *insya-Allah* kita akan berjumpa lagi di sidang Dewan yang akan datang. Terima kasih.

Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Arman Azha Abu Hanifah.

12.35 tgh.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani. Datuk Yang di-Pertua Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati sekalian. Terima kasih kerana memberi saya ruang untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekitar Pindaan 2023.

Datuk Yang di-Pertua, kita- semua sedia maklum bahawa keadaan dunia hari ini semakin tenat dengan pelbagai jenis pencemaran dan kemusnahan sama ada akibat langsung atau perbuatan manusia sendiri atau sebaliknya. Kualiti alam sekeliling negara kita semakin hari semakin merosot. Lihat sahaja kejadian-kejadian yang berlaku tanah runtuh, banjir, pembuangan sisa industri ke dalam sungai, penebangan pokok, penerokaan kawasan hijau, tidak kecuali juga pembiasan asap ke udara sama ada melalui sisa industri, pembakaran terbuka atau penggunaan kenderaan di jalan raya.

Datuk Yang di-Pertua, pindaan yang digubal dalam rang undang-undang ini amat sekali mendesak sebagai usaha untuk membendung keluasan kesalahan-kesalahan yang melibatkan sumber alam semula jadi. Namun, sejauh mana kah dengan kenaikan penalti yang dicadangkan dapat mengurangkan kesalahan-kesalahan itu daripada berlaku? Kesalahan-kesalahan ini tidak sepatutnya timbul jika ada rasa tanggungjawab setiap individu terhadap kepentingan memelihara alam sekeliling. Apakah usaha lain sebagai alternatif dan pelengkap kepada akta ini yang boleh diambil sebagai satu pendekatan yang menyeluruh untuk menyedarkan rakyat kita untuk menjaga kepentingan flora dan fauna selain dikenakan denda?

Asal utamanya adalah kesedaran. Boleh dikatakan pesalah-pesalah yang melakukan perkara sedemikian dan berulang-ulang kali adalah kalis saman dan berkepentingan untuk keuntungan. Walau bagaimanapun, saya berdiri di sini menyokong pindaan-pindaan yang meletakkan kepentingan alam sekeliling demi kehidupan yang lestari. Saling ke bertanggung antara alam dan manusia adalah perkara utama yang perlu kita bertanggungjawab.

Datuk Yang di-Pertua, namun saya ingin pencerahan daripada kementerian. Terdapat kategori yang berlainan mensabitkan sesuatu kesalahannya. Contoh kesalahan domestik, kesalahan industri jatuh dalam kategori penalti yang sama kah ataupun berbeza? Contohnya, adakah nenek kita, atuk kita di kampung yang membakar daun-daun kering dikenakan penalti yang sama dengan kilang perindustrian kerana membuat pembakaran secara terbuka? Bagaimanakah pula tahap penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pegawai penguasa yang terlibat? Berapa kerap kah pegawai penguasa ini turun padang untuk melakukan pemantauan dan pemeriksaan?

Kes-kes yang dilaporkan di dada-dada akhbar kebanyakan telah berlarutan sekian lama dan melalui aduan orang awam. Jadi, bagaimanakah Pegawai Penguatkuasa sepatutnya melakukan pemantauan, pemeriksaan di kawasan seliaan mereka dapat lihat perkara ini secara dekat. Apakah statistik sejak lima tahun kebelakangan ini mengenai kesalahan yang direkodkan paling tinggi? Mohon pihak Menteri kongsi kan bersama Ahli Dewan. Datuk Yang di-Pertua, selain daripada kadar penalti saya juga ingin mengesyorkan hukuman yang lebih berat jatuhkan kepada pesalah-pesalah ini. Ada kesalahan pencemaran menyebabkan cacat kekal daripada segi *neuromotor* mangsa yang terlibat.

Kehilangan nyawa akibat racun yang telah masuk dalam sistem tubuh mangsa dan penyakit-penyakit yang *congenital* untuk bayi yang berada dalam kandungan. Kesan dan implikasi harus ditanggung sepanjang hayat mangsa. Apakah nasib mangsa-mangsa ini terbela sepenuhnya hanya dengan membayar penalti dan melepaskan seperti nyawa rakyat tiada nilai? Kita tidak mahu perkara ini dilalui oleh rakyat dengan mempertaruhkan nyawa serta kehidupan mereka. Kekerapan kesalahan yang sama berlaku berulang-ulang kali tanpa undang-undang yang tegas untuk memudaratkan dan rasa hormat dan keyakinan rakyat kepada institusi perundangan.

Datuk Yang di-Pertua, sahabat-sahabat Senator dan rakyat Malaysia. Saya hari ini ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Berhati-hati pulang ke kampung halaman. Sentiasa ingatlah keluarga tercinta. Naik kapal terbang, sampai dengan selamat...

■1240

Datuk Noraini binti Idris: Angpau, angpau...

Seorang Ahli: Rumah mana ni, rumah mana, rumah?...

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Jangan ini, bahaya. *Live...*

Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini dan rakan-rakan Senator, pulanglah ke kampung halaman dengan baik. Ingatlah keluarga tercinta. Sekian sahaja ucapan saya. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Datuk Yang di-Pertua pun balik dengan selamat, saya doa dan jumpa pada sidang Dewan akan datang. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya sokong rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih atas semua yang dikatakan pada pagi ini.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Nasir Haji Idris.

12.41 tgh.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Datuk Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua kerana memberikan peluang ataupun ruang untuk sama-sama saya membahaskan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023.

Datuk Yang di-Pertua, penguasaan dan pemantauan larangan pembakaran terbuka. Merujuk kepada fasal 13 meminda seksyen 29A Akta 127 berkaitan dengan larangan pembakaran terbuka. Seksyen 29A(5) "*Mana-mana orang yang melanggar seksyen 1 atau 3, melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak kurang daripada RM25,000 dan tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya*".

Datuk Yang di-Pertua, terdapat peningkatan denda maksimum dua kali-ganda sehingga RM1 juta berbanding dengan RM500,000 sebelum ini. Antara spektrum denda yang lazim dikenakan terhadap pesalah, apakah kadar nisbah antara bilangan individu yang dikenakan denda pada tahap maksimum dan juga tahap minimum? Terdapat mereka yang dikesan mengulangi kesalahan mereka dalam pembakaran terbuka.

Datuk Yang di-Pertua, daripada jumlah 1,043 aduan kes pembakaran terbuka yang direkodkan antara 1 Januari hingga 19 Februari yang lalu, berapakah yang telah dikenakan kompaun dan amaun yang terlibat serta pertimbangan yang hendak diambil kira dalam penentuan denda yang dikenakan? Pemantauan pembakaran yang berulang di lokasi *hotspot*. Dari sudut pemantauan, adakah wujud penambahbaikan mekanisme dalam mengesan dan mengenal pasti insiden pembakaran yang berulang terutamanya di lokasi *hotspot*, hutan dan tanah gambut? Persoalannya apakah- adakah bilangan penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar yang sedia ada mencukupi? Jika tidak, apakah perancangan kementerian tentang keperluan menambah bilangan ini?

Pada November lalu, dilaporkan Jabatan Alam Sekitar memerlukan tambahan 3,000 orang Anggota Penguatkuasa berbanding yang ada sekarang, 1,100. Datuk Yang di-Pertua, apa tindakan proaktif yang diambil oleh pihak Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama PBT, pejabat daerah, para pemilik tanah, ladang, kebun dalam mencari jalan penyelesaian supaya masalah pembakaran terbuka timbunan sampah-sarap haram, timbunan sampah sarap terutamanya di tapak-tapak tanah yang dijadikan tapak pembuangan sampah haram dapat ditangani secara berkesan selain memastikan kerja-kerja pembersihan sampah mengikut SOP yang telah ditetapkan?

Sehubungan dengan itu, adakah pihak kementerian telah meningkatkan kekerapan tahap pemantauan dan pengesanan insiden pembakaran terbuka dengan mengambil kira cuaca panas yang sedang melanda negara dan dijangka berlarutan dengan risiko beban kemerebakan api untuk aktiviti pertanian serta lain pembakaran sisa tanaman?

Datuk Yang di-Pertua, sekian perbahasan saya. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh Muslimin Muslimat yang ada di sini dan juga di mana ia semua berada. Kepada sahabat-sahabat kita, rakan-rakan Senator, nanti kita berjumpa lagi di masa-masa akan datang. Selamat Hari Raya. Sekian, saya mohon menyokong. *Wabillahi taufik, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Seruandi Saad.

12.46 tgh.

Tuan Seruandi bin Saad: *Assalamualaikum warahmatullah* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas pada hari ini berkaitan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling. Seperti yang sedia maklum, RUU ini penting dalam melindungi hak asasi manusia dan melindungi rakyat Malaysia daripada kesan buruk dan sekitar alam sekitar yang disebabkan oleh aktiviti manusia juga.

Ingin saya kongsi di Dewan yang mulia ini statistik Jabatan Alam Sekitar ataupun JAS, sebanyak 75 peratus dari sungai di Malaysia dikategorikan sebagai tidak sihat dan untuk tujuan penggunaan manusia yang disebabkan oleh pelepasan bahan kimia beracun, limbah industri dan pembuangan sisa yang tidak terkawal. Ingin saya merujuk kepada pindaan yang melibatkan seksyen 16 dan seksyen 18 berkaitan peningkatan kadar denda dan tempoh maksimum penjara bagi kesalahan di bawah kedua-dua seksyen berkenaan pelanggaran terhadap syarat lesen.

Sehingga kini, sepanjang tahun 2023, berapakah jumlah syarikat yang telah dikenakan denda dan apakah berlaku peningkatan kes serta pengulangan kesalahan melibatkan syarikat yang sama? Mohon penjelasan YB Menteri. Malahan, dalam pindaan ini juga, bagaimanakah tindakan yang akan dikenakan kepada pesalah berulang? Pada hemat saya, kenaikan kadar denda sahaja tidak mencukupi. Kementerian perlu lebih bertegas dan menggantung serta menarik balik lesen pelaku berulang yang menjejaskan alam sekitar kita. Barulah rakyat dapat hidup dengan selesa tanpa pencemaran yang akan membawa bahaya.

Seterusnya, ingin saya menyentuh berkaitan seksyen 29A dan seksyen 29AA berkenaan dengan larangan pembakaran terbuka kecuali apa-apa aktiviti kebakaran dan pembaraan yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai bukan pembakaran terbuka. Dalam hal ini, apakah usaha berterusan kementerian dalam memberi tunjuk ajar dan pendidikan

terutamanya kepada penduduk luar bandar tentang kepentingan larangan pembakaran terbuka ini? Kita semestinya mahukan aspek pendidikan dan pendedahan turut diberikan dan bukannya hanya mengenakan denda semata-mata. Mohon penjelasan daripada YB Menteri saranan bagi mengurangkan pembakaran terbuka di luar bandar terutamanya.

Dalam menjaga kualiti alam sekitar, semestinya semua pihak perlu bekerjasama dan tidak hanya tertumpu pada denda semata-mata. Namun, pendedahan dan kawalan juga sama penting bagi memperoleh kualiti alam, udara dan gaya hidup yang sihat. Saya ingin melihat sekurang-kurangnya satu buah negeri, sebuah sungai yang mengalir dengan airnya yang cantik, yang menarik seperti mana sungai yang di tengah-tengah Kota Raya Seoul iaitu Sungai Cheonggyecheon yang amat terkenal. Pelancong-pelancong satu dunia hanya datang ke kota Seoul untuk menikmati pemandangan di sungai tersebut dan boleh turun ke sungai tersebut yang mengalir dan merasa kejernihan air sungai tersebut.

■1250

Inilah impian kita dan kita juga memang mengharapkan *River of Life*, dengan izin, di Sungai Klang itu dapat direalisasikan sebegini, tetapi semasa kita sedang berusaha ke arah itu, masih lagi berlaku pembuangan-pembuangan sisa makanan, sampah dan sebagainya. Kesedaran sivik di kalangan rakyat Malaysia masih lagi rendah. Sekian, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa Musa.

12.50 tgh.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 tahun 2023.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan pindaan akta ini bagi meningkatkan ketegasan dan pengukuhan kuat kuasa jenayah pencemaran alam sekitar agar tanggungjawab memulihara alam sekitar ini dipikul bersama oleh semua individu dan organisasi di Malaysia. Sewajarnya undang-undang ini kita luluskan tanpa bahas kerana alam sekitar yang cantik, bersih dan jernih akan mengembalikan kegembiraan dan kelestarian kehidupan.

Bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang beberapa perkara yang perlu ditambah baik dalam pelaksanaan undang-undang Akta Kualiti Alam Sekitar ini. Komitmen untuk memulihara dan melestarikan kualiti udara bersih mestilah dipikul oleh semua pihak. Justeru, Jabatan Alam Sekitar diseru agar meningkatkan tahap penguatkuasaan ke atas sumber pembakaran tetap agar pelepasan udara tidak bersih dapat

dikawal dan memenuhi Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Dalam pindaan ini, kerajaan telah menetapkan takrifan semula pembakaran terbuka dan hukuman denda dan kompaun bilamana pembakaran terbuka dibuat tanpa kelulusan dan kawalan.

Soalan saya, sejauh manakah pemakaian akta ini ke atas aktiviti-aktiviti domestik yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti keagamaan dan juga pertanian berskala kecil? Kita sedia maklum, dalam masyarakat majmuk ada kalanya beberapa perkara dan yang berkaitan dengan agama dibuat secara terbuka. Justeru, perlu diperincikan supaya tidak akan menimbulkan masalah pada hari muka apabila undang-undang ini telah dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan sendiri dan pemantauan pembakaran dan pelepasan gas atau asap pembakaran memerlukan kerja-kerja pemantauan yang berterusan dan berkesan. Kita tidak lagi mahu mengulangi kembali episod jerebu sehingga indeks pencemaran udara yang tidak sihat dan menimbulkan, mencetuskan darurat bencana dan mengundang risiko kesihatan dan pekerjaan rakyat. Oleh itu, saya mohon penjelasan dari kerajaan, apakah strategi dan langkah-langkah yang lebih tegas agar semua premis dan institusi yang diberikan lesen kebenaran bertulis pelepasan asap pembakaran mematuhi standard dan had pelepasan udara yang bersih?

Saya juga memohon apakah Jabatan Alam Sekitar mempunyai alatan dan stesen pemantauan yang cukup bagi mengawal selia punca tetap pencemaran? Bagaimanakah mekanisme pelaporan dapat segera dilaporkan oleh orang awam bilamana kejadian pembakaran terbuka ini dilakukan dan apabila tangkapan dan juga penguatkuasaan dilakukan? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, adakah kuasa penguatkuasaan ini juga boleh diperturunkan kepada PDRM agar kerja-kerja pemantauan dan kerja-kerja penguatkuasaan dapat dilakukan dengan lebih tuntas dan berkesan?

Tuan Yang di-Pertua, masalah pelupusan bahan atau sisa terjadual amat perlu diberi perhatian dan penguatkuasaan wajar. Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri perlu membina dan melesenkan lebih banyak stesen pelupusan di setiap negeri agar kos pelupusan bahan terjadual lebih kompetitif dan industri tidak memilih jalan singkat dengan membuang sisa bahan buangan terjadual di kawasan haram yang semestinya akan memberi kesan kepada sumber air dan pemuliharaan alam sekitar.

Justeru, saya ingin kepastian daripada kementerian, sejauh manakah kuat kuasa sebelum ini telah berkesan dan data yang menunjukkan berlakunya ketirisan terhadap pelaksanaan dan juga kes-kes yang berkaitan dengan pembuangan sisa buangan terjadual ini di kawasan-kawasan awam yang melibatkan kepentingan masyarakat?

Oleh itu, saya juga ingin penjelasan kerajaan tentang berapakah bilangan industri pelupusan berlesen di Semenanjung Malaysia? Bagaimanakah pula kawalan dan standard operasi kenderaan mengangkut bahan-bahan sisa buangan terjadual ini dari satu-stesen ke

stesen pelupusan untuk mengelakkan berlakunya kemalangan yang boleh menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya dan juga keselamatan orang awam?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya juga mengambil kesempatan ini untuk di akhir-akhir persidangan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, *minal aidin wal faizin*, maaf zahir dan batin. Saya menyokong penuh akta ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui.

12.56 tgh.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya sekali lagi mengambil bahagian di dalam membahaskan rang undang-undang yang kita akan luluskan pada hari ini iaitu Akta Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 1974 ini.

Jadi, saya meneliti rang undang-undang ini. Saya lebih kepada denda ataupun hukuman yang ditambah dalam rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun, saya melihat kepada alam sekitar kita di negara ini selalunya dimanipulasikan oleh pihak tertentu yang mengaut keuntungan yang berjuta-juta, malah ratus juta. Kalau tak silap ada juga yang sampai berbilion. Jadi, justeru ini saya sangat setuju dengan akta ataupun pindaan ini kerana sekurang-kurangnya ia akan mengawal pihak-pihak tertentu yang rakus memanipulasikan alam sekitar kita di negara ini.

Jadi, saya melihat perkara begini berlaku di mana hampir setiap tahun pembakaran terbuka, ladang-ladang yang besar terjadi di negara ini. Ini tidak lepas di tempat saya sendiri di Miri, di Kuala Baram selalu hampir setiap tahun ada pembakaran terbuka. Jadi, saya juga melihat kepada kilang-kilang yang selalunya mengambil jalan mudah untuk membuang sisa-sisa pengilangan mereka ke sungai. Jadi, adakah kerajaan- memang sudah sedia ada panduan supaya kilang-kilang ini jangan dengan sewenang-wenangnya membuang sisa pengilangan mereka ke sungai seperti yang pernah berlaku dalam insiden kilang- Sungai Kim Kim.

Saya melihat seksyen 10 iaitu pindaan kepada seksyen 25, setelah dinaikkan kepada lima tahun penjara dan RM10 juta. Jadi, daripada apa yang saya telah nyatakan tadi di mana ada pihak tertentu yang untung berjuta-juta, ratus juta pun. Ini perkara saya yakin mereka tidak akan lut dalam hal- tidak pedulikan perkara yang sebegini. Bagaimana pula dengan kegiatan-kegiatan pembalakan yang juga berleluasa di negara ini di mana kita saban tahun melihat kejadian banjir-banjir kilat, malah ada sisa pembalakan- malah, balak pun yang apabila banjir hinggap di atas bumbung rumah di beberapa buah tempat yang kita lihat selama ini.

Ini adalah sesuatu yang perlu kita ambil peduli supaya pembalakan juga terlibat di dalam pengawalan yang ketat oleh pihak berkuasa di negara ini. Di mana baru-baru ini juga,

awal bulan Mac yang lepas di mana sisa-sisa ataupun *logjam* berlaku di Sungai Song, Sarawak. Sebelum itu ada juga pernah berlaku di Baleh, beberapa tahun yang lepas. Jadi, ini perkara-perkara yang begini yang perlu diambil kira supaya pihak tertentu jangan sewenang-wenangnya memanipulasikan alam sekitar kita untuk kekayaan mereka sendiri tetapi sangat merugikan orang yang di pedalaman ataupun di sekitar tempat aktiviti-aktiviti pembalakan ini.

■1300

Di mana sungai mereka tercemar, di mana sumber ikan-ikan mereka juga tercemar sehinggakan tidak dapat pada masa dulu, boleh dijala. Sekarang tidak dapat kerana penuh dengan sisa-sisa pembalakan. Justeru itu, apa pun keadaannya, saya berharap dengan pindaan ini, sekurang-kurangnya memberi satu teguran ataupun amaran kepada kita supaya jangan sewenang-wenangnya memanipulasikan alam sekitar untuk kepentingan peribadi.

Justeru itu, saya menyokong pindaan ini dan saya ambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin kepada rakan-rakan Muslim kita di negara ini. Pulanglah dalam keadaan yang selamat, jaga pemanduan. Kalau mengantuk, berhentilah. Terima kasih Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Awang bin Sariyan.

1.01 tgh.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

*[Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Terima kasih Puan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Saya seperti juga Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum ini, menyokong untuk dilaksanakan akta yang berdasarkan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini atas peri pentingnya kita menjaga kualiti alam sekitar. Peri pentingnya menjaga alam sekitar dapat dihujahkan berdasarkan hujah kedua-dua hujah *aqli* dan *naqli*.

Kalau berdasarkan pegangan agama pun kita dapati cukup banyak ayat Al-Quran Nur Karim yang menegaskan peri pentingnya alam sekitar itu dijaga. Antaranya seperti dalam Surah Al-A'raf ayat 56 yang mafhumnya, "*Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan pada-Nya*". Banyak lagi ayat-ayat yang lain, tetapi soalnya dalam realiti sekarang kita menyaksikan bagaimana situasi alam sekitar yang kian tidak terkawal oleh sebab tangan-tangan manusia, oleh kerakusan, kehalobaan sejumlah manusia yang ada di muka bumi termasuk di negara kita.

Hal pertama yang ingin saya tegaskan atau saya sentuh sini ialah soal sokongan kepada pentingnya tambahan hukuman seperti jumlah hukuman penjara mandatori bagi kesalahan pelupusan sampah, pelupusan haram buangan terjadual seperti yang tercatat dalam rang undang-undang ini.

Pada hemat saya perlu ada suatu usaha pendedahan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini yang dengan sengaja melanggar akta ini melalui portal-portal kerajaan sebetulnya Kementerian Alam Sekitar, persatuan pengguna dan lain-lain dari waktu ke waktu agar masyarakat peka dan sedar berlakunya keadaan yang sangat menjejaskan keharmonian dan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat awam.

Selain itu dalam soal pindaan yang disenaraikan dengan cukup panjang lebar itu saya dapati ada juga beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti soal pencemaran bunyi bising. Sekarang ini menjelang musim perayaan, kita sudah mula bingit dengan letupan-letupan mercun. Di kampung, meriam buluh. Jadi saya kira hal ini juga harus diberi perhatian oleh pihak kementerian, pihak berkuasa agar perkara ini diberi perhatian.

Saya cukup musykil bagaimana penjualan mercun secara leluasa dan ini terkait dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Saya pernah menanyakan persoalan di *Facebook*, tetapi jawapan pada waktu itu oleh Menteri berkenaan, cukup tidak memuaskan kerana ini berkaitan dengan soal kastam. Ini bukan soal kastam. Soal bagaimana bekalan mercun-mercun yang sebahagian berbahaya itu dapat dijual secara berleluasa.

Juga terkait dengan kenderaan, demikian juga. Sehingga saya katakan kalau secara adilnya motobot tidak patut berada di jalan raya... *[Dicelah]* ...*Motorbikes* dan sebagainya yang bunyinya cukup membingitkan termasuklah sebahagian kereta juga yang diubahsuai. Ini juga mencemarkan bunyi bising yang perlu diberi perhatian dalam soal ini.

Selain itu soal kualiti alam sekitar yang berkaitan dengan pembangunan yang tidak terkawal. Kerakusan dan kesukaan manusia yang membina rumah kediaman dan sebagainya di kawasan perbukitan, di lereng bukit dan ini cukup mencemarkan alam. Berlaku tanah runtuh, kebanjiran dan juga menjejaskan habitat sebahagian haiwan liar. Bukan sahaja soal kawasan kediaman sekarang ini diserang oleh beruk, kera dan sebagainya bahkan juga babi hutan di kawasan rumah saya, tetapi UKM juga waktu saya bertugas di situ, beruk-beruk juga ikut berkuliah... *[Ketawa]* dan mengadakan konsultasi cuma tak siap tesisnya. Ini tak terkawal kerana kawasan sekeliling itu dijadikan kawasan perumahan yang menjejaskan kualiti alam.

Puan Yang di-Pertua, saya mengakhiri perbahasan ringkas ini dengan menegaskan perlunya aspek penguatkuasaan yang cukup telus, ikhlas, yang tidak membabitkan soal salah guna kuasa, soal rasuah, ketirisan dan ini perlu ada kaitan dengan pihak berkuasa lain dalam soal penguatkuasaan. Mungkin peranan media yang perlu menyorot atau memberikan fokus pada hal-hal yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar dari waktu ke waktu supaya

masyarakat sedar dan dapat memberikan gerak balas ataupun tindak balas kepada siaran-siaran tentang alam sekitar yang telah dijejaskan.

Demikian juga yang terakhir Puan Yang di-Pertua ialah soal pendidikan formal dan tidak formal. Jadi ini harus disisipkan dalam pendidikan di sekolah, di universiti, di kolej dan sebagainya dan juga dalam bentuk pendidikan tidak formal, dalam khutbah, ceramah kemasyarakatan dan sebagainya. Jadi, juga peranan ahli politik di kawasan masing-masing ya.

Jadi Puan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong usul pindaan ini yang berkaitan dengan soal kawalan kualiti alam sekitar. Terima kasih dan sekali lagi juga saya seperti rakan-rakan lain mengucapkan Salam Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Marilah kita raikan Hari Raya sebagai suatu perayaan bersama termasuk rakan-rakan yang bukan Islam. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri. Selanjutnya, saya mempersilakan Senator Datuk Bobbey Ah Fang.

1.07 tgh.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Terima kasih Puan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas pada hari terakhir ini.

Seperti kita maklum bahawa pindaan rang undang-undang ini bertujuan untuk memperkasakan fungsi Jabatan Alam Sekitar dengan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Ia bagi mewujudkan denda yang lebih tinggi bagi mengekang dan menghukum penjenayah alam sekitar. Di samping itu, bagi memberi isyarat yang jelas kepada kerajaan begitu serius untuk mengawal pencemaran alam sekitar.

Saya tiada masalah tentang cara ataupun kaedah bagi mengekang dan menghukum penjenayah alam sekitar dengan cara menaikkan hukuman atau apa cara sekalipun. Ini kerana itulah impian kita bersama, hendak melihat negara kita ini dan sekelilingnya yang berkualiti.

Dengan adanya kelulusan rang undang-undang ini pada masa hadapan, segala aspek pembangunan untuk agenda meningkatkan ekonomi berkait dengan alam sekeliling akan diambil peduli oleh pihak yang terlibat.

Puan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan rang undang-undang ini supaya ia lebih menyeluruh dan komprehensif dan bukan semata-mata bergantung kepada penalti dan denda sahaja, saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan untuk agensi penguatkuasaan alam sekitar untuk meningkatkan seperti latihan kakitangan, peralatan dan kemampuan teknologi?

Puan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2024, sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan sebagai subsidi untuk meluaskan lagi penanaman padi huma seluas 43,000 hektar khususnya di kawasan pedalaman dan hulu di Sabah dan Sarawak.

■1310

Misalnya di Pensiangan dan Tenom di Sabah. Seperti kita tahu kaedah penanaman tradisi ini akan memerlukan pembakaran kawasan. Adakah garis panduan dan pengecualian diberikan kepada para petani padi huma ini dalam akta ini memandangkan mereka hanya menjalankan aktiviti pertanian dengan skala yang kecil-kecilan. Barangkali dua ekar, lima ekar seperti begitu dan bukannya secara komersial yang beribu-ribu ekar ataupun ialah yang luas sekali.

Saya senada dengan rakan dari Sarawak tadi kerana pembakaran kawasan bagi kegiatan pertanian terutamanya penanaman padi huma ini di Sabah adalah mengikut tradisi yang telah diamalkan oleh nenek moyang mereka. Inilah cara mereka untuk menanam padi ataupun ialah untuk makanan mereka.

Jadi, selain itu saya ingin bertanya sama ada akta ini akan turut terpakai terhadap pesalah industri dari negara jiran, khususnya di mana kita sering mendengar laporan bahawa setiap tahun berlaku masalah jerebu rentas sempadan yang melanda negara kita.

Saya turut ingin bertanya sama ada pihak kementerian akan turut mengambil peluang dalam sidang ASEAN akan datang di mana Malaysia sebagai tuan rumah untuk menjayakan matlamat Perjanjian ASEAN mengenai pencemaran jerebu rentas sempadan dengan mewujudkan kerangka perundangan yang senada dengan semua negara Asia Tenggara terutamanya Indonesia, jiran kita yang terdekat ini. Kita tidak lupa apakah kerajaan turut bercadang untuk teruskan Akta Jerebu Rentas Sempadan yang mana jiran kita Singapura telah pun meluluskan sejak tahun 2014 lagi.

Puan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya, kerajaan perlu pertimbangkan pelaburan dalam penyediaan infrastruktur bersesuaian bagi pembuangan bahan-bahan berjadual. Selain daripada pindaan undang-undang ini, penting juga untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan awam mengenai dengan kepentingan menjaga alam sekitar dan akibat negatif pencemaran. Ini termasuk program-program pendidikan dan kempen-kempen kesedaran untuk memastikan bahawa masyarakat faham dan akan bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan akibat pelanggaran undang-undang.

Saya ingat itu sahaja Puan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang ini supaya diluluskan dan Selamat Hari Raya kepada sahabat-sahabat yang akan menyambutnya dan maaf zahir dan batin. Sekian, terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Okey. Selanjutnya saya mempersilakan Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

1.13 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Puan Yang di-Pertua.

Hari ini orang sebut Puan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan. Saya ingin memulakan dengan satu potong ayat al-Quran. Sebenarnya dalam al-Quran, Allah sebut, Allah peringatkan lebih 1,400 tahun dahulu tentang isu yang kita bicarakan ini. Dalam Surah Ar-Rum, ayat 41 tadi... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* “Yang rosak di laut, yang rosak di darat ini punca tangan manusia”. Dalam ayat yang lain, ayat Surah Al-A’raf tadi Prof. ada sebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Di hujung itu, satu penyelesaian. Maksudnya “*Dan jangan kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan kepadamu dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang kalau-kalau doamu tidak diterima. Ertinya bala bencana datang juga akibat daripada perlakuan kamu. Dan juga dengan perasaan yang terlalu mengharap supaya doamu dimakbulkan. Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang kunci katanya memperbaiki amalannya.*” Menyelesaikan isu ini dengan memperbaiki amalan.

Puan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, menurut data Kementerian Sumber Asli, sektor industri negara kita menyumbang sekitar 50 peratus kepada pencemaran udara, pencemaran air, pencemaran tanah pun yang disebut tadi pencemaran bunyi.

Menurut Jabatan Alam Sekitar juga menyatakan 75 peratus dari sungai negara kita tak sesuai untuk aktiviti-aktiviti kehidupan ataupun penggunaan manusia. Setiap tahun kita dilanda jerebu. Saya rasa tak ada tahun kot yang *miss* tak kena jerebu. Di sungai, di laut nelayan sengsara, ikan pun dah tak ada. Air tercemar dan sebahagian daripada pencemaran air di laut dan juga di sungai puncanya kita juga.

Saya berkongsi- orang Sabah tak kecil hati, Datuk Bobbey. Saya ke Pulau Mantanani, Kota Belud. Cantik pulaunya. Memang begitu tetapi bila kita duduk walau kemeriahan, mesra orangnya, tersentuh yang ini. Cantik pantainya, biru airnya, tetapi setiap kali kita menyelam-jarang kita bincang di sini. Angkat kepala, timbul di laut, *pampers* memang ada di tep-tepi. Kita tak sentuh yang itu. Betapa pencemaran ini memberi kesan yang terlalu besar termasuk juga industri pelancongan.

Sebab yang kita lihat sekarang alau kita tengok sungai laut di situ lah tempat berakhirnya kumbahan. Di situlah tempat berakhirnya racun dari ladang, daripada mana-mana lokasi. Di situ tempat berakhirnya industri pertanian, ternakan yang disebut tadi babi dan lain-lain.

Semua perkara ini berlaku dikaitkan dengan industri besar, pemain korporat yang besar-besar, tetapi kita tak akan nak mempersoalkan tentang kerja korporat ini sahaja kerana

mereka ini penyumbang kepada ekonomi negara yang sangat besar. Persoalan yang saya fikir yang perlu kita bawa sama-sama bincangkan penyelesaiannya.

Saya tak mahu sentuh tadi tentang kes denda. Denda dah sahabat-sahabat sentuh tetapi saya fikir kalau kita boleh pergi kepada *option* yang lebih dekat, yang lebih khusus. Pertamanya tadi memang denda, okeylah denda. Keduanya tadi *option*. Kalau tanah nak dibersihkan ribuan ekar, apakah pilihan selain daripada dibakar? Hendak di bawah ke mana? Hutan rimba yang kita tebang.

Penyelesaian-penyelesaian ini mungkin kita kena berfikir secara lebih bijak. Ketiganya, selain daripada denda yang keras, yang tegas program yang penting ialah program mendidik, yang tadi untuk memperbaiki amalan. Keempat, pendidikan. Kelimanya adalah bagaimana proses untuk membudayakan masyarakat.

Saya fikir kos ini mungkin menelan kos untuk *educate* rakyat, untuk membudaya rakyat, tetapi kos membuat pemulihan terhadap kerosakan akibat daripada- sebenarnya dah jadi bencana kepada soal alam sekitar ini. Itu lagi besar daripada kos kita membuat pendidikan. Saya harap kementerian masuk kira usaha besar program mendidik dan membudayakan masyarakat dalam menangani isu alam sekitar.

Buat akhirnya juga, seperti kawan-kawan lain saya mengambil kesempatan ini menghulurkan tangan, memohon kemaafan andainya salah dan yang silap daripada Yang di-Pertua sampai semua kita termasuk seluruh warga Dewan Negara. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong Usul ini. Terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Senator Tuan Haji Hussin.

Selanjutnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Husain Awang.

■1320

1.20 tgh.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Terima kasih kepada Puan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbincangan mengenai pindaan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023.

Puan Yang di-Pertua, sungai yang menjadi sumber air manusia sering tercemar akibat tangan-tangan manusia yang tidak bertanggungjawab. Isu pencemaran sungai dalam negara kita kerap berlaku. Lebih 30 buah sungai tidak sihat untuk kegunaan harian manusia dan diklasifikasikan sebagai Kelas III, Kelas IV dan Kelas V yang berpunca daripada aktiviti perindustrian, penternakan, kumbahan dan sikap manusia yang membuang sampah ke dalam sungai.

Kita sedia maklum bahawa peningkatan hukuman denda mahupun penjara tidak memadai bagi menangani pencemaran sungai daripada berlaku tanpa disusuli

penguatkuasaan dan pemantauan yang efektif. Penjenayah alam sekitar akan sering melakukan pencemaran sekiranya tahap penguatkuasaan masih lemah dan berada di tahap yang sama. Oleh itu, tahap pemantauan agensi penguatkuasaan alam sekitar perlu diperkasakan termasuk integriti pegawai penguat kuasa dalam menangani pencemaran sungai secara komprehensif.

Melihat data terkini kes pencemaran sungai yang semakin meningkat, saya menggesa kerajaan untuk mempercepatkan penambahan perjawatan anggota Jabatan Alam Sekitar demi kemaslahatan rakyat. Saya juga berharap dengan pindaan akta ini, ia meningkatkan hukuman, tidak melindungi mana-mana pihak industri besar, sama ada kilang ternakan dan sebagainya yang dikatakan sebagai kebal dalam undang-undang apabila melakukan jenayah alam sekitar.

Saya ingin kepastian sejauh mana syarikat korporat dalam Malaysia mematuhi garis panduan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Jika di luar negara, mana-mana syarikat tidak patuh ESG dan melakukan pencemaran alam sekitar, akan dikenakan tindakan undang-undang dan bakal berdepan dengan kerugian dagangan serta penalti karbon yang tinggi. Adakah Malaysia melakukan tindakan sedemikian?

Selain itu, berkaitan sistem e-Aduan alam sekitar. Sejauh mana ia dinaik taraf bagi memastikan segala aduan oleh rakyat dapat diambil tindakan dengan kadar segera oleh anggota Jabatan Alam Sekitar (JAS)? Setakat ini, berapakah aduan berkaitan pencemaran yang diterima dan berjaya ditangani oleh pihak JAS?

Saya juga ingin mengetahui bagaimanakah kesiapsiagaan anggota JAS dalam melakukan rondaan pada waktu malam memandangkan pencemaran alam sekitar ini kebanyakannya, kebiasaannya dilakukan pada waktu malam. Berkaitan dengan kos yang tinggi untuk pembersihan sungai mahupun pelupusan bahan pencemaran dalam sungai. Apakah mekanisme tuntutan yang digunakan oleh kerajaan bagi melindungi hak asasi pengguna yang terjejas?

Perkara kedua yang saya inginkan sebutkan mengenai fasal 2 pindaan seksyen 2 iaitu pembakaran terbuka secara tepatnya mengenai *common practice*, dengan izin, yang diamalkan dalam sektor pertanian iaitu pembakaran jerami padi sebelum tanah dibajak. Saya telah meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri dalam Sesi Penggulangan Jawapan Menteri sidang Dewan Rakyat baru-baru ini. Yang Berhormat Menteri ada menyebut akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), di samping akan mengadakan lebih banyak libat urus dengan para pesawah untuk memberi kesedaran kepada mereka dalam isu yang boleh memudaratkan alam sekitar ini.

Saya mohon penjelasan kerajaan. Sehingga kini, sejauh mana status perbincangan yang telah dilaksanakan dengan kementerian KPKM? Adakah dapatan yang diperolehi daripada perbincangan tersebut? Kerajaan telah hampir berjaya menemukan suatu alternatif

atau teknologi baharu yang sekurang-kurangnya setara atau lebih baik untuk menggantikan proses pembakaran jerami padi?

Juga saya mohon penjelasan kerajaan. Adakah pesawah-pesawah yang terpaksa membakar jerami padi ini akan disabitkan kesalahan di bawah fasal pindaan ini? Jika ya, maka saya berpandangan ia suatu yang tidak wajar dalam situasi kerajaan sendiri belum dapat menyediakan alternatif untuk pesawah kita dan ini akhirnya kita yakin akan memberi kesan kepada keterjaminan makanan di negara ini.

Mengakhiri perbincangan saya, saya ucapkan Selamat Hari Raya... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Dato' Husain.

Seterusnya, saya mempersilakan pembahas yang terakhir, Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad.

1.26 tgh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk terlibat dalam perbincangan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023.

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah meminda akta ini untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar. Saya tengok kebanyakan akta yang dipinda ini adalah boleh dikatakan lebih daripada separuh. Setiap seksyen yang dipinda ini adalah berkisar berkenaan dengan jumlah denda dan juga tempoh pemenjaraan. Maka itu, saya berpandangan kerajaan memang melihat pencemaran alam ini satu perkara yang serius dan tahniah juga kepada Menteri yang telah berusaha untuk meminda akta ini.

Jumlah denda kalau kita tengok dalam rang undang-undang ini memang sangat banyak, tetapi persoalan dia sekarang, bagaimanakah kerajaan untuk melaksanakan akta-akta atau pindaan-pindaan ini walaupun denda yang dikenakan sehingga pemenjaraan? Akan tetapi, bagaimanakah pelaksanaan itu? Itu yang kita bimbang sebab kalau kita tengok pencemaran alam sekitar ini banyak juga berlaku disebabkan oleh- saya bagi contoh di sini, laporan EIA yang dibuat, dia tidak cakna rakyat. Kebanyakannya laporan EIA- apabila mereka mengeluarkan laporan sekiranya akan mengeluarkan pembalakan berlaku. Mereka tidak merujuk khususnya penduduk yang terlibat di situ.

Untuk makluman Puan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri, kebanyakan pembalakan ini berlaku memang yang menjadi mangsa adalah masyarakat Orang Asli. Apabila pembalakan itu berlaku, sungai-sungai yang ada di tempat tersebut sangat tercemar dan sungai menjadi cetek dan menyebabkan banjir berlaku hampir setiap tahun. Isu yang paling serius adalah ini isu kemanusiaan di mana apabila pembalakan itu berlaku dengan EIA mengeluarkan laporan yang boleh dilakukan pembalakan, tetapi Orang Asli yang terkesan

kerana mereka tidak mendapat air yang bersih. Ini kerana kebanyakannya pembalakan ini dia berlaku di kawasan Orang Asli di kawasan hutan dan mereka 100 peratus bergantung pada air bukit. Air bersih mereka air bukit ini.

Saya menerima banyak laporan. Yang terbaru di Kampung Belihoi, Negeri Sembilan di area Seremban di mana pembalakan berlaku di puncak bukit itu dan sumber air mereka tercemar dan mereka tidak mendapat menggunakan air yang bersih dan ini menyebabkan malapetaka kepada mereka daripada segi kesihatan mereka.

■1330

Jadi, saya mahu bertanya kepada kementerian, bagaimanakah mereka mengeluarkan ataupun ada tak prosedur berkenaan dengan Laporan EIA ini supaya ia lebih cakna dan juga tidak mengganggu kehidupan Orang Asli? Kalau kita tengok, pernah kes berlaku di Gua Musang, di kampung di Gua Musang, di mana ada 14 Orang Asli telah meninggal dunia. Walaupun mereka meninggal bukan disebabkan oleh pencemaran sungai tetapi sungai itu memang tercemar kerana di atas bukit ini, sumber air mereka dan mereka telah membuka lombong di sana.

Jadi persoalan dia, bagaimana kita nak kuatkuasakan syarikat-syarikat yang besar ini untuk mereka membayar denda ataupun yang kena ini hanya pekebun-pekebun kecil sahaja sekiranya pembakaran itu terbuka. Kalau kita tengok juga, penanaman semula kelapa sawit yang tua, yang telah ditebang dan ditanam semula dan ada yang dibakar. Ini menyebabkan satu daerah ini memang asap dan berjerebu. Adakah tindakan juga diambil? Adakah masih dilaksanakan pembakaran terbuka ladang-ladang sawit yang besar, yang kepunyaan agensi-agensi kerajaan ini?

Seterusnya, saya juga ingin bertanya kepada kementerian, kebanyakannya banjir lumpur ataupun banjir kilat ini berlaku- mohon Tuan Yang di-Pertua, dua minit.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Berlaku disebabkan oleh pembukaan taman-taman baharu. Ini memang berlaku, khususnya di bandar ataupun di bandar-bandar kecil yang sebelum ini tidak berlaku banjir kilat tetapi sekarang ini berlaku banjir kilat. Ini memang realiti dan berlaku di mana-mana. Disebabkan oleh apa? Pembukaan taman-taman baharu yang saluran ataupun saluran itu yang tidak mengikut mungkin piawaian yang dikeluarkan oleh EIA.

Juga saya nak tanya berkenaan dengan perumahan baharu, taman-taman baharu dan juga membuka ladang-ladang baru. Ini di Pahang, banyak ladang baru yang telah dibuka ini. Sekiranya ladang itu menyebabkan banjir kilat, banjir lumpur dan tanah runtuh, bagaimanakah untuk kita nak mendakwa? Yang runtuh itu bukan di kebun tersebut tetapi yang runtuh ataupun banjir lumpur itu berlaku di tempat yang bukan empunya pemilik.

So, kalau kita nak menuduh pemilik ini disebabkan ladang dia tetapi yang runtuh itu di tanah kerajaan. Jadi, bagaimanakah untuk kita nak mengatasi kes yang seperti ini? Begitu juga di taman-taman yang baru. Di kawasan taman itu tidak runtuh tetapi di tepi dia runtuh, bukan dalam kawasan dia.

Jadi, saya minta kementerian untuk melihat yang ini sebab saya sangat bersetuju denda yang dikenakan ini tetapi saya cadangkan juga supaya kerjasama semua pihak. Bagaimana untuk kita menangani isu alam sekitar ini untuk kesejahteraan kita bersama. Akhir sekali, saya juga seperti rakan-rakan yang lain mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakan Senator yang balik kampung itu, berhati-hati di jalan raya. Ingatlah orang yang tersayang di kampung. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023. Sekian, terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Manolan.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

1.34 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Dato' Sri Huang Tiong Sii]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih atas penglibatan semua Yang Berhormat Senator, 17 berbahas yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 peringkat Dasar.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] merupakan suatu akta yang digubal untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran, membaiki alam sekeliling dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

Pindaan pada kali ini memberi keutamaan kepada hukuman denda dan penalti melalui perwujudan denda minimum dan maksimum jika disabitkan kesalahan di bawah akta ini. Selain itu, jumlah denda sedia ada akan dinaikkan sehingga RM10 juta, khususnya bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan pencemaran air, pelepasan minyak, pelepasan buangan di perairan Malaysia serta pelupusan haram buangan terjadual.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa yang diberikan adalah singkat, saya akan memfokuskan jawapan kepada isu-isu perbahasan yang menyentuh pindaan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023, manakala pandangan serta cadangan yang tidak menyentuh secara langsung pindaan RUU ini akan saya ambil perhatian sewajarnya. Seterusnya, saya akan menjawab soalan perbahasan seperti berikut.

Soalan Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom berhubung takrifan pembakaran terbuka. Soalan ini turut ditanya oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah yang dibenarkan mengikut aktiviti dan syarat-syarat

yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling Aktiviti Yang Diisytiharkan Pembakaran Terbuka 2003. Pembakaran jerami padi, termasuk padi bukit adalah aktiviti yang diisytiharkan bukan pembakaran terbuka mengikut syarat-syarat yang dinyatakan di bawah perintah tersebut.

Seterusnya, soalan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris berhubung penguatkuasaan khusus bagi memantau, mengawal seliaan industri berat. Kerajaan sedar akan tanggungjawab yang besar setelah RUU ini diluluskan. Kementerian akan memastikan keupayaan sumber manusia dan kelengkapan logistik dipertingkatkan, terutama bagi meningkatkan keupayaan pasukan siasatan dan pasukan pengawal. Pada masa ini, JAS mempunyai kekuatan seramai 1,132 Pegawai Penguatkuasa di seluruh Malaysia dan bilangan ini sememangnya tidak mencukupi bagi menangani kes pencemaran alam sekitar yang semakin meningkat dan mencabar.

Kementerian sedang meneliti keperluan penambahan perjawatan bagi mewujudkan pejabat cawangan JAS di setiap daerah di seluruh negara. Yang Berhormat Senator juga membangkitkan tentang kaedah penguatkuasaan secara *real time* dan medium aduan-aduan maklumat yang boleh disalurkan oleh orang ramai.

Untuk makluman, JAS akan terus menjalankan kerja-kerja pengawasan kualiti alam sekitar secara berterusan melalui Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar. Program pengawasan ini menyokong kepada program penguatkuasaan di bawah Jabatan Alam Sekitar.

Antara program *real time* yang dilaksanakan adalah program- pelaporan pelepasan efluen secara dalam talian. Sebarang aduan berkaitan pencemaran alam sekitar boleh dibuat di talian bebas tol yang beroperasi 24 jam sehari atau melalui e-mel dan melalui portal e-Aduan JAS serta di semua platform media sosial JAS. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di bawah akta sedia ada, terdapat peruntukan di bawah seksyen 49(B), ganjaran kepada pemberi maklumat sekiranya dia menyalurkan maklumat sahih sehingga penjenayah berjaya disabitkan di mahkamah.

■1340

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang bertanya mengenai pencemaran yang tidak dapat dipulihkan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, setiap aktiviti yang ditetapkan, termasuklah aktiviti perlombongan, memerlukan kajian penilaian kesan alam sekeliling. Aktiviti ini akan dikawal melalui syarat-syarat EIA yang dilampirkan bersama laporan kelulusan EIA. Ketidakpatuhan terhadap cara yang ditetapkan akan menyebabkan tindakan perundangan boleh diambil.

Bagi aktiviti yang tidak ada kelulusan EIA, tindakan penguatkuasaan masih boleh dilaksanakan yang antara lain termasuklah perintah larangan atau perintah berhenti kerja.

Namun begitu, pemantauan berterusan tetap tertakluk kepada enakmen mineral negeri-negeri.

Mengenai persoalan apakah lain-lain penalti yang boleh dikenakan selain denda RM10 juta. Selain penalti RM10 juta, penjara mandatori juga boleh dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen 25, seksyen 31A, seksyen 34A, seksyen 34AA, dan seksyen 34B.

Seterusnya, bagi memastikan pakaian seragam tidak disalahgunakan, untuk makluman Yang Berhormat Senator, reka bentuk pakaian seragam telah diluluskan oleh Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri. Setiap pegawai penguat kuasa juga dibekalkan dengan kad kuasa bagi mengesahkan identiti penguat kuasa.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sedar akan tanggungjawab yang besar setelah RUU ini diluluskan. Kementerian akan memastikan keupayaan sumber manusia dan kelengkapan logistik dipertingkatkan terutama bagi meningkatkan keupayaan pasukan siasatan dan pasukan pendakwa. Pada masa ini, JAS mempunyai kekuatan seramai 1,132 orang pegawai penguat kuasa di seluruh Malaysia dan bilangan ini sememangnya tidak mencukupi bagi menangani kes pencemaran alam sekitar yang semakin meningkat dan mencabar. Kementerian sedang meneliti keperluan penambahan perjawatan bagi mewujudkan cawangan JAS di setiap daerah di seluruh negara.

Untuk soalan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator yang menyokong RUU ini. Setiap aktiviti yang ditetapkan seperti mana yang disenaraikan di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 memerlukan kajian penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA). Aktiviti ini akan dikawal melalui syarat-syarat kelulusan laporan EIA. Langkah kawalan dicadangkan adalah berdasarkan data pemodelan yang telah dianalisis oleh Juru Runding EIA. Kawalan kepada mana-mana pencemaran alam sekitar termasuklah kawalan kelodak dan lumpur adalah dipantau melalui pelan pengurusan alam sekitar (EMP) yang memberi tanggungjawab kepada pihak penggerak projek untuk mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan secara berterusan.

Untuk soalan Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris berhubung pelepasan melalui cerobong adalah bukan pembakaran terbuka. Pelepasan ini dikawal di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 yang menetapkan nilai batas dan standard teknikal melalui pemasangan alat kawalan pencemaran udara yang memastikan risiko kepada alam sekitar dapat dicegah. Pelepasan asap dan gas pencemar dari cerobong dan tanpa cerobong mempunyai kesan dan risiko pencemaran kepada alam sekitar yang sama.

Bagi menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad berhubung had hukuman baru. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, had

hukuman ini mengambil kira kos pembersihan sekiranya berlaku pencemaran dan keseriusan sesuatu kes pencemaran yang prinsipnya- orang yang membuat pencemaran membayar keseluruhan pencemaran adalah terpakai di bawah akta ini.

Seterusnya, berhubung dengan nilai kerugian yang dapat ditampung oleh denda RM1,000. Untuk makluman, denda sebenar adalah, berdasarkan kepada seksyen akta ini, antara RM5,000 ke RM10 juta. Denda RM1,000 adalah merupakan denda tambahan harian kepada kesalahan-kesalahan tersebut.

Selanjutnya, seksyen 46E Akta 127 sedia ada telah memperuntukkan kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan pihak yang disabitkan di bawah peruntukan tersebut untuk membayar kos dan perbelanjaan yang dilakukan atau pampasan kepada pihak yang mengalami kerugian atau kerosakan berdasarkan amaun yang ditentukan oleh mahkamah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, antara mekanisme kerajaan dalam memantau pembakaran terbuka dan pencemaran air adalah dengan meneruskan pelaksanaan penguatkuasaan secara bersepadu dengan agensi persekutuan dan negeri serta mempertingkatkan rondaan darat serta pemantauan menggunakan dron di kawasan yang telah dikenal pasti mudah terbakar terutama tanah gambut. Kerajaan turut mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan, Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka dan Prosedur Tetap Operasi Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut untuk mengatasi jerebu di Malaysia sejak 16 Februari 2024 lalu, untuk tindakan agensi dan kementerian yang berkaitan dalam pemantauan rondaan pencegahan dan... pemantauan pembakaran terbuka.

Selanjutnya, program advokasi yang dilaksanakan oleh kementerian dan Jabatan Alam Sekitar adalah secara bersasar melalui program promosi dan kesedaran awam kepada masyarakat mengenai kepentingan memelihara alam sekitar. Kementerian juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dengan mewujudkan *syllabus* berkaitan alam sekitar dalam kurikulum pendidikan sekolah rendah dan menengah.

Selain itu, program khusus kompetensi bagi mentauliahkan orang yang berwibawa supaya industri mempunyai kemahiran dan memahami kehendak dan keperluan Akta 127 bagi memastikan pelaksanaan Akta 127 (Pindaan 2023) yang teratur. Kementerian akan mengadakan Sesi Libat Urus bersama pihak industri secara berterusan untuk memastikan Akta 127 ini difahami dan dipatuhi setiap masa.

■1350

Seterusnya bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Juhani binti Abd Aziz berhubung adakah penurunan pengeluaran kompaun dari tahun 2020 dan 2021 disebabkan kepatuhan pihak industri. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, secara keseluruhannya terdapat pematuhan yang baik daripada semua pihak berkepentingan bagi semua peraturan-peraturan yang terlibat.

Penurunan kompaun ini tidak menunjukkan kepada penurunan kes atau siasatan yang dijalankan. Setiap tawaran kompaun perlulah mendapat izin daripada Timbalan Pendakwa raya terlebih dahulu setelah kertas siasatan dirujuk dan diputuskan. Kes-kes ini tidak ditawarkan kompaun akan dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan. Bagi tahun 2023, sejumlah 3,395 kompaun telah dikeluarkan kepada premis dan individu untuk pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Selanjutnya mengenai punca peningkatan perlanggaran lesen berdasarkan rekod JAS, punca peningkatan perlanggaran syarat lesen adalah kerana ketidakpatuhan premis untuk mematuhi had pelepasan efluen yang disyaratkan di bawah syarat-syarat lesen.

Bagi menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah mengenai keberkesanan kenaikan penalti yang dicadangkan. Penalti ini akan dapat memberi pengajaran kepada penjenayah alam sekitar secara tidak langsung. Ini akan menyebabkan mana-mana orang yang ingin melakukan jenayah pencemaran alam sekitar berfikir dua kali untuk melakukannya disebabkan tindakan tegas yang bakal dikenakan.

Selain pemantapan atau melalui peningkatan hukuman kompaun dan penjara mandatori ini, kementerian melalui JAS akan melaksanakan sesi konsultasi bersama pihak berkepentingan termasuk industri secara berterusan. Selain itu pelaksanaan program kesedaran akan terus dipertingkatkan. Berhubung dengan tahap penguatkuasaan yang dilaksanakan, program penguatkuasaan JAS di seluruh negara adalah berdasarkan program tahunan yang telah dirancang, mengambil kira bilangan industri dan pihak berkepentingan di setiap negeri dan kekangan pegawai, frekuensi pemeriksaan di lapangan adalah sama atau setiap bulan atau empat kali setahun.

Berdasarkan program yang diatur dan kes yang dilaporkan, selain daripada aspek penguatkuasaan dan pemantauan di bawah Akta 127, kementerian juga akan mengukuhkan kerjasama melalui pelaksanaan operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti pihak berkuasa tempatan (PBT) dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Seterusnya, berhubung dakwaan kes-kes yang dilaporkan telah berlarutan. Kebanyakan kes yang dilaporkan berlaku pada masa-masa tertentu dan tiada kes yang berlarutan. Bagi kes pencemaran serius, Jabatan Alam Sekitar akan membuka kertas siasatan bagi tindakan perundangan. Kes-kes ini akan dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri secara berterusan. Seterusnya untuk makluman Yang Berhormat Senator berdasarkan statistik JAS, caj semula denda tertinggi yang pernah direkodkan adalah sebanyak RM180,000 bagi kesalahan perlanggaran syarat-syarat EIA.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris berhubung kadar nisbah antara bilangan individu yang dikenakan denda minimum dan maksimum.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, akta sedia ada tidak memperuntukkan kadar denda minimum dan maksimum. Melalui RUU Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023, mana-mana pihak yang melakukan pembakaran terbuka jika disabit kesalahan di bawah seksyen 29A, pesalah termasuk pemilik tanah boleh dikenakan denda minimum RM25,000 dan denda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM500,000 juga boleh dikenakan bagi setiap kesalahan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad minta penjelasan mengenai apakah berlaku peningkatan kes dan adakah berlaku pengurangan kes bagi syarikat yang sama?

Untuk makluman, statistik menunjuk kes yang disabitkan di mahkamah pada tahun 2019 yang berjumlah 289 kes telah meningkat kepada 409 kes pada tahun 2023 melibatkan semua kesalahan ini di bawah Akta 127. Terdapat beberapa kes melibatkan syarikat yang sama telah dituduh di mahkamah.

Di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, sekiranya seseorang melakukan kesalahan berulang JAS boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) mengeluarkan perintah larangan; dan
- (ii) menggantung atau membatalkan lesen premis bagi premis yang dilesenkan.

Bagi pesalah berulang yang pernah disabitkan kesalahan di mahkamah selain denda mahkamah juga boleh menjatuhkan hukuman penjara atau kedua-dua sekali kepada pesalah berulang. Dalam usaha untuk mendidik penduduk luar bandar tentang larangan pembakaran terbuka, kerajaan akan terus mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran dan penyertaan komuniti khususnya melalui media tempatan atau sosial bagi mengingatkan orang ramai di bandar dan luar bandar untuk tidak melakukan pembakaran terbuka.

Bagi soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa, aktiviti keagamaan merupakan salah satu aktiviti yang dibenarkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling, aktiviti yang diisytiharkan pembakaran terbuka 2003. Seterusnya berhubung strategi dan langkah-langkah agar semua premis yang diberi kebenaran bertulis pelepasan asap kebakaran mematuhi standard.

Untuk makluman, tiada kebenaran bertulis pelepasan asap yang diberi kepada mana-mana premis pelepasan dari serombong industri adalah tertakluk kepada nilai batas dan standard teknikal di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Sehingga kini JAS mempunyai sebanyak 68 buah stadium pengawasan kualiti udara yang menghasilkan tata kualiti udara secara automatik di seluruh negara.

Bagi kes pembakaran terbuka ia boleh dilaporkan kepada JAS melalui sistem e-Aduan secara bertulis, panggilan telefon atau melalui talian *hotline* JAS atau datang ke pejabat-pejabat negeri berkenaan.

■1400

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, di bawah Perintah-perintah Kualiti Alam Sekeliling Perwakilan Kuasa Pembakaran Terbuka 2002 telah ada perwakilan kuasa kepada PDRM. Bagi pertanyaan berhubung statistik, dimaklumkan bahawa terdapat sebanyak 103 kes pelupusan haram pembuangan berjadual sepanjang 2013 sehingga 2023. Dengan 18 kes pelupusan haram buangan berjadual dilaporkan pada tahun 2023, melibatkan kuantiti buangan dianggarkan sebanyak 3,247.7 metrik tan di seluruh negara dan dalam tindakan penyediaan kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan oleh JAS.

Seterusnya untuk makluman, Jabatan Alam Sekitar telah melesenkan sebanyak 114 buah premis yang boleh *e-waste* di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, terdapat 13 buah fasiliti kemudahan pemerolehan kembali luar sampah sepenuhnya. Selain itu, sebanyak 101 buah premis telah dilesenkan untuk menjalankan aktiviti pemerolehan separa iaitu menjalankan aktiviti pengasingan dengan sebelum dihantar ke premis pemerolehan kembali untuk proses seterusnya.

Semua kenderaan yang mengangkut buangan berjadual dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan semua kenderaan dilengkapi dengan sistem GPS bagi memantau pergerakan lori yang mengangkut buangan berjadual.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, disebabkan masa yang tidak mencukupi bagi soalan, saya tidak sempat jawab, saya memberi jaminan bahawa pertanyaan tersebut akan dijawab secara bertulis. Secara keseluruhannya, Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 ini melibatkan elemen kompaun, penalti peruntukan tentang minimum dan maksimum supaya tindakan yang lebih tegas dan hukuman yang lebih tinggi dapat diambil ke atas pelaku serta pesalah yang menyebabkan pencemaran alam sekitar supaya menjadi pengajaran, agar pencemaran seumpamanya tidak berulang lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, kelulusan bagi rang undang-undang ini amatlah penting dan memerlukan sokongan semua pihak. Sokongan untuk meluluskan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 amatlah penting bagi memantapkan tadbir urus alam sekitar dan penguatkuasaan bagi mencegah pencemaran seiring dengan pembangunan negara yang lestari dan mampan.

Bagi mengakhiri sesi penggulungan ini, sukacita sekali lagi saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas pandangan dan cadangan yang dikongsi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan ini. Saya juga berharap, daripada penjelasan tersebut dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Negara kecuali beberapa- ahli yang belum diberi jawapan dan Yang Berhormat Menteri telah memberi komitmen untuk memberi jawapan yang bertulis.

Ahli-ahli Yang terhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 30** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib] dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JURUUKUR TANAH BERLESEN (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2.08 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Dato' Sri Huang Tiong Sii]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati, izinkan saya untuk membentangkan Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 ini. Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958, Akta 458 telah dikuatkuasakan sejak 1 Mei 1958 bagi melesenkan dan mengawal selia Juruukur Tanah Berlesen atau JTB serta perkara yang berkaitan dengannya. Namun begitu, akta ini tidak pernah dipinda walaupun teknologi dalam bidang ukur geometri telah berkembang dengan pesat dan banyak istilah baharu diguna pakai secara universal.

Oleh itu, rang undang-undang ini akan menambah baik dan memperkasa akta sedia ada supaya selari dengan peredaran masa dan kemajuan negara.

Geometri berasal daripada gabungan perkataan “geo” dan “metri”, yang bermaksud “permukaan bumi dan pengukuran”. Ia adalah satu istilah moden yang telah diguna pakai di peringkat antarabangsa selari dengan perkembangan terkini serta kemajuan teknologi dalam bidang ukur dan pemetaan.

■1410

Juruukur Kerajaan dan JTB adalah kumpulan profesional yang pakar dan memiliki kelulusan dalam bidang ukur hak milik tanah dan ukur geomatik. Lembaga Juruukur Tanah (LJT) pula adalah sebuah badan profesional yang ditubuhkan di bawah seksyen 3, Akta 458 bagi mengawal selia JTB di Semenanjung Malaysia dan Labuan serta memastikan kerja ukur hak milik yang dijalankan adalah teratur dan mematuhi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati, pindaan ke atas Akta 458 meliputi empat skop utama iaitu:

- (i) pengukuhan adalah melalui peruntukan baharu selaras dengan keperluan semasa serta perkembangan profesion JTB;
- (ii) perluasan skop kerja JTB dan kuasa Lembaga Juruukur Tanah dalam bidang ukur geomatik selain daripada ukur hak milik;
- (iii) penambahan kadar denda bagi salah laku profesional JTB dan kesalahan jenayah mana-mana individu bukan JTB; dan
- (iv) pemansuhan istilah-istilah lama, penambahan definisi dan tafsiran baharu serta pindaan-pindaan kecil yang signifikan.

RUU ini mengandungi 15 fasal yang melibatkan pewujudan dua seksyen baharu pindaan ke atas sembilan seksyen sedia ada dan satu jadual penggantian ke atas satu seksyen serta satu peruntukan peralihan.

Fasal 2 memasukkan seksyen baharu iaitu seksyen 1A mengenai pemakaian akta ini bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Pada masa ini, pemakaian Akta 458 di Labuan adalah melalui perintah Wilayah Persekutuan Labuan, pemerluasan dan ubah suaian Akta Juruukur

Tanah Berlesen 2009. Dengan kemasukan seksyen 1A, perintah tersebut akan dibatalkan serentak dengan tarikh kuat kuasa RUU ini.

Bagi meningkatkan profesionalisme dan pembangunan kerjaya JTB, fasal 6 mengiktiraf singkatan LSR yang membawa maksud *Land Surveyor* bagi seseorang Juruukur Tanah Berdaftar. Penggunaan singkatan LSR akan dikawal selia oleh LJT dan peranan JTB diiktiraf sebagaimana kumpulan profesional lain seperti Jurutera (Ir), Perancang Bandar (TPR), Juruukur Bahan (Sr) dan Arkitek (Ar).

Di bawah skop kedua, fasal 7 memperuntukkan kuasa bagi seseorang JTB berkenaan ukur geomatik. Ini membolehkan JTB melaksanakan kerja ukur geomatik yang berasaskan kepada teknik pengukuran tetap mengikut asas rujukan pengukuran yang diiktiraf oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Ini akan memastikan standard dan kualiti kerja JTB di negara ini adalah pada tahap yang terbaik.

Fasal 8 bertujuan menyusun semula seksyen 14 serta menggantikan perkataan dan istilah antaranya perkataan "*Government Survey Department*" digantikan dengan "*Survey and Mapping Department Malaysia*", serta perkataan, "*field books, calculation sheets and survey data*" digantikan dengan terma yang generik dan sesuai dengan era digital ialah "*survey records and data*." Subseksyen baharu 14(2) turut ditambah berkenaan penyimpanan pelan ukur geomatik di JUPEM apabila kerja ukur geomatik ini selesai.

Fasal 9, menyelaraskan keperluan kelulusan pelan ukur di bawah Kanun Tanah Negara yang memperuntukkan pelan ukur hanya boleh ditandatangani oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan atau Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan.

Fasal 10 pula menetapkan bahawa JTB perlu mengambil tindakan pembetulan sekiranya terdapat kesilapan dalam kerja ukur geomatik yang telah dibuat. Di bawah fasal ini, sekiranya JTB enggan atau lalai untuk membuat pembetulan dalam tempoh masa yang ditetapkan ia merupakan satu kesalahan tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati, fasal 11 meminda kadar denda yang boleh dikenakan oleh LJT ke atas JTB bagi salah laku profesional daripada tidak melebihi RM500 kepada tidak melebihi RM100,000. Ini kerana kadar sedia ada iaitu RM500 yang tidak pernah disemak sejak tahun 1958 adalah terlalu rendah untuk mencegah JTB daripada melakukan kesalahan profesional semasa melaksanakan kerja ukur hak milik atau ukur geomatik.

Fasal 12 adalah bagi meminda seksyen 19 untuk memperincikan kesalahan sedia ada dan memasukkan kesalahan baharu oleh mana-mana individu bukan JTB di mana mahkamah boleh mengenakan hukuman denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun ataupun kedua-duanya sekali. Antara kesalahan tersebut adalah memperdaya dengan menggunakan nama atau gelaran sebagai JTB atau Juruukur Kerajaan, melaksanakan kerja

ukur secara tidak sah atau tanpa lesen serta menggunakan apa-apa pelan atau dokumen berkaitan ukur hak milik atau ukur geomatik tanpa kebenaran.

Seterusnya, fasal 13 berkaitan satu seksyen baharu iaitu seksyen 19A untuk membolehkan apa-apa rekod, data ukur atau dokumen yang dikehendaki di bawah akta ini dikemukakan secara elektronik. Pindaan ini adalah selari dengan kemajuan teknologi digital serta dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Fasal 14, mengemas kini perakuan oleh JTB untuk menjalankan kerja ukur hak milik dan ukur geomatik dengan betul mematuhi peraturan dan arahan LJT.

Akhir sekali iaitu fasal 15, peruntukan peralihan iaitu dalam tempoh enam bulan daripada tarikh kuat kuasa akta ini, mana-mana orang selain daripada JTB atau juruukur kerajaan yang sedang menjalankan kerja apa-apa ukur geomatik hendaklah mendaftar dengan LJT dan memohon lesen sebagai JTB. Dalam tempoh 66 tahun sejak akta ini dikuatkuasakan, bidang ukur geomatik telah mengalami perkembangan yang pesat dan banyak istilah baharu telah diguna pakai secara meluas. Di bawah skop keempat pindaan ini, Akta 458 telah diteliti semula dan istilah serta definisi lama dimansuhkan atau digantikan dengan yang baharu.

Selaras dengan gelaran jawatan di JUPEM pada masa ini, beberapa pindaan turut dibuat ke atas seksyen 2 bagi menyelaraskan pemakaian gelaran jawatan serta meminda takrifan yang berkaitan.

■1420

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, kesimpulannya RUU Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 secara jelas akan memperluaskan skop kerja JTB dalam menjalankan kerja ukur geomatik yang selama ini dilaksanakan tanpa kawalan perundangan selain daripada bidang yang berkaitan tanah ukur hak milik. Selain itu, ia juga dapat memperkasakan peranan LJT dalam mengawal selia aktiviti pengukuran oleh JTB.

Pindaan akta ini juga akan memberikan impak positif melalui peningkatan profesionalisme dan kemajuan kerjaya JTB, meningkatkan perlindungan ke atas hak dan kepentingan penggunaan perkhidmatan JTB serta dapat memastikan perundangan berkaitan bidang ukur geomatik di negara ini adalah selari dengan peredaran masa serta kemajuan teknologi di peringkat global. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Baiklah. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai enam orang ahli yang hendak berbahas. Maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan 5 minit seorang.

Dipersilakan pembahas yang pertama, Yang Berhormat Senator Pele Peter Tinggom.

2.22 ptg.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Puan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk kali kedua pada hari ini membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh kementerian yang sama dan Timbalan Menteri yang sama.

Ucapan tahniah kepada kementerian dan Timbalan Menteri yang bertanggungjawab kerana telah membentangkan rang undang-undang (pindaan) sebagai satu penambahbaikan kepada akta yang sedia ada. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kerana perkembangan yang pesat di dalam arena pengukuran ini dan sudah lama belum dipinda akta ini. Dengan itu, adalah tepat untuk akta ini dipinda untuk mengharungi transformasi atau peredaran daripada segi teknologi di dalam bidang pengukuran juruukur.

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, pindaan ini melibatkan 15 fasal. Saya ingin terus merujuk kepada fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 458. Sebahagian besarnya untuk memperuntukkan bagi kuasa seseorang Juruukur Tanah Berlesen berkenaan dengan ukur geomatik. Sebelum pindaan ini dibuat, fasal 7 seksyen 13 berkenaan dengan perkara ini, Juruukur Tanah Berlesen tidak membuat kerja ukur geomatik.

Seperti yang kita sedia maklum, sistem tanah negara pada dasarnya mengikut dengan izin, *Australian Torrens System* tetapi di Australia, mengikut maklumat yang ada, kerajaan Australia tidak memperuntukkan dengan izin, *non-tittle geomatic surveyor being licensed by Australian government*.

Oleh yang demikian, saya memohon kementerian untuk mencari penyelesaian dan juga membantu *geospatial* di Malaysia yang buat kerja ukur geomatik ini yang dianggarkan berjumlah 800 ahli- yang membuat kerja geomatik yang akan kehilangan pekerjaan dengan izin, *the rice bowl taken away* dengan pindaan ini. Saya mohon pihak kementerian untuk mencari penyelesaian macam mana untuk mengatasi masalah ini.

Dengan masa yang ada satu minit setengah, saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Yang Berhormat Speaker, Timbalan Speaker, Yang Berhormat Senator, semua warga Parlimen, Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat dan semua rakyat Malaysia yang beragama Islam yang merayakan Hari Raya Aidilfitri.

Saya juga mengambil peluang mengucapkan Hari Raya Aidilfitri kepada keluarga saya yang ramai di Jeli, Kelantan dan Jengka, Pahang.

Untuk makluman, bapa saudara kepada mendiang bapa saya telah pergi ke Jeli, Kelantan untuk bekerja mencari damar dan kerja-kerja penghasilan hutan. Berkenaan dengan alam sekitar juga ini, hasil hutan. Sebelum Penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Sebelum Penubuhan Malaysia. Beliau telah berkahwin dengan orang Kelantan, memeluk agama Islam dan bermastautin di Jeli, Kelantan. Perpaduan antara kaum yang berbilang bangsa dan agama telah wujud sebelum 1963 di Malaysia ini... [*Tepuk*] Sudah sekian lama telah wujud dan semoga perpaduan ini diteruskan oleh generasi yang akan datang.

Saya akhiri dengan menyokong RUU yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Sekian, terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Pele Peter Tinggom. Nanti pergi Jeli lah untuk merayakan Hari Raya bersama-sama ahli keluarga di sana. Saya percaya ini Yang Berhormat Senator Wan Martina ini ada di sana.

Okey, seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Datuk Dr. Ahmad Azam Hamzah.

2.27 ptg.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Puan Yang di-Pertua, bidang Juruukur merupakan bidang penting yang wajar disertai oleh generasi muda pada hari ini. Pelajar-pelajar sekolah di peringkat menengah seharusnya menerima pendedahan awal berkenaan potensi kerjaya dalam bidang ini khususnya profesion Juruukur geomatik atau pakar yang mengendalikan *geomatic survey* seperti yang ditakrifkan dalam peruntukkan baharu seksyen 2.

Berdasarkan peruntukkan baharu tersebut, saya ingin membangkitkan beberapa persoalan kepada Yang Berhormat Menteri:

- (i) berapakah jumlah profesional dalam bidang geomatik negara ini setakat Disember 2023?
- (ii) berapakah jumlah universiti awam yang menawarkan bidang pengajian berkaitan geomatik dan sejauh manakah kursus-kursus berkaitan geomatik ini diketengahkan di peringkat prauniversiti?
- (iii) apakah bentuk pembaharuan yang sedang dilaksanakan secara berfokus terhadap metodologi penyampaian latihan industri bagi bakal graduan dalam bidang-bidang pengajian geomatik?

Ketiga-tiga persoalan ini berkait rapat dengan potensi besar yang boleh dicapai menerusi kemahiran geomatik yang ditauliahkan kepada seseorang profesional. Sejajar dengan pindaan Akta 458 ini, kementerian seharusnya membangunkan satu pelan dorongan industri yang boleh mendorong pelajar-pelajar cemerlang akademik untuk meneroka bidang

geomatik sebagai kursus pilihan pengajian di peringkat universiti dan seterusnya sebagai profesion.

Kemahiran geomatik pada hari ini bukan hanya semata-mata diperlukan dalam kerja-kerja pemetaan tanah atau pengukuran sempadan. Bahkan ia juga penting untuk menjayakan usaha kerajaan bagi memelihara hutan hijau daripada sebarang kegiatan pembalakan haram. Kemahiran itu juga tentu didorong dengan keupayaan teknologi yang dipanggil *Light Detection and Ranging* ataupun LiDAR yang mengolah data pemetaan menerusi kaedah penderiaan atau pengesanan cahaya dan jarak.

Teknologi yang mengupayakan pengolahan fotogrametri dan imej satelit tersebut juga membolehkan penetapan zon bagi habitat kehidupan liar dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor kritikal seperti perubahan iklim, pencerobohan manusia dan pencemaran. Selain itu, teknologi tersebut boleh diguna pakai untuk menentukan pemetaan bagi mana-mana kawasan yang berisiko tinggi untuk mengalami bencana alam seperti tanah runtuh.

■1430

Pengadaptasian teknologi geomatik terkini perlu diketengahkan di peringkat universiti sebagai cabang atau fokus penyelidikan. Setiap tenaga pengajar atau pensyarah yang terlibat dalam pengajaran kursus-kursus pengajian berkaitan geomatik perlu mendalami teknologi-teknologi penting seperti LiDAR dan Sistem Maklumat Geografi atau GIS yang berupaya meningkatkan kecekapan dalam satu-satu kerja pemetaan.

Persoalannya, apakah usaha atau mekanisme yang sedang dilaksanakan secara bersepadu dengan Kementerian Pendidikan Tinggi dalam meningkatkan capaian universiti tempatan serta pemain-pemain industri kepada teknologi-teknologi geomatik yang diiktiraf di peringkat global?

Puan Yang di-Pertua, pentauliah atau pelesenan Juruukur Tanah perlu dipantau dengan serius oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar. Pemalsuan pentauliah Juruukur boleh menjejaskan kemajuan satu-satu projek pembangunan yang telah dirancang dan kesalahan itu juga boleh mendatangkan implikasi negatif kepada aspek keselamatan projek-projek yang melibatkan *underground utility detection*.

Oleh sebab itu, pindaan kepada seksyen 19 yang menggariskan kesalahan-kesalahan yang antaranya berkenaan ketiadaan tauliah atau pelesenan juruukur merupakan peruntukan baharu yang penting untuk melindungi kebertanggungjawaban profesion Juruukur Tanah di negara ini. Peruntukan ini secara dasarnya dapat melindungi mana-mana pihak daripada dimanipulasikan atau diperlekeh oleh syarikat atau individu yang menjalankan kerja mengukur tanah secara berbayar.

Selain itu, pengendalian ukur tanah yang dikendalikan oleh juruukur tanah yang bertauliah atau berlesen membolehkan maklumat utiliti bawah tanah direkodkan dengan lengkap, tepat dan bersistem. Penyimpan rekod utiliti bawah tanah yang sistematik dan

bertanggungjawab boleh mengurangkan kos di luar jangka yang tinggi kesan daripada lanjutan kerja bagi mengumpul semula data utiliti bawah tanah yang merumitkan.

Untuk pengetahuan semua, projek MRT yang dikendalikan oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. telah menanggung kerugian beban kos tambahan sebanyak RM22 juta bagi membiayai kerja-kerja pembaikan semula 97 struktur utiliti bawah tanah yang tidak berfungsi akibat pengolahan data utiliti bawah tanah yang tidak tepat. Kepincangan tersebut merupakan punca kepada kelewatan penyiapan projek MRT yang telah merencatkan perancangan asal pembangunan kerajaan di kawasan sekitar. Puan Yang di-Pertua boleh tambah sedikit lagi?

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Boleh.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Ada dua lagi persoalan yang saya ingin kemukakan iaitu Akta Ibu hanya memperuntukkan lesen untuk membuat kerja ukur hak milik tetapi pindaan ini memperluaskan kepada ukuran geomatik. Bukan semua juruukur yang ada lesen ukuran hak milik itu pakar dalam ukuran geomatik.

Adakah akan dikeluarkan dua- lesen iaitu satu untuk ukuran hak milik dan satu lagi untuk ukuran geomatik? Sekiranya tidak, adakah Juruukur hak milik tanah akan dilesenkan juga dalam bidang geomatik yang beliau tiada kepakaran?

Soalan yang seterusnya kebanyakan negara ada sistem pelesenan untuk ukuran hak kerana hak milik dijamin oleh kerajaan tetapi untuk ukuran geomatik jarang ada lesen dikeluarkan secara perundangan kebangsaan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkongsi negara mana yang ada perundangan kebangsaan untuk lesen geomatik dan mungkin menjadi contoh bagi Malaysia? Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam.

Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

2.34 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan mana-mana rang undang-undang yang melihat perkara yang telah lama tidak dipinda sejak awal tahun 1958 sampai sekarang 66 tahun. Kerana bidang itu telah berkembang ya bukan hanya kerana kita hendak tambah denda daripada RM500 kepada RM100,000 ya. Itu pun satu hal lah kerana tugas berbeda ya.

Dalam masa yang sama, bidang ukur tanah ini bidang ukurlah, *surveyor* ini sudah terbuka luas termasuk *geomatics*, dulu kita kira ukur tanah sahaja. Sekarang ini kita sudah ada macam-macam ukur ya. *Geodetic survey, photogrammetry, cartography, geospatial database* dan sebagainya, *remote sensing* ya yang kita biasa dengar.

Jadi, kepakaran itu bukan ada kepada juruukur tanah sahaja. Oleh sebab, kemajuan 66 tahun ini banyak institusi pengajian tinggi menawarkan kursus-kursus *surveyor* yang berbeda. Oleh sebab ruang kerja itu banyak, ramai yang ambil kursus-kursus ini untuk menjadi profesional yang khusus.

Jadi, mereka selama ini telah mendapat pekerjaan-pekerjaan termasuk *geomatics survey* ya. Walau kalangan mereka bukan *land surveyor* jadi mereka tidak boleh sukut tanah hak milik ini. Tiba-tiba, didefinisikan bahawa hanya *land surveyor* sini boleh melakukan *geomatics survey* ya. Macam mana yang ada tadi disebut 800 atau 900 orang ya, semuanya sekarang ini mereka duduk di bawah suatu *body* yang khusus ya macam satu- persatuan, *Institution of Geospatial and Remote Sensing Malaysia* ya.

Bagaimanakah mereka hendak bekerja? Apakah peluang mereka? Jadi kalau ada dua undang-undang yang berbeda membenarkan mereka buat kerja okey. Jadi, dalam kita – saya bersetuju kita hendak menambah ruang untuk profesional kita, meningkatkan keupayaan mereka, nama mereka, sudah ada gelaran ya, macam disebutkan dalam rang undang-undang ini tetapi dalam masa yang sama, ada orang hilang pekerjaan. Kita buat undang-undang ini untuk membantu rakyat kita untuk memulihkan atau menambah lagi, bukannya menambah bagi satu kumpulan, menghadkan kepada satu kumpulan, menghadkan kepada satu kumpulan. Jadi, apakah langkah kerajaan?

Tadi dikatakan mereka yang bukan *land surveyor* ini yang membuat *surveyor* ini boleh mendaftar dalam masa enam bulan selepas undang-undang ini tidak dikuatkuasakan untuk mendapat lesen. Manakah boleh? Mereka bukan *land surveyor* kerana syarat untuk menjadi mereka yang berdaftar ini cukup ketat dengan pengalaman, kerana mereka tidak ada pengalaman *land surveyor* macam mana kita hendak masuk di kelompok yang sama dengan *land surveyor*?

Jadi ini sudah menganiaya periuk nasi sebahagian daripada profesional kita dan bila dilihat bahawa peluang untuk berkembang dalam bidang ini sudah tidak ada maka kursus-kursus *surveys* yang berkaitan dengan *geomatics* ini tentulah tidak menarik lagi. Jadi, saya meminta Menteri, saya minta kerajaan untuk menimbang sungguh-sungguh untuk tidak menghalang dan tidak memberikan satu definisi yang begitu *rigid* bahawa “*Nothing in the act shall affect the right of any person not being a licensed land surveyor to undertake surveys other than that title surveys and geomatic survey*”.

Ia sudah limit-kan kepada kumpulan tertentu, yang lain akan susah dan seandainya kerajaan bersedia misalnya dalam tempoh enam bulan selepas pelaksanaan ini, semua yang memohon untuk mendapat lesen, untuk dibenarkan, dipanggil juga sebagai *surveyor* ini diberikan kelulusan secara automatik. Jangan dikenakan syarat kena kursus lagi, kena masuk, kena cari diploma pula ya kerana mereka ini sudah bekerja. Mana boleh hendak bekerja kemudian berhenti untuk sambung belajar lagi, manakah nak cari makan?

Jadi saya rasa untuk demi keadilan, pertimbangkanlah sungguh-sungguh supaya tidak ada sebarang bentuk penganiayaan kepada satu jumlah profesional kita yang sudah begitu *establish* di dalam bidang *survey* ini. Kerana kita masih ingat *remote sensing* punya pakar kiranya, dia bukan *land surveyor*, telah mendapat kedudukan yang baik dalam- semasa kita untuk meneroka tempat-tempat yang ada petroleum di dalam laut kita. Mereka peranan yang besar ya dan juga mencari apa-apa benda di dasar laut.

Jadi, kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan dilihat semula rang undang-undang ini ya dan kalau seumpamanya kita tidak dapat berundur daripada apa yang telah dicadangkan, pertimbangkan supaya mereka di dalam tempoh permulaan enam bulan ini diberikan pengiktirafan dan juga lesen secara automatik ataupun dipermudahkan urusannya dan tidak dipersusahkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1440

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih.

Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit.

2.40 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958. Seperti yang kita tahu, akta ini sudah wujud sejak tahun 1958 dan dikatakan dalam bahasa Inggeris sahaja. Jadi, justeru itu adakah kerajaan bercadang untuk terjemahkan undang-undang ini ke dalam Bahasa Malaysia kerana kita di dalam negara ini menggunakan Bahasa Malaysia dan bilakah perkara itu akan dilaksanakan?

Keduanya, undang-undang ini akan lebih kepada memberi lesen ataupun lebih kepada menguatkuasakan undang-undang di mana pihak yang tidak mempunyai lesen akan dihukum. Jadi, ini sesuatu yang bagi saya- kerana untuk mendapatkan lesen memang memerlukan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat juruukur tertentu yang diberikan sijil ataupun lesen dan ini juga akan menyebabkan mereka tertakluk kepada syarat-syarat dan juga sudah tentu kepada polisi-polisi yang ada oleh kerajaan yang sedia ada.

Jadi justeru itu, saya ingin membincangkan perkara ini dalam perspektif di mana untuk mengukur tanah ini perlu memohon kepada kerajaan ataupun memohon kepada pihak yang dibenarkan oleh kerajaan yang mempunyai lesen dan saya bimbang, saya bimbang dengan adanya undang-undang ini, rang undang-undang ini diluluskan, ia takut kepada salah guna.

Di mana maksud saya adalah ada segelintir ataupun ada rakyat di negara ini ataupun di Semenanjung ini terutamanya Orang Asli, mereka mempunyai tanah hak adat bumiputera, tanah adatlah. Jadi mereka biasanya mengetahui kawasan-kawasan mereka menurut *natural feature*, dengan izin, yang ada di persekitaran kampung penempatan mereka, baik sungai,

baik mungkin pokok yang sudah berumur ratusan tahun, baik itu buluh dan sebagainya, sebagai tanda mereka mengetahui kawasan-kawasan mereka.

Walau bagaimanapun, mereka tidak didedahkan ataupun tidak diukur tanah mereka, ini yang akan membimbangkan. Jadi, saya bimbang sekiranya perkara ini diamalkan secara ketat maka saya risau dengan perjalanan masa kawasan Orang Asli ini semakin masa berjalan, semakin kawasan mereka semakin sempit. Inilah yang kita risau dan saya berharap dengan adanya undang-undang ini, kerajaan pun mesti ambil satu inisiatif untuk membantu mereka. Bukannya menghukum mereka dan juga mengugut pihak yang mahu membantu mereka supaya tanah mereka disukat, supaya tidak akan semakin lama semakin kecil pada masa yang akan datang.

Jadi, apa jaminan kerajaan supaya undang-undang ini tidak digunakan untuk menekan pihak yang mungkin tidak dibenarkan untuk mengukur tanah adat mereka sendiri dan di mana sekarang ini kita selalu mendengar tentang *Global Positioning System*, satu- peranti yang mudah digunakan dan agak tepat juga kalau kita menggunakan ini. Sebab saya sebagai seorang yang selalu membela hak tanah adat di Sarawak memang kita gunakan *community mapping* untuk membela tanah hak adat bumiputera di Sarawak.

Jadi justeru itu, walaupun ia tidak dilesenkan seperti dalam *Land Surveyors Ordinance 2021* di Sarawak tetapi mahkamah masih menerima *community mapping* yang digunakan untuk membantu dan membela mereka yang ada tanah adat.

Jadi justeru itu, saya dalam perspektif ini saya memohon supaya kerajaan tidak akan menekan pihak yang mempunyai tanah adat yang ada pada masa ini. Dengan ini, saya menyokong pindaan ini dengan harapan digunakan dengan sebaik-baiknya untuk kemudahan dan kemakmuran rakyat. Terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Abun.

Selanjutnya pembahas yang terakhir bagi RUU Juruukur Tanah Berlesen, saya jemput Yang Berhormat Tuan Mohd Hasbie Muda.

2.45 ptg.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Puan Yang di-Pertua atas peluang untuk turut sama membahaskan pindaan Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 ini.

Pertamanya, saya ingin merakamkan tahniahlah kepada atas kementerian atas usaha untuk meminda akta yang agak lama dan sebagaimana yang kita tahu kita ada hampir 200 akta yang lapuk dan pindaan ini sekurang-kurangnya mengurangkan jumlah akta kita yang lapuklah.

Pertamanya, berkait dengan fasal 11 tentang kerajaan akan menaikkan denda daripada RM500 ke RM100,000 dan jumlah ini bagi kita memang munasabahlah dan cuma

soalan saya pada Menteri ialah apa contoh ataupun kesalahan yang paling kerap yang berlaku dalam tempoh mungkin dua tahun ini dan berapa banyak lesen JTB yang dibatalkan dalam tempoh terdekat ini?

Kemudian yang keduanya, soalan saya daripada 469 Juruukur Tanah Berlesen, daripada jumlah itu, berapa banyakkah belia ataupun mereka yang di bawah umur 40 tahun? Kerana saya difahamkan majoriti di kalangan mereka yang berlesen ini ialah Juruukur-juruukur yang agak veteran dan kita bimbang sekiranya tidak ada pelapis ataupun usaha yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan kerjaya ini diceburi oleh para belia kita, kita bimbang ia tidak mampan dari sudut jumlah juruukur yang akan ada untuk generasi yang akan datang.

Kemudian yang seterusnya saya juga ingin menyentuh, sebab saya ingat kita-akta ini sudah tentulah memberikan impak kepada Juruukur, tetapi kita bagi rakyat marhaen ataupun orang awam ini kita lebih terjejas pada Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen yang terakhir dipinda pada tahun 2019. Cuma saya nak bertanya ialah peraturan ini yang sudah tentu menentukan *fee* Juruukur yang kita kena dan kita pun terasa perubahan itu.

Kalau bagi mereka yang mungkin terlibat dalam ukur tanah dan sebagainya, yang memerlukan khidmat juruukur tanah ini memang terasa selepas pindaan 2019 itu perbezaan itu agak ketara. Cuma soalan saya ialah pindaan untuk Peraturan-peraturan Juruukur Tanah ini adakah hanya melalui Kabinet ataupun macam mana proses dia? Sebab ya lah dia tidak akan melalui Parlimen sudah tentu kita tak boleh memberikan pandangan sedangkan ini lebih memberikan impak kepada rakyat. Jadi saya ingat itu saja. Terima kasih Puan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

2.48 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Dato' Sri Huang Tiong Sii]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih atas penglibatan semua Yang Berhormat Senator, enam orang pembahas yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 peringkat dasar.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 atau Akta 458 telah dikuatkuasakan sejak 1 Mei 1958 bagi melesenkan dan mengawal selia Juruukur Tanah Berlesen (JTB) serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Namun begitu, sejak dikuatkuasakan akta ini tidak pernah dipinda walaupun bidang ukur geometri telah mengalami perkembangan teknologi yang pesat dan banyak istilah baharu berkaitan pindaan ini telah diperkenalkan serta digunakan pakai secara universal.

Sehubungan itu, Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 bertujuan untuk menambah baik dan memperkasakan akta sedia ada agar selari dengan peredaran masa dan kemajuan negara.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa yang diberikan adalah singkat, saya akan memfokuskan jawapan kepada isu-isu perbahasan yang menyentuh pindaan Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024. Kementerian ini mengambil maklum akan saranan Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom agar kerajaan membantu *geospatialist* yang dikhuatiri kehilangan pekerjaan berikutan pindaan akta ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebelum ini Juruukur Tanah Berlesen telah pun menjalankan kerja-kerja Ukur Hakmilik dan Ukur Geomatik. Cuma Ukur Geomatik tidak dikawal selia oleh mana-mana perundangan. Dengan pindaan akta ini Ukur Geomatik akan dapat dikawal selia demi kepentingan pelanggan dan pembangunan negara. Mengenai Jurugeopastial, mereka akan didaftarkan untuk melaksanakan skop-skop tertentu dalam Ukur Geomatik di bawah Lembaga Juruukur Tanah.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah berhubung jumlah Juruukur Tanah Berlesen (JTB) setakat ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini terdapat seramai 481 orang JTB yang berlesen dengan Lembaga Juruukur Tanah. Berkenaan universiti awam yang menawarkan kursus dalam bidang geomatik, terdapat dua buah universiti awam utama yang menawarkan ijazah dalam bidang Ukur Geomatik iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Manakala dua buah universiti swasta adalah Universiti Geomatika Malaysia dan *Infrastructure University of Kuala Lumpur* (IUKL).

Lembaga Juruukur Tanah dan JUPEM sentiasa mengadakan kerjasama dengan universiti-universiti tempatan melalui pengiktirafan kursus-kursus yang dilaksanakan di universiti. Akreditasi bagi kursus-kursus universiti dibuat setiap lima tahun sekali selaras dengan ketetapan MQA. Skop bidang Ukur Geomatik telah dimasukkan dalam silibus pengkajian ukur geomatik di universiti.

Pindaan akta ini juga secara tidak langsung telah memperluaskan kerjaya pelajar-pelajar dalam bidang geomatik untuk meneruskan kerjaya sebagai Juruukur Tanah Berlesen dalam skop kerja Ukur Geomatik. Kementerian juga sentiasa mengadakan sesi libat urus dengan pemain industri dan IPT bagi mencapai teknologi geomatik yang diiktiraf di peringkat global.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pentauliahan juruukur sebagai JTB dibuat berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 9 dan 10 atau mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta 458 boleh melaksanakan kedua-dua skop kerja Ukur Hakmilik dan juga Ukur Geomatik. Sebagai makluman, bidang geomatik di negara-negara maju diuruskan oleh agensi

yang mengawal selia aktiviti pengukuran. Contohnya *State Bureau of Surveying and Mapping of China* di Republik Rakyat China *and Ordnance Survey United Kingdom, Singapore, Australia and New Zealand*. Bidang ukur geomatik dilaksanakan oleh Juruukur Tanah yang berlesen.

Seterusnya, bagi...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua minta mencelah sedikit ya. Saya mohon penjelasan kursus geomatik ini kelihatannya macam satu kursus spesifik dan dia tidak menjadi sebahagian daripada kursus ukur tanah, Juruukur Tanah. Jadi bagaimana Juruukur Tanah yang sedia ada boleh mendaftar diri sebagai *Geomatic Surveyor*. Adakah melalui sijil kah atau melalui pengalaman kah ataupun secara automatik mereka dapat, tetapi *on the other hand, geomatic surveyor* yang di-*trained* seperti di universiti yang disebutkan tadi tidak pula boleh mendapat pengiktirafan sebagai Juruukur Tanah. Jadi kalaulah pindaan ini melibatkan kedua-duanya itu menguntungkan Juruukur Tanah dan tidak *Geomatic Surveyor*. Apakah remedi kita ke arah memperbaiki suasana ini?

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Ya, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya *kasi*, saya minta itu saya *kasi* habis dulu teks ini, lepas itu saya ada masa, saya *kasi* jawapan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit berhubung cadangan untuk menterjemahkan akta ini ke Bahasa Malaysia.

Untuk makluman seksyen 6, Akta Bahasa Kebangsaan 1963 [*Akta 32*] memperuntukkan bahawa teks bagi segala rang undang-undang yang akan dikemukakan atau pindaan kepadanya yang akan dicadangkan dalam Parlimen hendaklah dalam kedua-dua bahasa kebangsaan yang bahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun, memandangkan akta ibu iaitu Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [*Akta 458*] merupakan akta yang dibuat sebelum atau Bahasa Kebangsaan 1967 berkuat kuasa dan tidak digubal dalam dua bahasa dan hanya terdapat dalam teks bahasa Inggeris, maka keperluan untuk mengadakan kedua-dua teks bagi pindaan kepada akta ini tidak terpakai. Ini diperuntukkan dalam subseksyen 7(2) Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang memperuntukkan seperti yang berikut: "*Tiada apa-apa jua dalam seksyen 6 boleh dipakai bagi pindaan mana-mana undang-undang bertulis yang diperbuat sebelum 1 September 1967 sehingga undang-undang bertulis itu telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan dan terjemahan itu telah ditetapkan sebagai sah*".

Disebabkan oleh itu, kandungan peruntukan ini dipinda dalam teks bahasa kebangsaan RUU ini tidak diterjemahkan dalam Bahasa Kebangsaan. Orang awam masih boleh menggunakan khidmat JUPEM boleh melaksanakan kerja-kerja ukur bagi individu lain mereka masih boleh melaksanakan mana-mana ukuran yang tidak melibatkan teknik pengukuran tepat. Bagi pengukuran kawasan Orang Asli ia dilaksanakan oleh Jabatan

Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan melantik JTB bagi tujuan pewartaan kawasan penempatan Orang Asli.

Seterusnya, bagi menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda mengenai kesalahan yang dilakukan paling kerap oleh JTB adalah melibatkan kesilapan dalam menyediakan tata ukuran. Untuk makluman terdapat seramai 173 JTB di bawah umur 40 tahun dan bilangan akan terus bertambah dari semasa ke semasa.

■1500

Seterusnya, berhubung proses pindaan peraturan JTP Akta 458 telah memperuntukkan apa-apa peraturan-peraturan termasuk peraturan juruukur tanah berlesen dibuat oleh LJT dengan kelulusan Menteri sebagaimana kuasa yang telah diperuntukkan kepadanya oleh seksyen 21 [Akta 458].

Berhubung soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli, untuk makluman Yang Berhormat Senator, ukur geomatik merupakan istilah baharu kepada ukur tanah yang telah diguna pakai oleh *university syllabus*. Ukur tanah merangkumi semua bidang ukur geomatik pada masa ini. Nama khusus yang ditawarkan oleh universiti "Sains Ukur dan Geomatik" pada tahun 1990. Tadi ada lupa satu. Seterusnya, tadi ada- barangkali kurang satu, saya tengok.

Seterusnya, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. Sudah, sudah jawab tadi?... [Dichelah] Belum ah?... [Dichelah] Oh, sudah ulang lagi sekali ya...

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Kalau sudah, ini saja. Terima kasih Yang di-Pertua. Kalau ulang sekali boleh.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang di-Pertua, tadi itu soalan tambahan yang dia jawab. Perbincangan awal tidak dijawab.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Okey boleh. *Thank you very much.*

Timbalan Yang di-Pertua: Oh.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Oh ya. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, ukuran geomatik memerlukan kepakaran yang spesifik dalam bidang ukur tanah atau ukur geomatik. Ukuran geomatik yang dinyatakan ini dilaksanakan oleh JTP yang melibatkan teknik pengukuran tetap sahaja bagi individu yang lain boleh melaksanakan mana-mana ukuran yang tidak melibatkan teknik pengukuran tepat. Oleh itu, tidak timbul isu kehilangan pekerja berikutan pindaan akta ini.

Seterusnya, mengenai sasaran Yang Berhormat Senator supaya dipermudahkan urusan dalam pemberian lesen melalui proses yang telah ditetapkan di bawah seksyen 9 dan 10 atau bagi memastikan orang yang dilesenkan adalah orang yang kelayakan dan kompeten.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang di-Pertua, minta kebenaran saya nak *contest* sikit pandangan daripada Menteri tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: ...YB Menteri bagi laluan?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya, boleh?

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Siapa sebut itu?

Timbalan Yang di-Pertua: YB kena bagi laluan untuk orang mencelah.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya, mencelah sikit.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Itu Yang Berhormat nanti boleh bagi yang bertulis sama saya.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Nanti saya soal dulu, nanti jawapan bertulis.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Okey. Nanti saya catatkan. *No problem.*

Timbalan Yang di-Pertua: YB. YB. YB Menteri nak habiskan dulu baru, YB mencelah.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Okey. Ingat dah habis, dia duduk.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Okey. *Thank you.* Datuk Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, secara keseluruhannya RUU Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 secara jelas akan memperluaskan skop kerja JTP dalam melaksanakan kerja-kerja ukur geomatik yang selama ini dilaksanakan tanpa kawalan perundangan selain daripada bidang yang berkaitan dengan ukur hak milik.

Selain itu, ia juga dapat memperkasakan peranan LJT dalam mengawal selia aktiviti pengukuran oleh JTP. Pindaan akta ini juga dijangka memberikan impak positif melalui peningkatan profesionalisme dan kemajuan kerjaya JTP. Meningkatkan perlindungan ke atas hak dan kepentingan pengguna perkhidmatan JTP serta dapat memastikan perundangan berkaitan bidang ukur geomatik di negara ini adalah selari dengan peredaran masa serta kemajuan teknologi di peringkat global.

Bagi mengakhiri sesi penggulungan ini sukacita sekali lagi saya merakamkan...

Timbalan Yang di-Pertua: YB, sebelum YB mengakhiri saya benarkan Ahli Dewan mencelah.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Okey, betul, betul. *Sorry.*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih. Amat berbesar hatilah dengan Yang di-Pertua ini. *Nothing in this act shall affect the right of any person not being a licensed land surveyor- yang tidak berlesen. To undertake surveys.* Dia boleh buat *survey* yang bukan berlesen ini. *Can undertake service other than title survey and geomatics survey.* Yang kita bahaskan *geomatics service.*

Sekarang dikatakan yang tak berlesen ini tak boleh buat *land survey, title survey* dan tak boleh buat *geomatics survey.* *Survey* apa lagi dia nak buat? Kerana kita *define* tadi

geomatics survey ini macam-macam. *Geospatial* dan sebagai tadi itu. *Remote sensing*. Jadi, kalau Menteri kata tak ada orang yang akan hilang pekerjaan, itu yang saya nak *contest*.

Ramai orang ini- saya maklumat ini datang dari Kuala Lumpur yang 900 orang ini, yang mereka tidak akan dapat pekerjaan. Mungkin juga Yang di-Pertua, mereka boleh buat *survey*, tapi di-*sign* oleh *land surveyor*. Itu biasalah kan. *Land surveyor*, tetapi kenalah bayar pula, mereka buat kerja yang ni ambil komisen atau untuk menurunkan tandatangan itu duit juga. Jadi, saya rasa kena fikir balik masalah orang-orang yang akan kehilangan pekerjaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi kesimpulannya, YB kata tadi kalau nak lesenkan orang-orang tertentu, apakah jadi dengan orang yang tak ada lesen?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Apakah pembelaan kepada mereka?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Kerana apa, *nothing in this act shall affect the right of any person not being a licensed-* yang tak ada lesen sebelum ini boleh, tapi tak boleh *survey-* dua ni, *land title* dan juga *geomatics survey*. Itu saya punya hujahlah.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Tadi saya sudah terangkan ini sekarang semua mahu pakai itu, tidak ada berlesen lebih bagus la. Sebab kalau ia tak berlesen, kadang-kadang ada *mistake* nanti, nanti susah. Kita pun susah kan. Sebab saya tadi yang punya Yang Berhormat ya bercakap, saya orang pun boleh kacau semula, boleh semak semula, itu tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh dekat sikit dengan *mic* tak? Suara YB tak berapa jelas.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Tadi yang itu, Yang Berhormat, yang tadi itu Senator, yang tadi dia cakap itu, saya boleh semak semulalah. Nanti saya kira, tapi sekarang saya orang punya. Sekarang ini semua ada mahu guna yang berlesen yang lebih bagus. Kita boleh memperkasakan kita meningkatkan kita punya itu, kita punya kerja. Saya kira ini saja. Kalau dia punya saya semak semula saya boleh kira. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Hatta, puas hati?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tak menjawab lagi tapi ulang sampai subuh pun tak jadi juga ya. *[Ketawa]* Jadi, saya harap minta jawapan bertulis supaya- dapat ya? Kalau boleh bertulis apa yang dicakap tu kerana dalam akta ini kata yang *unlicensed* pun boleh *survey*, tapi bukan dua tu. Jadi, nak *survey* apa ya? Sukat jalanlah jawabnya... *[Dicelah]* Pun tak boleh. Sukat udara, ha okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, YB boleh bagi jawapan bertulis. Ada lagi pencilahan? Kalau tak ada, YB boleh habiskan YB. YB Menteri boleh habiskan.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Saya semula tutup inilah. Datuk Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, secara keseluruhannya RUU Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 secara jelas akan memperluaskan skop kerja JTP dalam melaksanakan kerja-kerja ukur

geomatik yang selama ini dilaksanakan tanpa kawalan perundangan selain daripada bidang yang berkaitan dan ukur hak milik.

Selain itu, ia juga dapat memperkasakan peranan LJT dalam mengawal selia aktiviti pengukuran oleh JTP. Pindaan akta ini juga dijangka memberikan impak yang positif melalui peningkatan profesionalisme dan kemajuan kerjaya JTP, meningkatkan perlindungan ke atas hak dan kepentingan pengguna perkhidmatan JTP serta dapat memastikan perundangan berkaitan bidang ukur geomatik di negara ini adalah selari dengan peredaran masa serta kemajuan teknologi di peringkat global.

Bagi mengakhiri penggulungan ini dengan sukacita sekali lagi saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas pandangan dan cadangan yang dikongsi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan ini.

■1510

Saya juga berharap daripada penjelasan tersebut dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: *Thank you, thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 15** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga. Disokong oleh Timbalan Menteri Ekonomi (Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KECEKAPAN DAN KONSERVASI TENAGA 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

3.13 ptg.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati, izinkan saya untuk membentangkan Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 ini.

Ahli-ahli Dewan yang dihormati, berdasarkan *Fourth National Communication^a and 4th Biennial Update Report*, sektor berkaitan tenaga merupakan penyumbang terbesar pelepasan gas rumah hijau (GHG) di Malaysia iaitu sebanyak 78 peratus.

Kebiasaannya, apabila berbicara tentang elektrik, kita cenderung bercakap mengenai aspek bekalan dan penjanaan- *supply and generation*. Selain menghijaukan perbekalan elektrik melalui tenaga boleh baharu, pelaksanaan inisiatif kecekapan dan konservasi tenaga mampu memberikan impak yang signifikan kepada usaha mengurangkan pelepasan GHG oleh sektor berkaitan tenaga.

Dalam hubungan ini, penggunaan tenaga dengan cekap menerusi pengurusan permintaan- *demand side-management* – DSM, telah dikenal pasti berupaya menangani isu keselamatan bekalan tenaga dan perubahan iklim negara. Melalui RUU ini, kerajaan akan memberikan penekanan daripada aspek pengurusan permintaan tenaga iaitu disebut tadi *demand side management*, khususnya penggunaan tenaga dengan cekap dan berkesan.

Pada masa ini, usaha pengurangan dan penjimatan tenaga elektrik di Malaysia dilaksanakan melalui Penguatkuasaan Peraturan-peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik dengan Cekap (PPTEC) 2008 bagi sektor industri dan komersial dan Standard Prestasi Tenaga Minimum- *Minimum Energy Performance Standards* – MEPS, bagi sektor domestik di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447].

Walau bagaimanapun, pelaksanaan PPTEC dan MEPS terhadap kepada penggunaan tenaga elektrik sahaja, manakala penggunaan sumber tenaga lain seperti tenaga termal, masih belum dikawal selia. Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 12 Jun 2019 melalui Memorandum No. M379/2019 dan 27 November 2020 semasa menimbang Memorandum No.

M475/2020 yang bertajuk, '*Cadangan Penggubalan Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga*,' telah bersetuju antara lain dengan penggubalan RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga yang bertujuan untuk mewujudkan satu- kerangka perundangan kecekapan tenaga yang komprehensif bagi mengawal selia, menguatkuasakan, menyelaras dan melaksanakan inisiatif kecekapan tenaga, termasuk tenaga termal.

Jemaah Menteri juga telah bersetuju supaya Suruhanjaya Tenaga dilantik sebagai agensi pelaksana bagi menguatkuasakan akta ini daripada aspek perundangan, kewangan dan tenaga kerja. Ini bagi memastikan pengawalseliaan dan penguatkuasaan RUU ini secara menyeluruh dan berkesan. Melalui penguatkuasaan RUU ini ke atas sektor industri, komersial dan domestik- kediaman sehingga tahun 2050, kerajaan menjangkakan penjimatan penggunaan tenaga yang dianggarkan berjumlah 2,017 juta giga joule atau bersamaan RM97.1 bilion, mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 197,877 kiloton karbon dioksida- kiloton of carbon dioxide dan mewujudkan lebih 1,000 peluang pekerjaan baharu.

Datuk Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 telah dibentangkan dan diluluskan di peringkat Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas pada 11 Oktober 2023. RUU ini dijadualkan untuk dibentangkan di Dewan Negara pada 11 Disember 2023.

Namun, kementerian pada waktu itu, telah menerima maklum cadangan pindaan ke atas RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 pada 29 November 2023 yang diusulkan oleh Ahli Dewan Negara dari negeri Sarawak kepada Yang di-Pertua Dewan Negara berdasarkan peruntukan Peraturan Mesyuarat 56(2).

Datuk Yang di-Pertua maklum perkara ini. Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Cadangan pindaan yang dikemukakan adalah pada Fasal 1(3) iaitu untuk mengecualikan pemakaian Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 kepada negeri Sarawak.

Untuk itu, kerajaan telah mengadakan sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri Sarawak dan juga Sabah bagi mendapatkan pendirian kerajaan negeri tersebut. Susulan daripada itu, kementerian ini telah memohon nasihat daripada pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) berhubung cadangan pindaan yang diusulkan dan pada hari ini, pindaan tersebut akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa nanti. Tuan Yang di-Pertua, struktur RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 terbahagi kepada 10 bahagian seperti berikut:

- (i) permulaan;
- (ii) fungsi dan kuasa suruhanjaya;
- (iii) kewajipan pengguna tenaga;
- (iv) kewajipan orang yang bertanggungjawab bagi bangunan;

- (v) peruntukan yang berhubung dengan produk yang menggunakan tenaga;
- (vi) pendaftaran pengurus tenaga dan juruaudit tenaga;
- (vii) pendaftaran institusi latihan;
- (viii) kuasa mengumpul maklumat;
- (ix) penguatkuasaan; dan
- (x) am.

Secara umumnya, RUU ini akan memberi penekanan kepada: pertama, pengawal seliaan secara menyeluruh di bawah peruntukan kewajipan pengguna tenaga iaitu pengguna yang menggunakan tenaga yang banyak atau, dengan izin, *large energy consumers* dalam sektor industri dan komersial. Pengguna tenaga yang melebihi nilai ambang iaitu, dengan izin, *threshold* 21,600 giga joule (GJ) setahun perlu melaksanakan langkah-langkah penjimatan tenaga iaitu *energy saving measures* (ESM) seperti mewajibkan pelantikan pengurus tenaga berdaftar ataupun dipanggil *registered energy manager* (REM) bagi membangunkan sistem pengurusan tenaga dan melaksanakan audit tenaga.

Selain itu, pengguna tersebut perlu mengemukakan laporan berkala berkaitan penggunaan tenaga kepada agensi penguat kuasa.

Kedua, pemantauan pematuhan ke atas kewajipan orang yang bertanggungjawab bagi bangunan yang melebihi keluasan 8,000 meter persegi dengan mempamerkan label intensiti tenaga dan memastikan intensiti tenaga bangunan tersebut mematuhi penarafan kecekapan tenaga yang ditetapkan.

Ketiga, penetapan standard minimum penggunaan tenaga bagi kelengkapan elektrik melalui aktiviti label penarafan kecekapan tenaga. Langkah ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga dalam sektor domestik di samping menggalakkan industri untuk menghasilkan produk yang memenuhi standard minimum penggunaan tenaga. RUU ini turut memperuntukkan keperluan pengujian ke atas kelengkapan elektrik yang dikenal pasti untuk memastikan tahap keselamatan dan kecekapan kelengkapan elektrik dipatuhi.

Dan keempat, penepatan kriteria kelayakan pendaftaran REM, juruaudit tenaga berdaftar ataupun, dengan izin, *registered energy auditor* (REA) dan institusi latihan berdaftar bagi tujuan pembangunan keupayaan dan modul latihan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, penguatkuasaan RUU ini akan membolehkan inisiatif kecekapan tenaga dilaksanakan dengan anggaran ke atas 1,816 pemasangan iaitu merangkumi 1,227 data *Energy Management Information System* (EMIS) dan juga pemasangan industri, dan 589 data EMIS pemasangan komersial.

Manakala, bagi bangunan, pelaksanaan pelabelan *Building Energy Intensity* (BEI) secara berperingkat dijangka melibatkan anggaran 4,102 buah bangunan iaitu berdasarkan

data TNB di dalam kategori pengguna elektrik komersial di bawah kod tarif TNB C1, dengan izin, *medium voltage general commercial tariff* dan juga C2, *medium voltage pick/offpick commercial tariff*.

Penguatkuasaan RUU ini juga akan mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan baharu iaitu sebagai REM dan REA, sebagai tambahan kepada pengurus tenaga sedia ada seramai 1,670 orang untuk memenuhi keperluan sektor industri dan komersial. Di samping itu, dianggarkan sebanyak 500 Juruaudit Tenaga baharu diperlukan setelah RUU dikuatkuasakan berbanding 253 Juruaudit Tenaga sedia ada.

RUU ini juga akan menggalakkan pewujudan institusi latihan dan kemahiran serta syarikat perkhidmatan tenaga iaitu *energy services company* ataupun dikenali sebagai ESCO untuk melatih lebih ramai pengurus tenaga dan juruaudit tenaga yang diperlukan oleh sektor industri dan komersial.

Kesimpulannya, saya yakin RUU ini akan membolehkan kerajaan membuat perancangan pembangunan tenaga negara dengan lebih berkesan untuk jangka masa panjang dalam semua sektor yang telah dikenal pasti serta mengoptimimumkan kos pelaburan dalam pembinaan fasiliti jana kuasa tenaga elektrik.

Penguatkuasaan RUU ini juga akan menyokong prinsip pembangunan mampan selaras dengan agenda pembangunan ekonomi hijau di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara iaitu *National Energy Transition Roadmap* (NETR) serta menyumbang kepada pencapaian aspirasi *net zero GHG emissions*, dengan izin, negara menjelang tahun 2050.

Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Dato' Sri Huang Tiong Sii]: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis iaitu suatu akta untuk mengawal selia penggunaan cekap tenaga dan konservasi tenaga dengan matlamat untuk menambah baik dan meningkatkan kecekapan tenaga dan mengelak pembaziran tenaga, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Saya nak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau nak bincang pasal pindaan, di peringkat Jawatankuasa ya. Hari ini pindaan dibuat di dalam Dewan. Tak macam semalam, pindaan itu dibuat di Dewan Rakyat dan dibentangkan pada kita. Hari ini, kita yang akan buat keputusan untuk meminda.

Jadi, Ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai sembilan orang ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan lima minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina Wan Yusoff.

3.26 ptg

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023.

Rang undang-undang ini adalah akta yang dicadangkan bertujuan untuk mengawal selia penggunaan cekap tenaga dan konservasi tenaga dengan matlamat untuk menambah baik dan meningkatkan kecekapan tenaga dan untuk mengelakkan pembaziran tenaga. Satu langkah awalan yang baik ke arah membangunkan ekonomi hijau menerusi kecekapan tenaga, penjimatan tenaga, tenaga boleh diperbaharui, ekonomi hidrogen, tenaga bio, mobiliti rendah karbon, penyimpanan tenaga, penangkapan karbon, pembiayaan hijau serta agenda-agenda yang memenuhi ESG.

Dengan pelaksanaan RUU ini, besarlah harapan kita semua supaya dapat membantu kerajaan merealisasikan Pelan Peralihan Tenaga Nasional (NETR) dengan meningkatkan kecekapan tenaga untuk mencapai karbon sifar, penjimatan tenaga dan dapat mengurangkan penggunaan tenaga secara lestari.

Datuk Yang di-Pertua, seperti kita- semua sedia maklum, bahawa rang undang-undang ini akan meliputi sektor industri yang berpenggunaan tenaga tinggi dahulu. Oleh itu, pada perancangan kerajaan, bilakah ia boleh diperluaskan kepada sektor komersial, perniagaan dan juga perumahan?

Namun, sebelum ia diperluaskan, saya berpandangan pengguna perlu diberi kesedaran dan pendidikan kepentingan berkaitan penggunaan tenaga, keperluan penjimatan dan juga kepentingan menjaga alam sekitar ke arah pencapaian pelepasan karbon sifar. Saya ingin juga bertanya, apakah insentif untuk pengguna industri atau syarikat yang proaktif memperbaiki kecekapan tenaga? Contohnya, memberi *rebates* ataupun geran-geran untuk penambahbaikan kecekapan tenaga.

Datuk Yang di-Pertua, antara objektif akta ini adalah untuk mencapai sasaran *net zero* pada tahun 2050. Oleh itu, apakah tindakan yang sedang dirangka oleh kerajaan untuk mencapai sasaran? Saya mohon penjelasan, berapa peratuskah status pelepasan karbon negara sekarang dan berbanding dengan *offset* yang telah sedia ada?

Kita mendapat maklum yang syarikat asing meletakkan syarat penggunaan teknologi tenaga hijau sebagai syarat pelaburan mereka. Dalam pada itu, kita mendengar khabar

bahawa Kabinet meluluskan penjualan TBB kita kepada negara jiran. Jadi, saya pohon pengesahan, apakah sebenarnya perancangan kerajaan dalam isu ini? Adakah ia memberi keuntungan kepada negara kita atau apakah ia boleh menimbulkan kerugian pada jangka masa panjang?

Datuk Yang di-Pertua, saya juga merujuk kepada kelayakan bagi pendaftaran pengurus tenaga dan juruaudit tenaga, fasal 26.

■1530

Saya berpandangan pengauditan tenaga perlu dilaksanakan dengan tegas tanpa kompromi terhadap industri selaras dengan kuat kuasa Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023.

Justeru itu, fasal 26(d) iaitu mana-mana pengurus tenaga atau Juruaudit Tenaga boleh memohon untuk didaftar di bawah akta ini jika (d) adalah dia tidak pernah disabit atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau rasuah adalah amat penting. Maka Suruhanjaya Tenaga perlu memandang serius aspek pelantikan Juruaudit Tenaga Berdaftar memandangkan peranan tersebut mempunyai signifikan yang jelas untuk mendorong penggunaan tenaga secara optimum dan penguatkuasaan perlu dilaksanakan dengan tegas.

Persoalan saya berkaitan kelayakan Juruaudit Tenaga dan Pengurus Tenaga ini adalah- apakah Juruaudit Tenaga dan Pengurus Tenaga wajib menerima latihan dari institusi yang berdaftar sahaja? Merujuk kepada fasal 28(4) perakuan amalan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3) hendaklah sah bagi suatu tempat sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan amalan itu.

Soalan saya, adakah sijil perakuan amalan ini, Pengurus dan Juruaudit Tenaga perlu diperbaharui setiap tahun, apakah syaratnya pula? Bagaimanakah pula dengan tempat-tempat perkhidmatan mereka? Adakah dikhususkan untuk suatu tempat sahaja.

Dengan itu Yang di-Pertua, saya mohon menyokong dan saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat hari raya, maaf zahir batin kepada semua warga Dewan Negara dan kepada semua Muslimin dan Muslimat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB.

Sekarang saya jemput Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

3.31 ptg.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum, salam Malaysia madani, segulai sejalai.*

Pertamanya, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri, Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof dan Kementerian Peralihan, Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan kementerian sebelumnya iaitu kementerian sumber asli, alam sekitar dan perubahan iklim melalui Menteri, Yang Berhormat Nik Nazmi bin Nik Ahmad

dan Timbalan Menteri Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii kerana menerima cadangan dan saranan saya dan rakan-rakan Yang Berhormat Senator dari Sarawak pada 29 November 2023, tahun lepas untuk meminda Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga.

Sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Sarawak dan pengharmonian pemakaian rang undang-undang ini dikecualikan untuk Sarawak dan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri kerana telah mengemukakan cadangan pindaan yang baru dengan memasukkan sekali Sabah bersama-sama dengan Sarawak. *Alhamdulillah.*

Dato' Yang di-Pertua, keprihatinan Kerajaan Pusat amat dihargai oleh kami mengekalkan semangat persekutuan seperti mana kelaziman yang dilakukan oleh kerajaan-kerajaan terdahulu. Semangat inilah akan terus memupuk cita-cita dan aspirasi Malaysia yang lebih dinamik dan progresif.

Sebelum saya akhiri, saya ada dua pantun untuk Yang Amat Berhormat Menteri, sayang dia tiada di sini tapi Timbalan Menteri ada dan rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini.

*Burung Kenyalang terbangnya tinggi,
Hinggap sebentar di pohon jati;
Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri,
Terus bekerja dengan sepenuh hati.*

Pantun raya untuk Yang di-Pertua.

*Kian berlabuh tirai Ramadan,
Lambaian Syawal kian dinanti;
Luhur hati ikhlas kemaafan,
Semoga kesalahan dimaafi.*

Selamat hari raya, maaf zahir dan batin. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Pendek saja.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Dato' Ahmad sebagai YB yang membawa pindaan pada hari ini. Daripada minta Menteri untuk menjawab pasal hal RUU minta Menteri menjawab pantun pula... *[Ketawa]* Kalau boleh Menteri.

Sekarang saya jemput Senator Datuk Dr. Dominic Lau.

3.34 ptg

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan masa saya untuk berbahas RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga.

Memang saya difahamkan RUU ini adalah sebahagian daripada hala tuju peralihan tenaga negara dan juga selangkah *stepping stone* untuk negara kita mencapai aspirasi pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050. Yang Berhormat Setiawangsa, Menteri juga menyasarkan jimat tenaga sebanyak 2017 juta *gigajoule* yang juga bersamaan hampir RM100 bilion serta mengurangkan pelepasan karbon hampir 200,000 kilo tan *carbon dioxide*.

Namun begitu, saya tidak pasti 100 peratus dengan sasaran yang ditetapkan oleh kementerian ini boleh dicapai atau tidak. Kerana dalam pengalaman saya barang yang order dan barang yang sampai oleh Kerajaan Madani ini adalah selalunya berbeza, *but let's wait and see* sama ada tidak objektif-objektif RUU ini dicapai pada masa hadapan.

Dato' Yang di-Pertua, pertama kali saya ingin menyentuh kepada bahagian tiga RUU ini mengenai kewajipan pengguna tenaga. Difahamkan bahawa syarikat yang mencecah penggunaan tenaga 21,600 giga joule setahun dikelaskan sebagai *energy consumers* iaitu pengguna tenaga. Mereka diwajibkan menjalani beberapa siri proses pematuhan termasuk pelantikan pengurus tenaga berdaftar yang diiktirafkan oleh Suruhanjaya Tenaga.

Selain daripada pelantikan pengurus tenaga berdaftar, pengguna tenaga juga diwajibkan membangunkan sistem pengurusan tenaga, menyediakan laporan kecekapan dan konservasi tenaga serta menjalani audit tenaga melalui Juruaudit Tenaga berdaftar *falling in any steps* pengguna tenaga akan dikenakan denda berat seperti yang digariskan pada fasal 5(3), fasal 6(3) dan (4) dan fasal (7)(4), fasal 8(4) dan fasal 9(10) yang lebih kurang 20,000 sampai 50,000. Yang ini saya akan menyifatkan itu adalah denda yang berat terutamanya bagi SMI atau SME.

Pada masa ini, saya mempunyai beberapa soalan kepada kerajaan. Pertama, berapa jumlah Pengurus Tenaga yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga setakat ini? Tadi Timbalan Menteri mengatakan ada sebanyak 500 Juruaudit Tenaga. Soalan saya ialah, adakah jumlah 500 itu cukup untuk memenuhi permintaan pasaran? Apa *mechanism* kawal selia Suruhanjaya Tenaga dalam memastikan kecekapan ataupun *qualification* Juruaudit Tenaga kita.

Dato' Yang di-Pertua, saya faham bahawa ini adalah langkah kerajaan dalam memastikan *compliance* pengguna tenaga dalam menjimatkan tenaga melalui peralihan kepada tenaga hijau, pengurusan tenaga secara aktif agar kita mencapai aspirasi *net zero*.

Namun, ia merupakan pita merah dalam bahasa *English* ialah *red tape* yang amat rumit dan membebankan kepada para pengguna tenaga. Saya berpendapat bahawa kementerian boleh memberikan *buffer time*, dengan izin, yang lebih kepada pengguna tenaga jika RUU ini di kuat kuasa kerana pada fasa permulaan, pengguna tenaga sedang *judge* kepada peraturan-peraturan yang baru serta dikenakan kos CapEX yang besar untuk *install* sistem kecekapan tenaga serta infrastruktur tenaga hijau.

Kerajaan juga perlu menawarkan insentif ataupun bantuan yang lebih kepada para pengguna tenaga kerana keberkesanan dasar dan peraturan yang ditetapkan oleh RUU ini tertakluk kepada pendekatan *carrot-and-stick*, tetapi setakat ini, *stick* saya nampak, tetapi *carrot* itu kurang. Oleh itulah soalan saya, apakah insentif ataupun bantuan yang telah, akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam membantu pengguna tenaga dalam proses peralihan dan proses *compliance*. Dato' Yang di-Pertua, satu minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih. Beralih kepada bahagian sembilan mengenai penguat kuasa Suruhanjaya Tenaga, saya ingin menyentuh sedikit tentang perihalan skop kuasa ahli penguat kuasa tersebut. Difahamkan bahawa penguat kuasa Suruhanjaya Tenaga diberikan skop kuasa yang amat luas, tetapi cukup wajar untuk menjalankan kerja mereka.

■1540

Penguat kuasa boleh menjalankan siasatan melaksanakan siasat dan rampas dengan dan tanpa waran serta meminta maklumat dan data yang disimpan dalam kotak penyimpanan atau digital medium seperti komputer. Ini kuasa bagi kita itu seperti kuasa Polis.

Persoalan saya, bagaimana Suruhanjaya Tenaga akan memastikan penguat kuasa tersebut akan menggunakan kuasa untuk perkara yang berkaitan dengan siasatan sahaja. Tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan. Saya juga mohon kementerian memberikan sedikit pencerahan mengenai proses latihan dan persiapan yang diberikan kepada pegawai Suruhanjaya Tenaga mengenai skop kuasa baharu mereka.

Datuk Yang di-Pertua, ini sahaja saya ingin bahaskan mengenai Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga. Ini saya pun nak ambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua masyarakat Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk. Sekarang saya jemput Senator Datuk Juhanis binti Abd Aziz.

3.41 ptg.

Datuk Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang dan ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 ini.

Usaha kerajaan membentang Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 adalah satu langkah yang tepat pada masanya dan selari dengan komitmen kerajaan untuk mencapai inspirasi pelepasan GSG sifar bersih ataupun *net-zero* GSG menjelang tahun 2050. Ini bermakna kita hanya ada 46 tahun sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat hari ini pemanasan global ataupun *global warming* adalah amat kritikal. Pemanasan sudah sampai ke tahap mendidih ataupun sudah ke tahap *global boiling*. Kunci utama dalam menangani *global boiling* ini dan mencegah keadaan ini daripada bertambah buruk adalah dengan memperkasakan tatakelola peralihan tenaga ataupun *energy transition*.

Oleh itu saya yakin melalui undang-undang ini kerajaan akan dapat mengawal selia penggunaan dan konservasi tenaga dengan lebih cekap dan berkesan. Saya juga yakin akta ini nanti akan membolehkan kerajaan membuat perancangan pembekalan dan penjanaan dengan lebih holistik di samping menyumbang kepada agenda perubahan iklim negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan kita bergerak seiring dengan komitmen kerajaan mencapai inspirasi pelepasan GSG sifar bersih, penting untuk kita tahu status semasa supaya kita boleh menilai prestasi negara dalam mencapai matlamat ini selain membantu melakar perancangan yang sesuai dan berkesan. Saya ingin bertanya mengenai perkembangan penyediaan dokumen strategik jangka panjang pembangunan rendah karbon yang sedang disediakan. Adakah masih dalam proses penyiapan dan bilakah jangkaan dokumen ini akan siap?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan melalui penguatkuasaan akta ini nanti, atau sektor industri komersial dan domestik hingga tahun 2050 kerajaan dijangka dapat menjimatkan anggaran perbelanjaan RM97.1 bilion dengan mengurangkan pelepasan karbon. Ini adalah satu jumlah yang sangat memberangsangkan. Namun begitu, saya lihat undang-undang ini tidak mewajibkan pengguna-pengguna untuk meningkatkan kecekapan tenaga. Jadi, saya ingin tahu apakah perancangan kementerian untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pengguna untuk menjadi lebih proaktif dalam usaha meningkatkan kecekapan tenaga. Adakah kerajaan bercadang untuk memberi sebarang inisiatif seperti pelepasan cukai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga dijangka mewujudkan lebih 1,000 peluang pekerja baharu sebagai Pengurus Tenaga Berdaftar dan 500 Juruaudit Tenaga berdaftar iaitu tambahan daripada Pengurus Tenaga sedia ada. justeru saya ingin bertanya apakah kriteria kelayakan yang diperlukan untuk menjadi Pengurus Tenaga dan Juruaudit Berdaftar ini.

Di samping itu saya juga ingin bertanya sama ada kementerian ada melaksanakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melihat semula program dan kursus yang ditawarkan di peringkat universiti di samping menggalakkan perwujudan institusi latihan dan kemahiran supaya selari dengan keperluan negara dan industri dalam bidang kecekapan dan konservasi tenaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pewujudan rang undang-undang ini akan dapat membantu memenuhi komitmen kerajaan untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah

kaca iaitu GSG sekali gus mencapai inspirasi pelepasan GSG sifar bersih menjelang tahun 2050. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB.

Sekarang saya jemput Senator Datuk Seri Hajah Zurainah.

3.46 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan pengubalan Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023. Aspirasi negara untuk mencapai sasaran pembebas gas rumah kaca- *green house gas*, dengan izin, sifar bersih dan untuk meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu dalam pendekatan elektrik negara kepada 70 peratus menjelang tahun 2050, adalah amat terpuji.

Perbahasan saya akan fokus hanya kepada dua elemen. Pengawal bangunan dan produk. Bagi elemen pengawal bangunan.

Sefahaman saya bila bangunan di mana penggunaan tenaga yang melebihi nilai ambang ataupun *threshold of 21,600 giga joule* setahun orang yang bertanggungjawab bagi bangunan itu perlu melaksanakan langkah-langkah penjimatan tenaga- *energy saving measures*, dengan izin, seperti mewajibkan pelantikan pengurus tenaga berdaftar- *registered energy manager*, dengan izin, bagi membangunkan sistem pengurusan tenaga dan melaksanakan audit tenaga, tetapi ia tidak mempunyai elemen *enticement* ataupun *stimulator*, dengan izin, yakni tiada sebarang tindakan jikalau tiada penurunan penggunaan tenaga ini.

Saya mempunyai beberapa pertanyaan Datuk Yang di-Pertua. Seluas mana definisi "Orang Yang Bertanggungjawab Bagi Bangunan" akan diaplikasikan oleh kementerian, yang pertama. Berdasarkan definisi seksyen 2, ia sangat luas. Contohnya adakah orang yang bertanggungjawab kepada bangunan itu pemilik sebuah unit dalam satu bangunan atau penyewa unit itu. Saya rasa wajar untuk kita memahami bagaimana obligasi yang diwujudkan ini akan memberi impak kepada perniagaan secara menyeluruh.

Kedua, apakah perancangan untuk memastikan terdapat tindakan jikalau tiada penurunan penggunaan tenaga. Ketiga adakah terdapat sebarang perancangan untuk memperkenalkan insentif terhadap syarikat supaya proaktif membaiki kecekapan tenaga mereka. Terakhir berapakah pecahan juruaudit tenaga yang digajikan oleh syarikat tempatan. Bagaimana kementerian sedang memastikan peluang-peluang perniagaan yang dijana di bawah RUU ini dan hala tuju peralihan tenaga negara ini akan diraih oleh syarikat tempatan dan bukan sahaja syarikat asing, internasional syarikat terutamanya.

Beralih pula kepada elemen produk dalam perbahasan saya. RUU ini kini mewujudkan obligasi bagi segala produk yang menggunakan tenaga perlu mempunyai label penarafan

kecekapan tenaga. Soalan saya, berapakah kos permohonan label penarafan kecekapan tenaga- *energy efficiency* ini dan adakah ia diaplikasikan ke atas setiap produk.

■1550

Kedua, berapa lama kah tempoh proses permohonan dan sejauh manakah kerumitan dokumentasi yang diperlukan? Saya kluatir dengan memperkenalkan proses yang lama dan berkost tinggi akhirnya ia akan menjadi beban kepada pengguna untuk membayar kos ini nanti. *Like all company do, they will just pass the cost of compliance to the consumer*, dengan izin. Akhirnya, kita juga yang kena membayarnya. Saya ingin memberi beberapa cadangan juga untuk pertimbangan oleh pihak kementerian. Jika diizinkan ya Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua.

Pertama, disebabkan konsep peralihan tenaga berdasarkan ekonomi hijau masih dalam fasa awal implementasinya, kerajaan patut menawarkan audit dan perundingan tenaga percuma atau subsidi di bawah RUU ini. Ini demi membantu pihak syarikat mengenal pasti peluang penjimatan tenaga dan akan mengambil tindakan dengan relanya.

Kedua, bolehkah kerajaan menyediakan geran khas untuk menyokong penyelidikan, pembangunan dan pelaksanaan projek kecekapan tenaga *research and development*, dengan izin, amatlah penting sebagai sebuah mekanisme pertumbuhan jangka masa panjang dalam menjayakan matlamat RUU ini dan kita memerlukan lebih lagi *homegrown technology*, dengan izin, yang dimiliki oleh orang Malaysia.

Datuk Yang di-Pertua, setakat ini sahaja perbahasan saya buat kali ini. Saya berharap agar menerusi penguatkuasaan RUU tersebut, kerajaan akan mencapai misi penjimatan penggunaan tenaga sebanyak 97.1 bilion menjelang 2050 seperti yang disasarkan oleh YB Menteri. Pendek kata saya memuji tindakan kerajaan dalam melaksanakan inisiatif ini terutama kecekapan serta pemuliharaan tenaga di Malaysia. Sekian, saya mohon menyokong penggubalan Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Sekarang saya jemput Senator Tuan Abun Sui Anyit. Eh, tadi dia ada.

Seorang Ahli: Dia keluar kejap...

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Baik. Tidak apa.

Sekarang ini saya jemput Senator Tan Sri Low Kian Chuan.

3.52 ptg.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 di Dewan yang mulia ini.

Datuk Yang di-Pertua, penggubalan RUU ini menunjukkan komitmen negara kita terhadap mencapai pelepasan GHG sifar bersih menjelang tahun 2050 yang digariskan di dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara iaitu *National Energy Transition Road Map* (NETR). Saya ingin menyentuh empat perkara berikut.

Pertama, pihak kementerian dan Suruhanjaya Tenaga mestilah berusaha mempertingkatkan kesedaran isi rumah dan industri mengenai urusan permintaan tenaga terutama dalam penggunaan peralatan elektrik yang efisien seperti yang terkandung dalam Bahagian Lima. Peruntukan yang berhubung dengan produk menggunakan tenaga. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan bagaimanakah cara melaksanakan program-program kesedaran awam yang merupakan salah satu inisiatif NETR.

Kedua, pihak kementerian dan Suruhanjaya Tenaga mestilah memberi penjelasan kepada semua pihak berkepentingan untuk memahami dan melaksanakan peruntukan akta ini khususnya dalam audit tenaga, langkah penjimatan tenaga dan pelaburan.

Ketiga, Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) menghadapi cabaran untuk meningkatkan inisiatif kecekapan penggunaan tenaga disebabkan oleh proses dan kaedah pengeluaran, kekurangan kemahiran teknikal, kewangan dan tahap teknologi. Apakah inisiatif pihak kementerian untuk membantu PMKS dalam pengusahaan pengurusan penggunaan tenaga dan alat kelengkapan tenaga yang lebih efisien?

Terakhir, dalam Jadual Ketiga dalam RUU akta ini hanya terpakai untuk bangunan pejabat sahaja. Adakah akta ini juga terpakai kepada jenis-jenis bangunan lain seperti hospital, kompleks membeli-belah dan lain-lain yang mengguna tenaga yang banyak?

Datuk Yang di-Pertua, secara am saya menyokong RUU ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri... *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Terima kasih...

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: ...kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan anggota Dewan Negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Sekarang saya jemput YB Tuan Abun Sui Anyit... *[Ketawa]*

3.56 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, terima kasih Yang di-Pertua. Saya minta maaf kerana ada kesibukan sedikit dan tidak *matching* kita. Jadi, apa pun saya sangat berterima kasih kepada kerajaan terutamanya Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan MADANI dan Kerajaan Sarawak di mana seperti yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi di mana kita daripada wakil Sarawak ataupun Ahli Undangan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negara dari Sarawak kita bersama-sama sehati sejiwa, *segulai sejalai*, dalam kita melaksanakan Rang

Undang-undang Konservasi Tenaga ini ada perkara-perkara yang kita perlu lihat daripada segi MA63, Perjanjian Malaysia 1963.

Jadi justeru itu, kerana elektrik pada suatu ketika memang tidak dipanjangkan ke Sarawak maka kita melihat perkara ini juga perlu tidak dipanjangkan ke Sarawak. Justeru itu, kami sama-sama mengatakan bahawa kami tidak mahu ini dipanjangkan dan kita berterima kasih kepada Kerajaan MADANI yang memahami dan mengerti akan kerangka negara ini di mana MA63 sebagai dasar kita untuk memajukan negara ini kerana ada sesuatu yang kita perlu menjadi kerangka ataupun jadi sempadan kita dalam kita melaksanakan undang-undang di negara ini.

Jadi justeru itu, saya berharap dengan adanya kefahaman begini ada perkara-perkara yang kita perlu memahami, saling memahami dengan adanya dasar MA63 ini. Saya berharap supaya dengan kefahaman yang kita ada dengan adanya sedikit pindaan di Dewan Rakyat, saya berharap supaya kita bukan menjadikan ini sebagai alasan untuk tidak memajukan Sarawak juga. Jadi, ini bukan bererti Sarawak itu sudah maju dan boleh berdiri sendiri, bukan juga begitu. Ini kerana ada perkara-perkara yang kita kena faham, kita sangat jauh daripada segi geografi. Maka, sukar untuk kita melaksanakan apa yang dikatakan pelaksanaan undang-undang ini kalau dia jauh daripada segi geografi.

Tuan Pele Peter Tinggom: [*Bangun*]

Tuan Abun Sui Anyit: Jadi, kita tidak akan dapat mencapai ataupun memaksimumkan perkara itu dan adalah lebih baik supaya Kerajaan Sarawak itu sendiri yang menguruskan undang-undang yang berkaitan dengan konservasi. Saya percaya Sarawak sudah maju ke depan...

Tuan Pele Peter Tinggom: Mohon mencelah Yang di-Pertua.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, sila. Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Pele Peter Tinggom: Boleh? Okey, terima kasih Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Abun Sui. Memandangkan Sarawak telah menggubal-kan undang-undang yang komprehensif berkenaan dengan pelepasan karbon sifar menjelang 2050, Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin sudah dimaklumi berkenaan dengan undang-undang di Sarawak ini yang dinamakan, dengan izin, *Environment (Reduction of Greenhouse Gases Emission) 2023* yang begitu komprehensif berkenaan dengan pelepasan karbon.

■1600

So, YB setuju tak kalau provisi-provisi yang berkaitan di bawah Ordinan Sarawak ini kalau bila buat pindaan kepada akta ini nanti, dimasukkan atau dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam akta ini pada satu hari nanti?

Tuan Abun Sui Anyit: Ya. Datuk Seri Yang di-Pertua, saya jadikan soalan dia itu sebagai sebahagian daripada ucapan saya dan saya sangat setuju untuk menjimatkan masa

dan untuk menjimatkan kos dan baik- alangkah baiknya kalau Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan ini bekerjasama dan mempercepatkan apa-apa yang berbentuk undang-undang yang telah dilaksanakan di Sarawak.

Jadi, justeru itu ini satu peluang yang baik, satu kesempatan yang baik untuk kita segera melaksanakan undang-undang yang seperti yang ada di hadapan kita. Jadi, justeru itu, saya dengan ini menyokong penuh Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023, undang-undang baharu ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Sebab tu tadi saya benarkan pencilan daripada YB Pele sebagai mantan Setiausaha Dewan Perundangan Negeri di Sarawak. Dia memang arif tentang undang-undang negeri Sarawak... *[Ketawa]*

Sekarang saya jemput pembahas yang terakhir iaitu YB Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

4.01 ptg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Selamat petang. Salam Malaysia Madani. Jadi, analisa kajian oleh Agensi Angkasa Amerika Syarikat atau NASA membuat kesimpulan bahawa sekiranya suhu global meningkat berterusan kepada dua darjah Celcius melebihi tahap pra industri, manusia di seluruh dunia boleh berdepan dengan impak berganda secara serentak daripada perubahan iklim yang amat serius.

Melalui Perjanjian Paris, negara-negara *signatory* telah bersetuju untuk berusaha supaya dapat mengehadkan peningkatan suhu global kepada 1.5 darjah Celcius melebihi tahap pra industri. Untuk mencapai matlamat tersebut, pelepasan gas rumah kaca hendaklah menjadi sifar bersih menjelang 2050.

Datuk Yang di-Pertua, melalui *National Determine Contribution*, dengan izin, Malaysia memberi komitmen kepada masyarakat antarabangsa untuk mengurangkan intensiti karbon kepada KDNK sebanyak 45 peratus berbanding tahun 2005 yang dijadikan sebagai *baseline, based-year* menjelang tahun 2030 dan mencapai pelepasan gas rumah kaca sifar bersih menjelang 2050.

Jadi, menjawab persoalan Yang Berhormat Datuk Dominic, ini kerajaan bukan cakap sahaja di Malaysia tetapi bercakap di luar negara, memberi komitmen kepada masyarakat antarabangsa dan sentiasa akan di-*update* prestasi *performance* kita. Jadi, kita berdoa ini akan menjadi satu kenyataan ya. Jadi, untuk mencapai... *[Ketawa]* Untuk mencapai *Net Zero* 2050, sistem tenaga global memerlukan transformasi lengkap. Bagi sektor tenaga, ini melibatkan peralihan daripada tenaga fosil ke tenaga yang boleh diperbaharui dan mampan.

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara menumpukan enam- pemacu peralihan tenaga dan salah satu dari pemacu adalah kecekapan tenaga. Datuk Yang di-Pertua, rang

undang-undang yang ditimbang teliti oleh Dewan yang mulia ini adalah inisiatif untuk mengurangkan intensiti penggunaan tenaga serta jejak karbon daripada pengguna elektrik.

Sesuatu transformasi hanya boleh dicapai jika semua pihak yang terlibat bersikap tegas, proaktif dan penerimaan serta penyertaan awam ke atas usaha itu diperoleh. Saya melihat peruntukan rang undang-undang ini komprehensif, terdiri daripada fungsi dan kuasa Suruhanjaya Tenaga sebagai pengawal selia; penetapan intensiti tenaga bagi sesebuah bangunan, pengauditan pengguna tenaga; pelan penambahbaikan kecekapan tenaga berdasarkan Laporan Audit: pendaftaran pengilang, pengimport, Pengurus Tenaga, Juruaudit Tenaga dan institusi latihan serta peruntukan-peruntukan untuk penguatkuasaan undang-undang ini. Jadi, pendek kata ia mengandungi obligasi-obligasi untuk menggunakan tenaga dengan cekap dan mengelakkan pembaziran.

Walaupun peruntukan-peruntukan ini menyeluruh, saya masih ada perkara yang perlu ditanya sebab orang kata kalau tak tanya tak tahu ya. Jadi, tentang beberapa peruntukan yang sudahkan dengan perkataan, "*Sebagaimana yang ditetapkan*", "*Sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya Tenaga*". Saya akui Datuk Yang di-Pertua, memang tidak lazim lah untuk misalnya memperuntukkan kelayakan bagi seorang pengurus dan juruaudit dalam akta, tetapi saya nak tahu ya, pada masa sekarang, siapakah orang yang layak didaftar sebagai pengurus dan juruaudit tenaga dan institusi manakah yang layak untuk memberi latihan kepada mereka supaya memenuhi prasyarat pendaftaran?

Pengetahuan ini penting sebab saya melihat banyak peluang pekerjaan yang baru yang diwujudkan oleh keperluan di bawah rang undang-undang ini. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengesahkan bahawa terdapat 1,000 peluang pekerjaan bagi pengurus tenaga dan 500 pekerjaan untuk Juruaudit ya. Setakat ini adakah tenaga kerja yang berkelayakan dapat memenuhi keperluan mengurus dan juruaudit- dapat memenuhi keperluan yang diperlukan apabila undang-undang ini berkuat kuasa kelak.

Begitu juga banyak peluang untuk memberi perkhidmatan latihan. Yang ulung sekali adalah peluang untuk menceburi industri yang mengeluarkan tenaga yang boleh diperbaharui dan mampan. Minta izin tambah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh. YB, YB pembahas yang terakhir. Jadi saya bagi masa tambah.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Seperti di antara lain pembangunan tenaga solar. Sesungguhnya, Agensi Tenaga Antarabangsa mengunjurkan tenaga solar akan menjadi sumber tenaga yang utama dalam usaha untuk mencapai *Net Zero 2050*.

Jadi soalan saya yang kedua, apakah rancangan kerajaan untuk membangunkan tenaga solar di Malaysia?

Soalan ketiga, bila undang-undang ini berkuat kuasa kelak, adakah kerajaan akan memberi, dengan izin, *grace period* untuk membolehkan penjual ataupun pengimport produk menggunakan tenaga untuk menampal label penarafan kecekapan tenaga bagi stok yang sedia ada?

Soalan keempat, ini orang kampung hendak tahu. Apa purata penggunaan tenaga bagi sesebuah *household*, dengan izin, di Malaysia yang terkini dan berapa peratus penjimatan tenaga elektrik disyorkan untuk menyumbang kepada usaha mencapai *Net Zero 2050*? Saya berpendapat untuk mendapatkan *buy-in* atau penerimaan dan penyertaan awam ke atas inisiatif kecekapan tenaga, perlu diadakan publisiti dan libat urus yang sewajarnya hingga ke peringkat akar umbi.

Jadi, sebagai rumusan, saya mendapati bahawa RUU ini memang sesuatu yang patut kita lakukan. Kerajaan cakap, bukan cakap sahaja tetapi buat ya. Jadi, saya Datuk Yang di-Pertua, menyokong supaya RUU ini atau undang-undang ini diluluskan dan untuk mengakhiri ucapan saya, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin kepada semua rakan yang berada di dalam Dewan ini juga yang di luar Dewan serta seluruh warga Parlimen. Itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Kita jemput Yang Berhormat Menteri untuk mula menjawab.

4.09 ptg.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas keprihatinan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang sebentar tadi. Keseluruhannya ada lapan, tetapi apabila saya congak daripada segi persoalan yang ditimbulkan, sekurang-kurangnya seorang pembahas itu ada lebih kurang empat atau lima perkara. Jadi, keseluruhannya ada dalam lebih kurang 40 persoalan, campur dua pantun yang perlu dijawab. Cuma... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, YB minta masa lebihlah ini?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Akan tetapi bergantung sebab Datuk Seri Huang ini dia dari pagi tadi mempertahankan rang undang-undang kerajaan pada hari ini. Kalau tidak, dia pun kena bawa undang-undang ini sebenarnya. Cuma, daripada perkara yang dibangkitkan tadi, ada beberapa bidang ataupun ruang yang utamalah.

■ **1610**

Saya cuba simpulkan iaitu ada persoalan berkaitan dengan kos, ada soalan berkaitan dengan kelayakan untuk pengurus dan juruaudit, ada persoalan mengenai insentif, persoalan mengenai kaedah pelaksanaan bagaimana untuk kita laksanakan RUU ini kemudian daripada

segi program kesedaran dan juga perancangan daripada segi jangka pendek, jangka panjang dan sebagainya. Cuma untuk mengisi masa itu saya masih bagi penghormatan kepada Yang Berhormat mengikut turutan, tetapi saya percaya juga apabila saya menjawab seseorang itu ia juga mungkin menjawab bersekali persoalan yang ditimbulkan kemudiannya.

Jadi untuk dimulakan ada lah Yang Berhormat Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff, iaitu persoalan mengenai bilakah ia boleh diperluaskan kepada sektor industri yang lain. Daripada segi gambaran, bila kita kemukakan RUU ini iaitu berkaitan kecekapan dan konservasi tenaga ini. Kita memang tumpukan kepada mereka yang menggunakan paling tinggi yang disebut tadi ada nilainya iaitu kerana bila kita lihat balik kalau kita tumpu kepada 1,816 buah premis ini berdasarkan rekod ketika hari ini. Iaitu bila kita tumpukan kepada premis ini sebenarnya mereka ini untuk di bawah kategori komersial dan juga industri, mereka ini merangkumi 60 hingga 70 peratus penggunaan.

Jadi sebab itu hasrat RUU ini kita tumpukan kepada mereka yang memberi kesan secara menyeluruh. Maka sebab itu, ketika ini memang hasratnya kita lihat kepada kumpulan yang terbesar ini. Maka sebab itu, untuk daripada segi pertanyaan berkaitan dengan insentif yang ditawarkan oleh kerajaan dan juga secara tidak langsung atau secara langsung untuk menggalakkan syarikat-syarikat pemain industri ini untuk mengambil tindakan yang lebih proaktif.

Dalam RMK Ke-12, sebenarnya Kerajaan Persekutuan ada tawarkan yang dipanggil Geran Audit Tenaga Bersyarat ataupun bahasa di industri *Energy Audit Conditional Grant* (EACG) kepada sektor industri dan komersial di kesemua negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Geran ini merupakan satu insentif bagi menggalakkan sektor-sektor ini khususnya pengguna-pengguna besar untuk melaksanakan audit tenaga ke atas premis mereka.

Selain itu, terdapat kemudahan pembiayaan melalui *Energy Performance Contracting Fund* ataupun dipanggil *EPC Fund* yang disediakan oleh pihak MDV bertujuan menggalakkan pengguna tenaga mengaplikasikan kaedah pembiayaan projek secara EPC. Baru-baru ini juga, kita dimaklumkan bahawa bank-bank tempatan seperti UOB, Hong Leong dan Maybank turun menyediakan kemudahan pembiayaan projek kecekapan tenaga.

Bagi menggalakkan pembelian peralatan, aset dan perkhidmatan teknologi hijau oleh pengguna, kerajaan turut menyediakan insentif *Green Investment Tax Allowance* ataupun GITA dan juga *Green Investment Tax Exemption* (GITE). Di peringkat antarabangsa, mana-mana kerajaan negeri atau agensi di bawah kerajaan negeri yang berhasrat untuk melaksanakan inisiatif kecekapan tenaga berpeluang untuk mendapatkan dana bantuan daripada pihak luar seperti *UNDP*, *GEF*, *UK*, *Prosperity Fund* dan *ASEAN Plus Three Cooperation Fund*, *GIZ* dan banyak lagi agensi pembiayaan.

Berkaitan dengan bagaimana untuk perancangan kerajaan dalam jangka masa panjang ini, sememangnya selepas *insya-Allah* RUU ini bila diluluskan, Kementerian

Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ataupun PETRA dan Suruhanjaya Tenaga akan terus mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan khususnya pengguna industri dan komersial. Pendekatan ini bertujuan untuk membantu semua segmen masyarakat dan ekonomi yang terlibat agar memahami faedah dan kebaikan yang akan diperoleh daripada pelaksanaan RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga ini.

Jadi untuk soal komunikasi itu memang di peringkat kementerian kita ada perancangan untuk lima tahun-lah, sebab ketika ini bila RUU ini dikemukakan ia bersifat untuk mendidik dan membimbing terutamanya pihak industri untuk mengamalkan kaedah kecekapan tenaga.

Berkaitan dengan persoalan mengenai sama ada perakuan perlu diperbaharui setiap tahun dan adakah tempat perkhidmatan mereka merupakan tempat yang sama? Ini fasal-fasal 26 oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Memang pengurus tenaga perlu melalui latihan daripada institusi latihan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga. Manakala juruaudit tenaga perlu melalui penilaian yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga bagi menilai kelayakan mereka. Berkenaan sijil amalan pula, ia perlu diperbaharui dalam tempoh setahun. Jadi memang daripada segi kemahiran itu perlu kita semak dan sijil itu memang perlu diperbaharui lah secara tahunan.

Untuk Yang Berhormat Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim, tiada soalan. Dan saya *insya-Allah* menyambut baik dan bagi mewakili pihak Yang Amat Berhormat Menteri, mengucapkan terima kasih atas kepekaan Ahli-ahli Dewan Negara dari Sarawak yang telah membangkitkan perkara ini.

Daripada Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau, walaupun kritikal tapi saya rasa hasratnya menyokong. Cuma sebab kalau kita tengok perancangan ini bukan baharu, memang dibawa berkali-kali cuma *Alhamdulillah* komitmen kali ini kita betul-betul bentangkan lah. Tidak lagi ditangguh dan sebagainya. Cuma bila berkaitan dengan kewajipan untuk kita melantik pengurus tenaga dan juga membangunkan *Energy Management System*, sehingga Mac 2024 sebanyak 2,008 orang pengurus tenaga elektrik yang berpotensi untuk didaftarkan di bawah RUU ini.

Bagi juruaudit pula, sehingga Mac 2024 sebanyak 364 buah syarikat perkhidmatan tenaga yang telah mempunyai juruaudit tenaga yang berpotensi untuk didaftarkan sebagai juruaudit tenaga berdaftar di bawah RUU ini. Jadi, sebab itu seperti mana yang saya bentangkan tadi sebenarnya peraturan dan juga proses ini kita telah mulakan lebih awal. Jadi bila kita angkat RUU ini, *insya-Allah* memang jadi Yang Berhormat.

Berkaitan dengan berapakah jumlah pengurus tenaga yang telah mendaftar dengan ST? Adakah jumlah 500 ini cukup untuk memenuhi permintaan dan apakah kaedah untuk kawal selia? Saya dah jawab tadi, 2,008 orang dan juga 374 buah syarikat.

Kemudiannya untuk soalan berkaitan dengan *grace period* iaitu untuk memberi peluang kepada pihak industri adaptasi kepada rang undang-undang ini. Kerajaan jangka untuk kita wartakan akta ini pada penghujung ataupun akhir tahun 2024, di mana Suruhanjaya Tenaga ini akan memainkan peranan sebagai pengawal selia. Dan kalau kita lihat tadi, kalau kita tengok daripada segi sukatan, yang ini saya sebenarnya berbincang juga dengan pihak kementerian yang kita sebut tadi antara syarat ataupun kriteria untuk mereka tadi 21,600 *gigajoules* bagi tempoh setahun.

Jadi untuk berlaku adil memang untuk tahun pertama itu kita kena sukat balik-lah. Maksudnya untuk tempoh setahun ini cuma berdasarkan data sedia ada kita sudah kenal pasti seramai mana ataupun mereka yang berpotensi melebihi paras tersebut. Jadi sebab itu, untuk tahun 2024 ini memang tempoh untuk kita memahami keperluan dan membuat persediaan sewajarnya sebelum akta ini dikuatkuasakan sepenuhnya.

Kemudian berkaitan dengan soalan yang berkaitan dengan kos, disebut tadi penjimatan tadi bukannya penjimatan di peringkat kerajaan. Elektrik ini dibayar oleh industri tadi yang disebut hampir RM100 bilion yang kita boleh jimatkan menjelang tahun 2050. Sebenarnya bila mereka- kalau sebagai contoh ada syarikat yang sebenarnya tidak mengamalkan kecekapan tenaga maka akta ini akan memaksa mereka untuk, sebagai contoh tadi mengambil pengurus yang berdaftar.

Jadi sebenarnya dalam tempoh kiraan yang dibuat dalam tempoh lima tahun itu *offset* itu akan kita akan dapat daripada segi penjimatan dengan kos yang mereka terpaksa adaptasi itu boleh dapat *recover* dalam tempoh lima tahun. Jadi sebab itu bila disebut penjimatan itu, kita jimat daripada segi *consumption* penggunaan tenaga tadi tetapi ruang itu ada peluang untuk pekerjaan dan sebagainya.

■1620

Kemudian, persoalan mengenai skop sama ada kuasa Suruhanjaya Tenaga ini boleh jalankan siasatan dan sebagainya. Sebenarnya kuasa yang diberikan kepada Suruhanjaya Tenaga ini di bawah akta yang kita dah berikan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 lagi, Akta 447. Jadi bagi maksud tersebut, pegawai kuat kuasa yang akan melaksanakan penguatkuasaan di bawah akta ini pegawai yang sama yang menguatkuasakan Akta 447.

Jadi sebenarnya bagaimana Akta Bekalan Elektrik kita dikuatkuasakan? Jadi, kepakaran, kemahiran itu memang sudah sedia adalah. Daripada segi kebimbangan Yang Berhormat itu, sememangnya kita sambut secara baik supaya proses latihan dan kelayakan itu pun kita akan sentiasa pantau dari semasa ke semasa.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Juhanis Abd Aziz. Berkaitan dengan pengiraan berapa banyak rendah karbon dan sebagainya, itu saya rasa lebih tepat untuk dirujuk dengan NRES kerana itu disukai oleh mereka. Adakah kerajaan bercadang untuk- kepada industri? Sudah dijawab.

Kemudiannya, berkaitan dengan sama ada kita hendak bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan bagi tujuan latihan ataupun pendedahan mengenai soal kecekapan tenaga. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kementerian memang sebenarnya sentiasa bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam kita menggubal silibus berkaitan pendedahan dan beri kesedaran awal berkaitan kecekapan tenaga.

Manakala bagi silibus latihan yang dibangunkan di bawah RUU yang kita bincangkan hari ini, lebih fokus kepada mereka yang telah mempunyai kelayakan asas seperti diploma dan ijazah sarjana muda dan untuk pembangunan modul latihan yang dibangunkan supaya untuk kegunaan industri.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah Musa, berkaitan dengan obligasi yang diwujudkan untuk kita memberi impak sekiranya tiada penurunan penggunaan tenaga. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, peruntukan-peruntukan yang diwajibkan di bawah RUU ini seperti kewajipan untuk mewujudkan dan juga melaksanakan sistem pengurusan tenaga.

Di mana sistem pengurusan tenaga ini adalah berdasarkan kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga berasaskan kepada dokumen piawaian seperti ISO 50001 dan juga *Energy Management Goals Standard*, dengan izin. Dijangka dapat membantu pihak pemilik premis untuk menguruskan tenaga dan seterusnya dapat memberikan penjimatan tenaga sehingga 10 peratus.

Jadi kalau nak secara bahasa yang lebih mudah sebagai contoh, apabila RUU ini dilaksanakan, bila kita kenal pasti ada syarikat yang merupakan ada potensi untuk mengurangkan penggunaan tenaganya, maka perkara itu perlu diambil tindakanlah. Sebab itu bila kita usulkan supaya perlu diadakan audit terhadap tenaga yang digunakan oleh syarikat tersebut, kita bukan sekadar untuk tahu penggunaannya tetapi juga ruang-ruang untuk mereka melakukan kecekapan tadi.

Maka sebab itu, untuk daripada segi kaedahnyanya, memang kita nak membimbing syarikat-syarikat ini dan sebab itu di peringkat kementerian kita yakin akan ada kesan positif. Jadi, mungkin Yang Berhormat bimbang kita buat RUU ini tak ada kesan, tapi berdasarkan perbincangan ataupun rundingan ketika ini, memang kita dah nampak beberapa- penjimatan yang berlakulah.

Kemudiannya untuk berkaitan dengan penggunaan produk ataupun soal label untuk kos permohonan label dan sebagainya ini, sebenarnya kalau kita perasan ketika hari ini pun, memang ada produk-produk tertentu yang dah guna pakai. Contoh yang paling mudah, penyaman udara yang kalau kita beli ada Bintang...

Seorang Ahli: *Five...*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: *Five* Bintang yang paling bagus ataupun kalau nak makin kurangnya, empat, tiga dan sebagainya. Jadi sebenarnya perkara itu dah dibuat melalui peraturan sedia ada di bawah Akta Bekalan Elektrik. Jadi sebab itu bila kita buat RUU ini, ini bukan satu kejutan kepada pihak industri ataupun mereka yang memasarkan produk ini.

Daripada segi kosnya pula, kalau saya boleh rujuk sebenarnya, untuk fi perakuan yang perlu dibayar kepada kita punya pengawal selialah iaitu fi ini adalah sebanyak RM250 setahun bagi satu- model. Kemudian, sebenarnya ada kos untuk mereka perlu sebenarnya kena *test* lah. Perkara itu kena ada akreditasi dengan pihak yang bertauliah. Biasanya anggarannya contoh kalau periuk nasi itu dalam RM1,000. Sebenarnya *once* kita dah *test* sekali, cukup untuk supaya produk itu dapat pelabelan. Jadi anggaran kos purata setahun itu bila kita buat dengan uji untuk *test* dan sebagainya, sekitar RM450 per produk. RM1,200...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Yes. Cuma perkara itu bergantung pada industri jugalah. Proses ini yang kita boleh nyatakan kalau untuk BEI tadi, untuk *building* itu sahaja lebih murah sebenarnya sebab dia ya lah kita ambil anggaran kos dan sebagainya. Cuma *the whole process* kebimbangan itu untuk *red tape* yang disebut tadi, garis merah *something* tadi. Jangkaan kita proses permohonan dan sebagainya akan memakan masa selama dua minggu untuk BEI tadi.

Kemudiannya untuk insentif saya telah jawab. Subsidi tadi boleh dirujuk kepada geran untuk kita adakan audit. Kemudiannya, untuk- kalau ada soalan tambahan berkaitan bangunan, boleh bertanya. Saya bagi...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang tadi, yang tadi.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Boleh- sebab saya nak bagi ruang kepada Yang Berhormat mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik hati Menteri. [*Ketawa*]

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: [*Ketawa*] Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini pasal bangunan ini kalau- siapakah yang bertanggungjawab? Adakah *owner of the* bangunan atau penyewa? Sebab kalau kita lihat kepada rang undang-undang, ia tidak menjelaskan siapa yang bertanggungjawab. *It is too wide*. Itu yang pertanyaan saya Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Bila ada jawapan nanti saya akan kemukakan sebab perkara itu memang antara pertimbangan yang perlu disemaklah.

Cuma untuk soal seterusnya sementara saya dapatkan jawapan kepada Yang Berhormat, berkaitan dengan soal program kesedaran berkaitan pengurusan permintaan

tenaga terutamanya kecekapan tenaga dan produk cekap tenaga. Kalau di sini kalau kita lihat kalau di peringkat kementerian, sebenarnya ada beberapa kaedah yang kita guna pakai.

Satu, kalau untuk penggunaan produk cekap tenaga itu, memang di bawah inisiatif kementerian kita ada program yang dipanggil SAVE iaitu kita memberikan *Sustainability Achieved Via Energy Efficiency* (SAVE) ini iaitu kita bagi rebat ataupun rebat sehingga RM400 kepada pengguna yang membeli penyaman udara dan peti sejuk. Untuk belanja ataupun bajet tahun ini ada RM50 juta dan kita akan habiskanlah. Kalau *once* habis, itu yang kita akan pulangkan balik kepada rakyat yang membeli barangan jimat tenaga ini.

Kemudian yang kedua, daripada segi untuk program kesedaran kepada masyarakat secara umumnya dan juga kumpulan khusus, sebenarnya di peringkat kementerian dan juga melalui asalnya dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB), kita ada satu program yang diberi nama *Malaysia Energy Literacy Programme* (MELP). Jadi tahun lepas dah ada persetujuan dengan kementerian sebelum ini, NRECC supaya MELP ini diangkat menjadi bawah program kementerian.

Jadi untuk tahun ini *insya-Allah*, memang kita akan memperkasakan MELP untuk melibatkan pemegang-pemegang taruh yang lain, bukan hanya di pihak TNB, tetapi juga pihak-pihak yang lain supaya ia lebih meluas dan lebih bercambahlah dengan kumpulan sasaran.

Tumpuan kita ini mungkin ada empat fokus utama ketika ini iaitu berkaitan dengan pemahaman asas *energy*. Kita panggil *Energy 101*, *consumer literacy*, *energy of the future* dan juga *advanced energy topics*.

■1630

Cuma perkara ini pun kami dah bincang secara dalaman, *insya-Allah* saya juga akan mengetuailah daripada segi Jawatankuasa Pemandu untuk tengok program MELP ini. Ini kerana tanpa kesedaran kepada masyarakat, walaupun kita cuba ubah daripada segi penajaan dan juga ini dengan industri besar, kita juga memerlukan kelompok yang lebih ramai iaitu masyarakat umum. Jadi, *insya-Allah* MELP ini antara program yang kita akan beri penumpuan pada tahun ini. Kemudiannya, berkaitan dengan- berapa minit sebenarnya ini, Datuk Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab itu awal-awal tadi saya tanya YB Menteri. YB nak panjang kah nak pendek?... [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Pendek saja, pendek saja.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Itulah saya rasa semua dah ada yang keletihan sikit ini sebab saya sendiri pun letih ini.

Timbalan Yang di-Pertua: YB pun dah letih dah... [*Ketawa*]

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Saya baru perasan setengah jam juga dah ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ha, itulah.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, lepas ini nak ada pindaan lagi YB... *[Ketawa]*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Betul. Melainkan kalau ada persoalan lain yang mungkin saya tidak sentuh lagi. Untuk Yang Berhormat tadi nanti saya akan sediakan jawapan daripada pihak kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Zurainah tak payahlah. Datuk Zurainah cukuplah... *[Ketawa]*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Sebab saya difahamkan dia nak bahas lagi sekali lepas ini. Jadi, dua kali dia akan bahas. Saya rasa kalau itu daripada peringkat saya, jadi sekali lagi di peringkat kementerian kami mengucapkan terima kasih dan menghargai semua pandangan. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sebutkan tadi juga, akta ini penting supaya impak dia sebagai contoh yang disebut tadi kita akan membuat penjimatan sebagai negaralah, *as a whole* kita dijangka jimat sehingga RM97.1 bilion menjelang 2050.

Kita juga satu lagi perkara yang *comparison* yang saya tak buat tadi. Kalau nak anggarkan ini, kita boleh bandingkan seolah-olah pertumbuhan 8.24 bilion- pokok selama tempoh 10 tahun hasil daripada penjimatan ini. Jadi, terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya adalah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

Fasal 1 [Pindaan] -

Timbalan Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan pindaan.

4.33 ptg.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Tuan Pengerusi, saya mohon bahawa dalam fasal 1 di bawah perenggan (3), Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga yang pada asalnya memperuntukkan seperti berikut.

“Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam Warta menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan akta ini di mana-mana bahagian di Malaysia. Setelah mengambil kira pendirian negeri-negeri terlibat, fasal 1 di bawah perenggan (3) disyorkan untuk dipinda dengan menggantikan fasal baharu seperti yang berikut. Akta ini hendaklah terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.”

Kementerian ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang prihatin, peka berminat untuk mencadangkan kepada kementerian supaya syor pemakaian dipinda kepada fasal 1(3) Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 ini. Atas nasihat tersebut, kementerian telah berbincang dan membuat keputusan pindaan dalam jawatankuasa rang undang-undang ini.

Timbalan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi terbuka untuk dibahaskan jika perlu. Ada juga nak bahas?

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Ya.

Timbalan Pengerusi: Baik, YB Rita dulu baru YB Susan.

4.34 ptg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Cuma nak mengucapkan terima kasihlah kepada Kerajaan Persekutuan. Sebenarnya kita ini sehaluan. Cumanya di Sarawak kita memang dah ada *setup* yang tersendiri dan terdahulu daripada yang itu. Jadi, nak mengahwinkan semula itu agak kekok sikit, tapi daripada segi dasar semua, kita memang terima pakai semua itu, tak ada masalah ya. Jadi, saya mengucapkan terima kasih. Itu saja.

Timbalan Pengerusi: Baik, YB Susan.

4.35 ptg.

Puan Susan Chemerai Anding: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu memberi sedikit saja input kepada pindaan ini sebab kalau kita lihat pada seksyen 4 RUU ini, akta ini akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga- *Energy Commission*. Suruhanjaya Tenaga ini ditubuhkan oleh Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [*Akta 610*] dan Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 ini tidak terpakai di Sarawak, *suspended*, digantung di negeri Sarawak bermula pada 1 Mei 2001.

Jadi, maka disebabkan Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 ini tidak terpakai di Sarawak, maka Suruhanjaya Tenaga- *Energy Commission* yang bertanggungjawab ke atas peruntukan RUU ini tidak akan dapat menjalankan fungsinya ataupun mempunyai apa-apa kuasa di Sarawak. Jadi, atas sebab itu maka haruslah akta ini terpakai hanya di Semenanjung Malaysia dan di Wilayah Persekutuan. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Pengerusi: Sebab itu pindaan ini dibuat, Yang Berhormat.

Puan Susan Chemerai Anding: Ya.

Timbalan Pengerusi: Ada lagi pencerahan..., tak ada ya? Kalau tak ada saya minta Menteri untuk menjawab.

4.36 ptg.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa. Seperti mana yang disebut tadi, negeri Sarawak dan Sabah akan dikecualikan daripada pemakaian RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga. Pengecualian pemakaian RUU ini membuktikan Kerajaan Persekutuan menghormati kedudukan negeri-negeri tersebut sebagai rakan sekutu yang membentuk Malaysia di bawah Perjanjian Malaysia 1963... *[Tepuk]*

Pengecualian negeri Sarawak adalah selari dengan klausa-klausa dalam Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 dan Akta Bekalan Elektrik 1990 di mana penggunaannya sememangnya tertanggung kepada negeri Sarawak. Manakala, untuk negeri Sabah dikecualikan daripada pemakaian dan penguatkuasaan RUU ini memandangkan kuasa kawal selia bekalan elektrik kini berada di bawah bidang kuasa negeri Sabah mulai 3 Januari 2024. Selain itu, pengurusan kecekapan tenaga elektrik telah pun diperuntukkan di dalam Enakmen Bekalan Elektrik 2024 dan akan dikuatkuasakan melalui Peraturan-peraturan Tenaga Elektrik Dengan Cekap 2024. Terima kasih, Datuk Pengerusi.

Timbalan Pengerusi: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri itu hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Fasal 1 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Fasal-fasal 2 hingga 71 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (Dato' Sri Huang Tiong Sii) dan diluluskan]

■1640

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2023****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Timbalan Yang di-Pertua: Akhirnya, Menteri yang terakhir. Silakan untuk membenteng.

4.41 ptg.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: *Insyah-Allah*, kalau tak ada perbahasan lagi baik.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990 Dibaca Kali Yang Kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati, izinkan saya untuk turut membenteng rang undang-undang ini untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] yang mana ia adalah susulan daripada Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 yang telah diluluskan Dewan yang mulia ini sebentar tadi.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] telah diwartakan pada 30 Ogos 1990 dan terpakai di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Akta ini bertujuan mengawal selia industri pembekalan elektrik, memastikan pembekalan elektrik pada harga yang munasabah, mengawal selia keselamatan pemasangan, loji dan kelengkapan elektrik dan meliputi perkara-perkara berkenaan penggunaan elektrik dengan cekap.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Susulan RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 yang akan dikuatkuasakan bagi tujuan mengawal selia, menguatkuasakan, menyelaras dan melaksanakan inisiatif kecekapan tenaga termasuk tenaga termal, maka pindaan perlu dibuat ke atas beberapa peruntukan berkaitan dengan kecekapan tenaga di dalam Akta 447.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, pindaan yang saya cadangkan melalui Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 ini melibatkan tiga fasal iaitu:

- (a) fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta;
- (a) fasal 2 pula bertujuan untuk meminda seksyen 4:

- (i) tajuk panjang iaitu memotong perkataan “*dan penggunaan elektrik dengan cekap*”;
- (ii) seksyen 4(k) dengan memotong perkataan “*penggunaan elektrik dengan cekap*”. Dalam teks bahasa Inggeris dalam perenggan (ga) dengan menggantikan perkataan “*efficient*” dengan perkataan “*effective*” dan dengan memotong perenggan dalam (la);
- (iii) seksyen 11(1) dengan menggantikan perkataan “*cekap*” dengan perkataan “*berkesan*”;
- (iv) pemotongan Bahagian VA seksyen 23(a), 23(b), 23(c), 23(d);
- (v) subseksyen 53(1) dengan memotong perenggan (xa), (xj) dan (xk); dan
- (b) fasal 3 berkaitan peruntukan kecualian dan peralihan serta pemansuhan Peraturan-peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Secara Cekap 2008.

Pindaan-pindaan lain yang tidak saya nyatakan secara khusus di sini adalah merupakan pindaan kecil bersifat editorial atau berbangkit, *consequential in nature*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, kesimpulannya saya yakin rang undang-undang yang dikemukakan ini akan dapat memantapkan lagi tadbir urus akta ini serta memastikan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ataupun PETRA serta Suruhanjaya Tenaga melaksanakan fungsi dan peranannya dalam memantapkan ataupun menetapkan dasar serta hala tuju dan mengawal selia semua aspek berkaitan dengan kecekapan dan konservasi tenaga secara teratur dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Dato' Sri Huang Tiong Sii:

Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai dua orang Ahli sahaja yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan lima minit seorang. Kalau lebih pun boleh juga... [*Dewan ketawa*]

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

5.45 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Tak lama. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani.

Datuk Yang di-Pertua, Terima kasih kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan penggubalan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023. Dengan izin, saya ingin membaca ungkapan ini dalam bahasa Inggeris Datuk Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: *"We did not borrow the world or the earth from our ancestors, we are- sorry, we did not inherit the earth from our ancestors, we are borrowing it from our children..."* With that in mind Datuk Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya menyokong dan menyambut baik usaha kerajaan dalam menggubal RUU ini yang akan meminda Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] sedia ada untuk diselaraskan dengan RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 dari segi kecekapan penggunaan elektrik.

Kedua-dua RUU ini membuka langkah pertama kerajaan dalam merealisasikan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ataupun *National Energy Transition Roadmap*. Oleh itu, izinkan saya untuk memberi cadangan dan pertanyaan ringkas bagi memperkukuhkan aspirasi kerajaan untuk beralih kepada tenaga yang boleh diperbaharui dan sekali gus memastikan pelepasan GHG bersih, sifar bersih ataupun *net zero GHG* ya, pembebasan gas rumah kaca *emission* menjelang tahun 2050.

Pertama, berkaitan *energy mix* bekalan elektrik Malaysia terkini, bolehkah kerajaan memberi pecahan sumber tenaga boleh baharu *versus* tenaga fosil dalam bekalan elektrik Malaysia?

Kedua, berkaitan penglibatan syarikat tempatan dalam industri bekalan elektrik. Berapa projek-projek yang telah dikenal pasti di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara akan melibatkan penyertaan syarikat tempatan? Bagaimanakah kementerian sedang memastikan peluang-peluang perniagaan yang dijana bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ini diraih oleh syarikat tempatan dan bukan sahaja dimanfaatkan oleh syarikat asing? Sejauh mana kawal selia industri bekalan elektrik di bawah akta ini terutamanya pihak konsesi akan dikerah untuk mewujudkan bekalan elektrik bersumber tenaga yang boleh diperbaharui?

Akhir sekali, akhir sekali. *Very short*. Saya juga ingin membangkitkan isu berkaitan insentif infrastruktur tenaga boleh baharu. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan grid tenaga negara bersedia untuk menerima tenaga boleh baharu- *renewable energy* memandangkan kita sedang menggalakkan pemasangan infrastruktur solar. Janganlah kita juga nanti seperti negara

Vietnam ya, tidak membenarkan penggunaan rumah menjual balik bekalan elektrik berlebihan berkembali ke grid ini.

Datuk Yang di-Pertua, setakat ini sahaja perbincangan saya kali ini. Saya berharap agar menerusi pindaan yang dibawa, kerajaan akan mencapai misi penjimatan penggunaan tenaga elektrik yang lebih cekap dan urus tadbir yang lebih efisien. Tahniah ke atas tindakan kerajaan dalam melaksanakan inisiatif kecekapan tenaga dan pembangunan lestari di Malaysia.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Mohon mencelah sikit. Mohon mencelah sikit.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Sekian, saya mohon menyokong.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Sebelum duduk. Yang di-Pertua boleh ya?

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Dipersilakan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila mencelah.

■1650

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Senator Datuk. Usaha untuk kita mencari opsiyen bekalan elektrik yang *sustainable*, boleh- boleh apa?

Seorang Ahli: *Renew* balik.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: *Renewable*. Banyak bergantung kepada kos pembelian elektrik daripada sumber biasa. TNB. Bagi rumah-rumah yang perbelanjaannya tinggi, maka beberapa subsidi ditarik balik, okey. Maka, yang akan berusaha untuk memasang solar dan sebagainya adalah orang-orang yang mempunyai keupayaan dan tidak menjadi suatu tarikan kepada orang awam. Sedang kan kita nak tindakan yang menyeluruh ya.

Orang yang kaya ini kerana nak menjimatkan wang. Dia berbelanja lah dahulu, RM30,000, RM40,000. ROI nya, entah berapa tahun kita boleh dapat ya? Akan tetapi yang tidak sampai ke tahap kehilangan subsidi ini, maka tidak ada lah minat dia. Jadi, macam mana kita nak jadikan ia nya sebagai suatu *nation interest*? *National interest* yang melibatkan semua rakyat. Kalau Yang Berhormat ada cadangan. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira Hatta ya. Ya. Penjimatan kos itu satu faktor yang penting tetapi kalau kita memandangkan kepada *ozone layer* kita, kalau kita memandangkan kepada masa depan dunia ini. *The global effect*. Itu yang terpaksa negara-negara dalam dunia ini mempunyai cara penjimatan penggunaan tenaga elektrik. Itu satu ya. Kedua, saya rasa- Ini bukan patut saya yang menjawab tetapi ini pandangan saya... *[Ketawa]* sebab ini adalah suatu yang saya...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Menteri baru dahulu.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: ...Lakukan di luar negara... *[Ketawa]* semasa saya bekerja. Saya rasa yang lebihnya Timbalan Menteri boleh menjawab dan saya mengakhiri perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Sekali lagi tahniah ke atas tindakan kerajaan dalam melaksanakan inisiatif kecekapan tenaga dan pembangunan lestari di Malaysia. Sekian. Saya memohon menyokong penggubalan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 untuk masa depan negara dan anak cucu kita. Terima kasih. *Assalamualaikum.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Puan Anna Bell Perian.

4.53 ptg.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani, salam Sabah maju jaya.

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Datuk Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2023 yang telah dilakukan oleh Kerajaan Perpaduan demi kesejahteraan dan pembangunan rakyat secara holistik.

Datuk Yang di-Pertua, melalui pindaan Akta Bekalan Elektrik 1990 kepada Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 merupakan satu usaha yang sangat signifikan dalam mendepani cabaran untuk meningkatkan keupayaan, selaras dengan keperluan dan tuntutan semasa.

Sebagai mana yang terkandung dalam akta ini dalam pindaan seksyen 4- dalam perenggan- pada dasarnya menggunakan perkataan “penggunaan elektrik dengan cekap” telah menggantikan perkataan “cekap” kepada “berkesan” sebagai mana yang terkandung dalam pindaan seksyen 11, subseksyen 11(1). Ini jelas menunjukkan bahawa pindaan akta ini amat menitikberatkan akan keberkesanan suatu akta tersebut dapat dilaksanakan dengan tuntasnya selaras dengan pindaan yang dilaksanakan.

Datuk Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa proses pelaksanaan Rang Undang-undang Akta Bekalan Elektrik ini pastinya akan mengkaji, meneliti dan mengenal pasti semua aspek penting untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Justeru, melalui pindaan Akta Bekalan Elektrik ini, sudah pasti membawa satu anjakan paradigma untuk merealisasikan pembangunan dan menjamin kesejahteraan rakyat dengan memperjuangkan hak keperluan asasi rakyat dijaga dengan semaksimumnya. Demi memperkukuhkan aspirasi kerajaan pada hari ini.

Ini jelas terbukti bahawa sesungguhnya Kerajaan Negeri Sabah yang telah diterajui oleh GRS dilihat sangat komited dalam memastikan kehidupan rakyat Sabah terus terbela dan terus diperjuangkan selaras dengan menjunjung prinsip demokrasi, menghormati hak rakyat dan mewujudkan kestabilan dalam pentadbiran kerajaan.

Justeru, melalui akta ini memperlihatkan bahawa keberkesanan ini sudah tentu menuntut kejayaan pelaksanaan yang bukan hanya retorik semata-mata tetapi perlu dilaksanakan dengan sebaiknya. Di mana kerajaan negeri telah mengambil alih pengawal seliaan tenaga elektrik ini menunjukkan bahawa ini adalah satu usaha dan penanda aras yang jitu dalam mengawal selia bekalan elektrik yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Sabah sendiri.

Kita sedia maklum bahawa isu ini telah membelenggu rakyat Sabah sejak sekian lama sehingga menimbulkan pelbagai persepsi. Rentetan daripada itu, kerajaan negeri di bawah kepimpinan GRS yang hanya berusia tiga tahun tujuh bulan telah melaksanakan pelbagai ikhtiar bagi menjamin kesejahteraan dan taraf kehidupan rakyat dengan lebih baik dan selesa.

Datuk Yang di-Pertua, dengan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 dan kuasa kawal selia elektrik di Sabah yang berada di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah bermula awal Januari 2024 sebagai mana yang dimaklumkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi. Bagi memudahkan- semoga akan memudahkan urusan Kerajaan Negeri Sabah menguruskan tenaga elektrik dengan lebih cekap dan mandiri demi kesejahteraan rakyat sejagat. Justeru, diharap penyelarasan dan kerjasama antara Kerajaan Pusat dan negeri, terutamanya dalam soal proses perundangan dapat diselesaikan dengan sebaiknya.

Datuk Yang di-Pertua, persoalan saya seterusnya. Apakah tindakan tuntas dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan melalui kementerian melihat dalam menyegerakan kuasa kawal selia elektrik di Sabah perlu dilaksanakan dalam tempoh yang munasabah? Bagi menangani isu dan krisis bekalan tenaga elektrik yang serius di Sabah, yang mana isu bekalan elektrik di Sabah telah mencapai tahap yang kritikal. Bandar utama di wilayah Sabah seperti di Kota Kinabalu, Putatan, Penampang, Sandakan, Tawau, Tambunan, Kota Belud, Lahad Datu telah mengalami gangguan elektrik yang sangat serius.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bagi memastikan kejayaan dan kelancaran mengambil ahli pengawal seliaan tenaga elektrik di Sabah, adalah dipohon kepada Kerajaan Persekutuan segera membantu isu-isu dalaman yang berkaitan dengan SESB bagi memudahkan kerajaan negeri apabila mengambil alih sepenuhnya kelak.

Apa yang pasti, usaha ini adalah untuk memenuhi keperluan asas rakyat, terutamanya isu elektrik wajib diselesaikan dalam tempoh yang munasabah, di mana Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan amat memerlukan tenaga elektrik yang mampan dan mampu

menyokong kepesatan industri dalam pelbagai bidang bagi memastikan produktiviti industri di wilayah Sabah dan Labuan agar sentiasa berjaya dan berkualiti.

Datuk Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya buat Yang Berhormat Datuk, Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator, Setiausaha Dewan dan seluruh warga Parlimen.

■1700

*Rumah kita kita jaga,
Sabah terus maju jaya,
Saling bermaafan sesama kita,
Semoga keindahan hari raya dinikmati bersama.*

Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Sekian dan terima kasih...

[Tepuk]

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam bahasa Inggeris, ditukar "*efficient*" kepada "*effective*", kalau tak silap tadi. Kenapa tak "*efficient and effective*"? Kenapa tukar kepada- walaupun dah lambat sekarang, mungkin, tetapi boleh dapat penjelasan- "*efficient*" to "*effective*" itu? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.01 ptg.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kedua-dua Senator yang telah pun mengambil bahagian dan membahaskan rang undang-undang ini.

Seperti mana yang saya nyatakan pada awal tadi, pindaan ini dibuat susulan baru sahaja kita berjaya membentangkan RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023. Cuma, mengambil kesempatan ini, saya rasa mungkin saya boleh bagi sedikit panduan ataupun menjawab serba serbi apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator.

Saya cuba garapkan iaitu, pertama, daripada Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa yang menumpukan kepada soal peralihan tenaga. Untuk ketika ini, statusnya Disember 2023 untuk tenaga boleh baharu (TBB), kita punya jumlah itu sekitar 25

peratus daripada penjanaan yang ada. Sebab itu bila kita sebut sasaran net sifar 2050, daripada segi campuran tenaga itu, kita sasarkan mencapai 70 peratus TBB ini dalam penjanaan tenaga kita tahun 2050. Cuma, untuk ketika ini, sumber-sumber TBB ini kebanyakannya datang daripada hidroelektrik dan juga sebahagiannya daripada solar.

Kemudian, berkaitan dengan daripada segi program dan juga penglibatan. Kalau kita tengok untuk di bawah- satu, memang kalau projek di bawah NTER ini, ada enam *flagship* yang sedang dilaksanakan yang mencakupi kategori kecekapan tenaga. Juga meningkatkan tahap kecekapan tenaga bagi produk-produk menggunakan tenaga melalui peningkatan tahap penarafan, mewajibkan pengauditan tenaga kepada pengguna tenaga besar, mewujudkan *green code*, dengan izin, kepada bangunan komersial yang menggunakan tenaga yang besar. Mewujudkan ESCO *platform*, dengan izin, sebagai koordinator bagi projek-projek *retrofit* di bangunan kerajaan dan juga menjalankan projek *retrofit* di bangunan kerajaan yang mendapat penarafan BEI melebihi 200 kilowatt *per meter square* setahun.

Berkaitan dengan sejauh mana kawal selia industri bekalan elektrik untuk syarikat konsesi, kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga sentiasa memantau dan mengawal selia industri bekalan elektrik daripada aspek pengagihan, penjanaan dan *transmission* berdasarkan panduan ataupun Akta 447 serta perjanjian pembelian elektrik.

Yang Berhormat juga bangkitkan berkenaan supaya peluang pemain industri tempatan ini untuk bersama-sama turut serta dalam industri kita. Pertama, di peringkat kementerian ini, komitmen yang kami berikan adalah supaya semua program yang kita laksanakan itu menjadi punca untuk mana-mana pihak menyertai. Ini bermaksud walaupun kalau ada permintaan, minat dari luar negara, mereka perlu menyertai program yang sedia ada.

Contohnya, untuk membuat ladang solar ataupun *solar farm*. Kerajaan ketika ini dalam proses untuk melaksanakan LLS5, dah dibuka pun. Jadi, pertimbangan itu melalui proses tersebut. Cuma, bezanya juga untuk tahun ini, seperti yang baru sahaja diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga melalui Suruhanjaya Tenaga, bahawa ada juga sejumlah *portion* ataupun tawaran kuota itu memang kita buka khusus untuk *player* Bumiputera, sebagai contoh. Jadi, buat pertama kalinya daripada kuota yang kita ada itu, ada juga kita menjamin bahawa sebahagian daripada itu adalah dibuka di kalangan pemain industri di kalangan Bumiputera, contoh.

Jadi, sebab itu daripada segi komitmen di peringkat kementerian itu, sungguhpun dalam keadaan untuk kita menarik pelaburan dari luar dan sebagainya, bila kita mengenakan kaedah tersebut, diharapkan ada kerjasama antara syarikat pemain industri tempatan dan juga mungkin pemain dari luar negara, bukan sahaja daripada segi soal dana modal tetapi juga perpindahan teknologi dan juga kemahiran.

Berkaitan dengan persoalan Yang Berhormat Dr. Hatta sebentar tadi iaitu sama ada bila kita menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu terutamanya untuk pemasangan solar, ini hanya peluang kepada keluarga T20 yang disebut tadi. Kalau di sini, ada beberapa pertimbanganlah yang kita boleh ambil ataupun kita boleh teliti, iaitu pertama adalah daripada segi kos pemasangan solar itu sendiri.

Sebenarnya dalam tempoh 10 ke-15 tahun ini, banyak penurunan kos yang berlaku. Kalau saya hendak ambil contoh, kalau pemasangan solar untuk kilowatt per jam ini, kalau satu kilowatt 'P' ini, kalau dahulu harganya pada tahun 2011, RM8,000 sehingga RM10,000. Maka, sebab itu kalau rumahnya nak pasang banyak, empat kilowatt kalau rumah yang besar, mencecah RM40,000, tetapi sebab itu untuk kali ini, tahun ini, sebenarnya dia dah turun. Berdasarkan harga di pasaran itu, pada sekitar RM4,000 atau RM5,000 untuk per kilowatt. Jadi, kalau rumah teres pun sebenarnya dah ada ruang untuk memasang.

Cuma, pada masa yang sama, minggu lepas juga Yang Amat Berhormat Datuk Seri Menteri telah pun mengumumkan satu lagi program baharu yang dipanggil SolaRIS ataupun "*Solar for Rakyat Incentive Scheme*" iaitu yang menyediakan rebat sebanyak RM1,000 bagi setiap kilowatt sehingga maksimum RM4,000.

So, sebenarnya untuk tahun ini, kita bagi lagi insentif berbentuk RM1,000, tapi ini juga akan ada yang pertikaikan.

Tuan Abun Sui Anyit: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Ha, baru cakap ada pertikaian. Okey, silakan, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, saya sangat meneliti dan saya sangat berminat dengan tawaran-tawaran yang diberi. Jadi, oleh sebab kita tidak maju ataupun *extend* undang-undang ini ke Sarawak, jadi bagaimanakah kita di Sarawak nanti memperoleh perkhidmatan yang macam ini? Adakah perlu ada kerjasama yang sentiasa? Ini yang saya inginkanlah, tapi tak apa juga, kalau kita ada rumah di sini, boleh pasang di rumah kita sinilah... [*Ketawa*]

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya sebut, yang penerangan ini untuk tenaga boleh baharu. Tidak terikat dengan RUU yang kita bantangkan tadi. Jadi, sebenarnya program ini untuk keseluruhanlah.

Cuma, yang ada juga disebut tadi- ya lah, antara kebimbangan kita yang disebut sama ada bekalan negara lain yang telah menghalang rumah-rumah untuk memasang solar dan sebagainya. Untuk keadaan kita pun, kita kena memahami apabila- daripada segi sistem grid yang kita ada, grid itu ada yang berada di penjanaan dan grid yang di rumah ini *distribution* ataupun pengagihan. Grid di pengagihan sebenarnya berbeza dengan di penjanaan, yang di huluan yang menghasilkan tenaga yang besar. Maka, sebab itu daripada segi apa yang ada

untuk pemasangan kuota di rumah-rumah ini, memang kita masih ada kaedah kuota supaya kita mengawal kestabilan grid tadi. Jadi, yang itu, saya rasa sedikit sebanyak menjawab isu yang berkaitan dengan peralihan tenaga.

Kemudiannya, Yang Berhormat Puan Anna Bell telah berbahas yang berkaitan dengan, saya rasa kepada isu di Sarawaklah... *[Dicelah]* Sabah. Minta maaf. Ini saya salahkan Yang Berhormat Senator Abun yang mengganggu tadi... *[Ketawa]*

■1710

Untuk di Sabah seperti yang telah pun kita maklum, *alhamdulillah* tahun ini Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Sabah telah pun bersetuju dan telah pun menyerahkan daripada segi kawal selia tenaga elektrik di Sabah ini kepada kerajaan negeri Sabah, tetapi ada juga yang dibangkitkan sama ada di sini ataupun di Dewan Rakyat sebagai contohnya adalah kerana pihak yang masih berperanan itu masih TNB ataupun masih ada saham yang perlu di-*transfer* ataupun dipindah alih. Cuma perkara ini mengambil masa. Kalau ikut persetujuan itu sehingga tahun 2027. Jadi sebab itu memang kita masih ada ruang daripada segi perbincangan dan sebagainya. Ini sebelum diserahkan sepenuhnya kepada negeri Sabah.

Jadi sebab itu Kerajaan Persekutuan sememangnya memang komited untuk membantu Kerajaan Negeri Sabah dalam kita membangunkan infrastruktur dan penjanaan bekalan elektrik walaupun sebenarnya kuasa kawal selia itu telah pun diserahkan kepada kerajaan negeri. Cuma, bila berlaku penyerahan tadi sebab perkara itu perlu melakukan perpindahan daripada TNB nanti, jadi memang akan ada kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sabah. Cuma perkara ini juga kita bincang memang ada pelan transformasi dan sebagainya untuk membantu daripada segi membolehkan Kerajaan Negeri Sabah ini berupaya untuk meneruskan operasi bekalan SESB di Sabah. Saya rasa cukup sekadar itu.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson mengapa kita tukar efisien kepada efektif dan kenapa bukan *efficient and effective*. Pindaan tersebut dibuat bagi maksud menyelaraskan penggunaan perkataan berkesan yang digunakan dalam teks Bahasa Kebangsaan dengan pemakaian perkataan efektif yang dicadangkan dalam teks bahasa Inggeris. Jadi cadangan pindaan adalah hanya bagi maksud menterjemahkan perkataan berkesan yang diperuntukkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 *[Akta 447]*.

Jadi Datuk Yang di-Pertua. Akhir kata saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada kesemua Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian. Untuk menjawab persoalan asal tadi dua pantun...

*Terima kasih daun keladi;
Yang Berhormat Senator yang menyokong rang undang-undang ini.*

*Selamat Hari raya Aidilfitri;
Ada rezeki kita jumpa lagi... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Pengerusi **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Pengerusi **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (Dato' Sri Huang Tiong Sii) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam perpaduan. Syukur pada hari ini Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Ke Lima Belas Majlis Dewan Negara selesai bersidang selama tiga minggu bermula 18 Mac 2024 yang lepas. Sepanjang persidangan majlis Dewan Negara kali ini, sebanyak 14 Rang undang-undang telah dibawa dari Dewan Rakyat, manakala tiga rang undang-undang lagi telah dibawa daripada sesi mesyuarat yang lepas untuk dipertimbangkan di Dewan ini. Kesemua 17 rang undang-undang telah pun diluluskan.

Saya ingin menyatakan rasa syukur bahawa dalam sesi pertama saya sebagai Yang di-Pertua, sesi kali ini juga melakar sejarah apabila suatu pindaan substantif di peringkat jawatankuasa sebuah buah majlis Dewan Negara turut dipersetujui. Ini mencerminkan kewibawaan Dewan yang mulia ini dalam memainkan peranan semak dan imbang terhadap proses penggubalan undang-undang negara. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam proses ini khususnya kepada Yang Berhormat Senator sekalian...
[Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya mengikut rekod, seramai 52 orang Yang Berhormat senator telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja yang menyentuh isu-isu nasional dan berkepentingan rakyat secara menyeluruh yang melibatkan 28 buah kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri.

Manakala sejumlah 46 orang iaitu lebih kurang 87 peratus dalam kalangan Ahli telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas 17 rang undang-undang yang telah dipersetujukan. Penglibatan yang sangat aktif ini amat membanggakan dan pastinya komitmen yang sangat tinggi ini meningkatkan kredibiliti Dewan dan membuka mata awam bahawa Dewan ini bukanlah *rubber stamp*, dengan izin, semata-mata... [Tepuk]

Syabas saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara yang berbahas dengan substantif dan konstruktif dalam persidangan kali ini. Saya menyarankan agar momentum ini akan diteruskan pada sidang-sidang yang akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya turut ingin merakamkan ucapan tahniah kepada barisan Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang yang telah membentangkan Penyata yang pertamanya yang saya dapati amat komprehensif dan mengusulkan syor yang bermanfaat kepada Yang Berhormat Senator yang lain, sama ada sebagai input perbahasan, mahupun asas dalam menimbang suatu rang undang-undang.

Saya amat berharap input daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara ini dapat dimanfaatkan oleh Yang Berhormat Senator sekalian serta meningkatkan kualiti perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh warga kerja Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Pentadbir Parlimen Malaysia khususnya kepada Setiausaha Dewan Negara... [Tepuk] Yang telah mengetuai dan melancarkan urusan sesi mesyuarat pada kali ini.

Syabas saya ucapkan kepada kesemua anggota warga kerja Parlimen Malaysia yang komited dan menjalankan tugas dengan penuh produktif di sepanjang mereka mengerjakan ibadah puasa pada bulan Ramadan ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Kepada semua Yang Berhormat Senator yang akan pulang ke kawasan masing-masing, selamat pulang ke destinasi dengan selamat. *Bon Voyage*.

Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga dan sanak saudara yang tersayang kepada semua Yang Berhormat yang beragama Islam. Kepada Ahli Yang Berhormat Senator yang lain, selamat bercuti dan saya menyarankan agar kita- semua merencanakan lagi semangat muhibah sesama kita dengan kunjung-mengunjungi pada musim perayaan ini. Sekian, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan hingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan... *[Tepuk]*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.21 petang]